



POLITEKNIK
MALAYSIA
NILAI

PENGAJIAN ISLAM

EDISI KEDUA

Unit Pendidikan Islam Politeknik Nilai



PENGAJIAN ISLAM

EDISI KEDUA



© Politeknik Nilai Negeri Sembilan (PNS)

Kompleks Pendidikan Bandar Enstek,
71760, Bandar Enstek,
Negeri Sembilan
No. Tel: 06-7980400
No. Fax: 06-7911269
<https://pns.mypolycc.edu.my/>

ISBN

Cetakan Pertama

Semua hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbit, mengulang cetak, mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, fotografi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain yang direka pada masa akan datang sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Politeknik Nilai.

Diterbitkan oleh:

Politeknik Nilai Negeri Sembilan (PNS)
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek,
71760, Bandar Enstek,
Negeri Sembilan

PRAKATA

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya, proses penambahbaikan dan penyempurnaan penulisan modul ini dapat diselesaikan dengan jayanya.

Modul ini diterbitkan bagi menyokong penawaran kursus Pengajian Islam (PI), iaitu salah satu kursus teras di institusi. Penerbitan modul ini adalah selari dengan silibus kursus Pengajian Islam yang telah ditetapkan dengan tujuan untuk membantu para pelajar dan pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih sistematik dan berkesan.

Modul edisi kedua ini disusun semula dengan penambahbaikan yang signifikan berbanding modul terdahulu. Pengolahan kandungan dibuat dengan lebih berfokus dan tersusun, hasil daripada proses perbincangan, percambahan pemikiran, penelitian serta penyuntingan yang teliti. Semua usaha ini dilakukan bagi menyesuaikan modul dengan orientasi dan konsep pengajaran semasa yang lebih relevan.

Secara keseluruhannya, buku ini membincangkan beberapa topik penting seperti konsep asas Islam, Islam dan asas Syariah, institusi Islam serta Islam dan cabaran semasa. Setiap topik diringkaskan untuk memudahkan kefahaman dan penguasaan para pelajar serta dilengkapi dengan latihan-latihan formatif untuk mengukuhkan kefahaman pelajar.

Adalah menjadi harapan kami agar modul ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Semoga ia menjadi salah satu mekanisme untuk memperkukuh pemahaman terhadap hakikat insan sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah membantu menjayakan penerbitan modul ini, termasuk para penulis, penyunting, pereka letak dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Unit Pendidikan Islam
Politeknik Nilai

SIDANG EDITOR

Penasihat

Dr. Siti Noridah Ali
(Pengarah Politeknik Nilai)
Pn. Hj. Rosmawati Razak
(Ketua Jabatan Pengajian Am)

Ketua Sidang Editor

Dr. Hj. Nor Hayati Fatmi Talib

Penulis/ Penyemak/ Penyusun dan Penyemak

Pn. Hj. Rosmawati Razak
En. Zainorhisyam Mohamad Nor
Dr. Hj. Nor Hayati Fatmi Talib
Pn. Noriah Nawi
En. Muhamad Naim Abdul Halim
En. Muhammad Shibli Johari
En. Abdul Aziz Othman
En. Jamalizamani Jamaluddin
Dr. Mahnessa A. Kadir

Editor Rekabentuk

En. Muhammad Asyraf Abdul Ghani

Pembaca Pruf

Dr. Hj. Nor Hayati Fatmi Talib

ISI KANDUNGAN

PRAKATA	iv
SIDANG EDITOR	v
TOPIK 1: KONSEP ASAS ISLAM	1
1.0 PENGENALAN	2
1.1 PENGERTIAN ISLAM, IMAN DAN IHSAN	2
1.1.1 Pengertian Tasawur Islam	3
1.1.2 Kepentingan dan Faedah Memahami Konsep Tasawur Islam	3
1.1.3 Ciri-ciri Kesempurnaan Islam	4
1.1.4 Pengertian Iman dan Pembahagiannya	8
1.1.5 Kaedah Menjaga dan Mempertingkatkan Iman	11
1.1.6 Pengertian Ihsan dan Permasalahannya	12
1.1.7 Hubungan Islam, Iman dan Ihsan	13
1.2 PELAKSANAAN RUKUN ISLAM	14
1.2.1 Konsep Syahadah	14
1.2.2 Perkara yang Membatalkan Syahadah	15
1.2.3 Melaksanakan Ibadah Solat dengan Sempurna	15
1.2.4 Melaksanakan Ibadah Puasa, Zakat dan Haji	17
1.3 RUKUN IMAN DAN PEMBAHAGIANNYA	21
1.3.1 Beriman kepada Allah SWT	22
1.3.2 Beriman kepada Rasul	23
1.3.3 Beriman kepada Kitab-kitab	25
1.3.4 Beriman kepada Malaikat	26
1.3.5 Beriman kepada Hari Akhirat	27
1.3.6 Beriman kepada Qadak dan Qadar	29
1.4 IHSAN	30
1.4.1 Konsep Ihsan	30
1.4.2 Konsep Akhlak	32
1.4.3 Konsep Dosa dan Pahala	36
Kesimpulan	37
Rujukan	38
Latihan Pengukuhan	39
TOPIK 2: ISLAM DAN ASAS SYARIAH	42
2.0 PENGENALAN	43
2.1 ILMU PENGETAHUAN	43
2.1.1 Merumuskan Pengertian Ilmu	43
2.1.2 Sumber-Sumber Ilmu Menurut Islam	46
2.1.3 Matlamat Menuntut Ilmu	48
2.2 APLIKASI ASAS SYARIAH	51
2.2.1 Ibadah	52
2.2.2 Muamalat	56

2.2.3	Munakahat (Perkahwinan)	61
2.2.4	Jenayah/ Jinayat	66
	Kesimpulan	70
	Rujukan	70
	Latihan Pengukuhan	72
TOPIK 3:	INSTITUSI ISLAM	76
3.0	Pengenalan	77
3.1	INSTITUSI KELUARGA DAN MASYARAKAT	77
3.1.1	Tanggungjawab Ibu Bapa terhadap Anak	77
3.1.2	Tanggungjawab Anak terhadap Keluarga dan Ibu Bapa yang Telah Berusia	79
3.2	KONSEP KEJIRANAN	80
3.2.1	Hak Jiran	82
3.2.2	Konsep Masyarakat Majmuk Menurut Pandangan Islam	84
3.3	INSTITUSI EKONOMI	87
3.3.1	Peranan Zakat dalam Pembangunan Islam	87
3.3.2	Perbankan Islam	88
3.3.3	Takaful	91
3.3.4	Ar-Rahnu	93
3.4	INSTITUSI PENDIDIKAN	96
3.4.1	Institusi Masjid	96
3.4.2	Universiti sebagai Institusi Pendidikan	101
3.4.3	Institusi Pendidikan Pondok	103
3.5	INSTITUSI SIASAH	105
3.5.1	Khilafah	106
3.5.2	Imamah	106
3.5.3	Syura	107
3.5.4	Hisbah	109
	Kesimpulan	111
	Rujukan	112
	Latihan Pengukuhan	115
TOPIK 4:	ISLAM DAN CABARAN SEMASA	119
4.0	Pengenalan	120
4.1	KERUNTUHAN AKHLAK	120
4.1.1	Gejala Keruntuhan Akhlak	120
4.1.2	Cabaran Pembinaan Akhlak Masa Kini	121
4.2	PEMBANGUNAN ALAM SEKITAR	125
4.2.1	Konsep Pembangunan Menurut Islam	125
4.2.2	Faktor Pembangunan dalam Islam	125
4.2.3	Panduan dalam Pembangunan	126
4.2.4	Matlamat Pembangunan dalam Islam	127
4.2.5	Konsep Alam Sekitar	128
4.2.6	Penjagaan Alam Sekitar menurut Islam	129

4.2.7	Kesan Pengabaian terhadap Pembangunan Alam Sekitar	130
4.3	SAINS, TEKNOLOGI DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI	131
4.3.1	Sains dan Teknologi Menurut Islam	132
4.3.2	Definisi Teknologi	132
4.3.3	Definisi Teknologi Maklumat	132
4.3.4	Keperluan Sains dan Teknologi	132
4.3.5	Panduan Islam tentang Sains, Teknologi dan ICT	133
4.4	GLOBALISASI	135
4.4.1	Konsep Globalisasi	135
4.4.2	Cabaran Globalisasi	136
4.4.3	Peranan Umat Islam Mendepani Cabaran Globalisasi	137
4.5	SALAH FAHAM TERHADAP ISLAM	138
4.5.1	Sekularisme	139
4.5.2	Liberalisme	140
4.5.3	Pluralisme	143
4.5.4	Islamofobia	145
4.6	RADIKALISME DAN EXTREMISME DALAM BERAGAMA	146
4.6.1	Radikalisme	146
4.6.2	Extremisme	146
4.6.3	Gerakan Islam yang Ektrem dan Radikal	147
4.7	PENYELEWENGAN AKIDAH DAN AJARAN SESAT	148
4.7.1	Ciri-ciri Penyelewengan Akidah dan Ajaran Sesat Secara Umum	149
4.7.2	Implikasi Penyelewengan Akidah dan Ajaran Sesat	150
4.7.3	Langkah Menangani Penyelewengan Akidah dan Ajaran Sesat	151
	Kesimpulan	152
	Rujukan	153
	Latihan Pengukuhan	155

Silibus Versi: 03102023_1_Efektif: Sesi_II_2023/2024

CLO1: Pelajar dapat melaksanakan amalan Islam dengan betul dalam kehidupan seharian (A2: Memberi Maklumbalas) (CLS3B: Kemahiran Interpersonal)

Pentaksiran: 2 Tunjukcara (40 Markah)

TOPIK 1: KONSEP ASAS ISLAM

1.0 PENGENALAN

1.1 PENGERTIAN ISLAM, IMAN DAN IHSAN

1.1.1 Pengertian Tasawur Islam

1.1.2 Kepentingan dan Faedah Memahami Konsep Tasawur Islam

1.1.3 Ciri-ciri Kesempurnaan Islam

1.1.4 Pengertian Iman dan Pembahagiannya

1.1.5 Kaedah Menjaga dan Mempertingkatkan Iman

1.1.6 Pengertian Ihsan dan Permasalahannya

1.1.7 Hubungan Islam, Iman dan Ihsan

1.2 PELAKSANAAN RUKUN ISLAM

1.2.1 Konsep Syahadah

1.2.2 Perkara yang Membatalkan Syahadah

1.2.3 Melaksanakan Ibadah Solat dengan Sempurna

1.2.4 Melaksanakan Ibadah Puasa, Zakat dan Haji

1.3 RUKUN IMAN DAN PEMBAHAGIANNYA

1.3.1 Beriman kepada Allah SWT

1.3.2 Beriman kepada Rasul

1.3.3 Beriman kepada Kitab-kitab

1.3.4 Beriman kepada Malaikat

1.3.5 Beriman kepada Hari Akhirat

1.3.6 Beriman kepada Qadak dan Qadar

1.4 IHSAN

1.4.1 Konsep Ihsan

1.4.2 Konsep Akhlak

1.4.3 Konsep Dosa dan Pahala

Kesimpulan

Rujukan

Latihan Pengukuhan

TOPIK 1: KONSEP ASAS ISLAM

Nor Hayati Fatmi Talib, PhD (Penulis & Penyemak)

Rosmawati Razak (Penulis & Penyemak)


Yusri bin Yusoff (Penulis)

1.0 PENGENALAN

Allah SWT telah menganugerahkan pelbagai keistimewaan kepada manusia agar mampu melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Namun, manusia masih memerlukan bimbingan wahyu serta kebergantungan kepada Allah SWT. Sehubungan itu, Islam dijadikan pegangan dan anutan yang lengkap dan sempurna sebagai memenuhi keperluan serta kepuasan rohani dan jasmani manusia.

1.1 PENGERTIAN ISLAM, IMAN DAN IHSAN

Islam adalah agama *samawi* yang diturunkan oleh Allah SWT penutup segala agama, bukan hanya sistem kepercayaan tetapi suatu cara hidup yang menyeluruh (syumul). Terdapat tiga komponen utama yang menjadi asas dalam Islam iaitu *akidah/ iman* (kepercayaan), *Syariah/ Islam/ ibadah* (perundangan) dan *akhlak/ ihsan* (nilai, moral dan etika) yang terhasil daripada manifestasi Islam, iman dan ihsan. Pemahaman kandungan dalam komponen asas ini adalah sangat penting bagi membentuk gambaran yang menyeluruh tentang Islam sebagai agama yang menjadi anutan dan pegangan dalam kehidupan seorang muslim.



Secara asasnya pengertian Islam, iman dan ihsan serta huraianya telah diceritakan di dalam sebuah hadis yang bermaksud:

Daripada Abu Hurairah RA Rasulullah SAW bersabda: Kalian bertanyalah kepadaku. Namun kerana hormat yang mendalam mereka takut dan segan untuk bertanya kepada baginda. Maka seorang lelaki datang lalu duduk di hadapan kedua lutut baginda. Lelaki itu bertanya: Wahai Rasulullah, apakah itu Islam? Rasulullah SAW bersabda: Islam adalah kamu tidak menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu apa pun, mendirikan solat, membayar zakat dan berpuasa di bulan Ramadhan. Dia berkata: Kamu benar. Lelaki itu bertanya lagi: Wahai Rasulullah apakah itu iman? Rasulullah SAW menjawab: Hendaklah kamu beriman kepada Allah SWT, Malaikat-Nya, kitab-Nya, RasulNya, hari kebangkitan serta beriman kepada takdir semuanya. Lelaki itu

berkata: Kamu benar. Lelaki itu berkata lagi: Wahai Rasulullah apakah itu ihsan? Rasulullah SAW bersabda: Hendaklah kamu beribadah kepada Allah SWT seolah-olah kamu melihat-Nya. Sekiranya kamu tidak dapat melihat-Nya sesungguhnya Allah SWT sentiasa melihat kamu. Lelaki itu berkata: Kamu benar. Kemudian beredar keluar lelaki itu daripada majlis tersebut. Rasulullah SAW bersabda: Tahukan kamu siapakah orang yang menyoal tadi? Rasulullah SAW bersabda: Itulah Jibril yang berkeinginan agar kalian mempelajari agama ketika kalian tidak bertanya. (Hadis Riwayat Muslim (11))

1.1.1 Pengertian Tasawur Islam

Tasawur Islam adalah gambaran/ penjelasan yang komprehensif dan benar mengenai Islam tentang keseluruhan prinsip-prinsip asas Islam secara lengkap sehingga sebatik dalam diri orang yang memahaminya (Haron, 1992). Pembentukan Tasawur Islam bermula daripada penerimaan dan penyebaran wahyu Allah SWT oleh Rasulullah SAW di Mekah seterusnya di Madinah. Setiap kali Rasulullah SAW menerima wahyu berupa ayat-ayat al-Quran, baginda akan menyebarkan dan menjelaskan keseluruhannya kepada masyarakat.

Proses pembentukan perkara-perkara pokok merupakan bahagian terpenting dalam tasawur Islam. Perkara-perkara pokok ini ialah akidah, ibadah dan akhlak. Daripada ketiga-tiga perkara pokok ini pula, akidah merupakan tunjangnya (Sidek, 2006). Selain itu, pemahaman terhadap tasawur Islam secara menyeluruh juga perlu dimulakan dengan penjelasan mengenai perkataan Islam itu sendiri sebagai agama wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia. Islam (الإسلام) adalah nama yang diberikan sendiri oleh Allah SWT. Nama ini bukan ciptaan dan rekaan Nabi Muhammad SAW bahkan telah disebut oleh Allah SWT melalui firman-Nya yang bermaksud:

“dan telah Ku redhai Islam itu menjadi agama bagimu.” (Surah al-Maidah 5:3)

Perkataan Islam berasal dari Bahasa Arab bermaksud selamat, sejahtera, aman dan harmoni. Dari segi istilah syarak, Islam ialah agama yang mentauhidkan Allah SWT serta tunduk dan patuh dengan sepenuh hati kepada perintah Allah SWT. Agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW bagi membimbing umatnya ke jalan yang lurus seterusnya mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

1.1.2 Kepentingan dan Faedah Memahami Konsep Tasawur Islam

Berdasarkan hasil penelitian dan kajian para sarjana yang mendalam terhadap *maqasid* atau objektif syariat Islam, dapat dirumuskan beberapa kepentingan memahami konsep tasawur Islam seperti berikut:

1. Mampu memberi gambaran umum dan menterjemahkan konsep Islam yang sebenar dalam kehidupan.
2. Memahami konsep Islam sebenar bukan hanya mengatur kehidupan umatnya dalam aktiviti keagamaan semata-mata bahkan Islam adalah agama atau sistem hidup yang menyeluruh.
3. Mampu melahirkan modal insan yang mempamerkan keindahan Islam melalui peribadi muslim yang sejati, secara tidak langsung menjadi sebahagian *dakwah bil hal*.

Antara faedah memahami konsep tasawur Islam pula dapat dilihat merangkumi aspek berikut:


1. Islam mempunyai ciri tersendiri untuk membentuk umat yang cemerlang dunia dan akhirat.
2. Meyakini Islam adalah satu-satunya cara hidup yang diterima dan diredai oleh Allah SWT untuk dianuti dan dihayati oleh manusia sebagai hamba Allah SWT di segenap pelosok dunia dan sepanjang zaman.
3. Kesyumulan Islam adalah mengatur semua bidang kehidupan manusia. Islam bukan hanya untuk bangsa dan kelompok tertentu sahaja. Islam bersifat menyeluruh dan sejagat.

1.1.3 Ciri-ciri Kesempurnaan Islam

Islam ialah satu-satunya agama yang dibawa oleh sekalian Nabi dan Rasul bermula daripada Nabi Adam AS sehingga Nabi Muhammad SAW manusia tanpa mengira sempadan masa, tempat dan warna kulit. Oleh sebab itu, keunggulan Islam amat berbeza dengan agama samawi yang lain, apatah lagi jika dibandingkan dengan agama-agama berunsurkan ideologi yang wujud di dunia ini. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya agama di sisi Allah SWT adalah Islam (Surah Ali-Imran 3: 19

Antara ciri-ciri dan keistimewaan Islam adalah seperti yang dinyatakan di dalam gambarajah berikut:



Rajah 1: Ciri-ciri Keistimewaan Islam

Allah SWT, Muhammad di dalam kitab wedha (Hindu)



1. Rabbaniyyah (Ketuhanan)

Rabbaniyyah atau ketuhanan bermaksud segala konsep, hukum, nilai dan peraturan syariah yang terdapat di dalam Islam adalah digubal dan ditetapkan melalui wahyu oleh Allah SWT. Ia bukanlah terhasil daripada kajian dan pemikiran manusia yang bersifat lemah dan terbatas. Peranan manusia hanyalah sekadar memahami, merungkai, memperkembangkan dan melaksanakannya dalam kehidupan melalui amalan-amalan yang terkandung di dalamnya. Ciri ini amat jelas membezakannya daripada semua perundangan duniawi yang bersumberkan pemikiran manusia tetapi syariah Islam adalah daripada pencipta manusia itu sendiri iaitu Allah SWT. Ciri-ciri *rabbaniyyah* ini banyak dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran. Antaranya melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah turunkan kepada kamu kitab (al-Quran) dengan kebenaran, maka taatlah kepada Allah SWT dengan penuh keikhlasan kepada-Nya. Ingatlah bahawa agama yang bersih (benar) itu adalah milik Allah SWT (Surah al-Zumar 39: 2–3)

2. Alamiyyah (Universal/ Kesejagatan)

Alamiyyah bermaksud Islam adalah agama yang bersifat universal. Ertinya ia meliputi semua ruang lingkup alam semesta yang tidak terikat dengan masa, tempat, ruang dan batasan sempadan geografi. Walau di mana manusia berada mereka tetap terikat dengan syariat Islam. Malah, Islam sesuai untuk semua manusia, setiap bangsa dan tidak terbatas pada masa-masa tertentu. Oleh itu, tidak ada dakwah perkauman dalam Islam, tidak ada *asabiyyah* dalam hukum dan tidak ada perbezaan kasta dalam Islam.

Semua manusia tanpa mengira lelaki dan perempuan, bahasa, warna kulit serta bangsa mempunyai kedudukan yang sama di sisi Allah SWT. Tidak ada bangsa tertentu yang boleh mendakwa bahawa mereka lebih mulia daripada bangsa lain. Kemuliaan disisi Allah SWT dinilai berdasarkan tahap ketakwaan seorang manusia kepada-Nya. Nilai ketakwaan inilah yang membezakan seseorang dengan yang lain. Semakin tinggi tahap ketakwaan seseorang, maka semakin tinggilah kedudukan orang tersebut di sisi Allah SWT. Ini bertepatan dengan apa yang ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

“...sesungguhnya yang terlebih mulia dikalangan kamu disisi Allah SWT ialah yang paling bertakwa...” (Surah al-Hujurat 49: 13)

Manifestasi kesejagatan Islam bukan hanya meliputi sesama manusia sahaja, bahkan merangkumi makhluk-makhluk yang lain. Justeru itu, ajaran Islam diturunkan bukan sahaja untuk menjaga kebahagiaan, kesejahteraan dan kebajikan manusia sahaja, tetapi juga membawa ketenteraman dan keamanan makhluk lain seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan, gunung-ganang dan lain-lain.

3. Syumuliyah (Menyeluruh)

Syariah Islam adalah suatu sistem yang merangkumi seluruh urusan kehidupan manusia, memenuhi segala keperluan dan kepentingan manusia serta menyusun dan menggariskan hubungan manusia dalam segenap rangkaian. Ia merangkumi segenap aspek dan bidang kehidupan manusia sama ada dari sudut hubungan dengan Allah SWT, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam. Ia merangkumi pemikiran, akhlak, pendidikan, jenayah, ekonomi, politik, sosial, perundangan, alam sekitar, kesihatan dan lain-lain. Sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya”. (Surah al-Baqarah 2: 208)

Jika prinsip dan syariat Islam ini dihayati sepenuhnya ia akan menjadi solusi dan menajarahkan jalan penyelesaian yang terbaik bagi setiap kemelut dan masalah yang dihadapi oleh setiap manusia. Sifat menyeluruh serta ketinggian prinsip-prinsip dan sistemnya telah dinyatakan di dalam al-Quran melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tidaklah Kami lupakan sesuatu pun dalam al-Kitab (tidak ada satu pun yang tidak kami tulis di dalam kitab ini). (Surah al-An’am 6: 38)

Namun, tidak semua aspek kehidupan manusia ini dijelaskan dengan terperinci dalam al-Quran dan al-Hadis. Al-Quran dan al-Hadis kadangkala menyebut sesuatu perkara secara asas sahaja. Keadaan ini adalah kerana perjalanan hidup manusia akan silih berganti daripada satu generasi kepada generasi seterusnya sehingga berlakunya kiamat manakala wahyu al-Quran dan al-Hadis pula telah terhenti dengan kewafatan baginda Rasulullah SAW.

Perincian dan huraiannya dibiarkan kepada manusia mengikut kesesuaian masa dan suasana kehidupan berdasarkan asas-asas yang terkandung di dalam al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Natijahnya, ajaran dan syariat Islam sentiasa sesuai bagi semua manusia pada setiap zaman. Sebagai contohnya, pelaksanaan solat berjemaah dalam tempoh pandemik Covid 19 ini dengan jarak satu meter merujuk kepada kaedah-kaedah fekah bagi memastikan kemudharatan hendaklah dihilangkan. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tidak boleh memudharatkan dan tidak boleh membalas mudharat dengan mudharat” (Hadis Riwayat Ibnu Majah (2341)

4. Tawazun (Kemanusiaan dan Keseimbangan)

Manusia sejak lahirnya lagi telah memiliki fitrah beragama tauhid, iaitu mengesakan Allah SWT. Fitrah merupakan suatu keyakinan tentang keesaan Allah SWT yang digambarkan melalui syariat Islam. Syariat Islam bersifat kemanusiaan kerana Islam dicipta, digubal dan diturunkan oleh Allah SWT untuk seluruh manusia. Keseimbangan dapat dilihat dalam pelbagai aspek dan

bidang kehidupan manusia sama ada individu dan masyarakat, rohani dan jasmani, material dan kerohanian serta dunia dan akhirat.

Agama Islam sekali-kali tidak membenarkan umatnya bersifat mementingkan diri sendiri sehingga mengabaikan kepentingan masyarakat dan begitu juga sebaliknya. Islam juga tidak menyarankan umatnya mengutamakan aspek dalaman atau kerohanian semata-mata sehingga mengabaikan aspek luaran iaitu jasmani dan kebendaan dan begitu juga sebaliknya. Misalnya, seseorang individu muslim tidak dibenarkan melaksanakan ibadat setiap masa seperti berpuasa setiap hari menyebabkan terabainya kesihatan tubuh badan dan akan mendatangkan kemudharatan di pihak lain, pengabaian hak isteri, hak anak-anak dan hak-hak lain yang perlu ditunaikan. Begitu juga dalam pencarian rezeki. Setiap individu muslim tidak dibenarkan mencari rezeki sehingga mengabaikan kepentingan dan tuntutan melaksanakan ibadat kepada Allah SWT. Contohnya bekerja sehingga mengabaikan dan meninggalkan kewajipan menunaikan solat lima waktu. Ini jelas bertentangan dengan kehendak Allah SWT sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu telah diseru untuk menunaikan solat pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu mengingati Allah SWT dan tinggalkan jual beli. Itu lebih baik bagi kamu sekiranya kamu mengetahui. Apabila solat telah dilakukan maka bertaburlah kamu di muka bumi, carilah kurniaan Allah SWT dan ingatlah Allah SWT banyak-banyak supaya kamu beruntung. (Surah al-Jumu'ah 62: 9-10)

Islam memerintahkan agar kesemua aspek hidup manusia mestilah digabungkan dalam satu gabungan yang seimbang, harmoni dan bersepadu supaya kehidupan manusia menjadi sempurna dan sejahtera.

5. Keadilan Mutlak

Keadilan yang dinyatakan oleh imam al-Ghazali bermaksud keseimbangan antara sesuatu perkara sama ada yang lebih dan yang kurang. Manakala Ibnu Miskawaih pula mendefinisikan keadilan adalah menyerahkan sesuatu pemilikan sempurna yang sewajibnya kepada orang yang berhak terhadap sesuatu itu tanpa sebarang syarat. Justeru, keadilan boleh diertikan sebagai meletakkan sesuatu perkara pada tempat yang berhak dan menurut kadar hitungan sebenarnya daripada Allah SWT.

Definisi istilah pula adalah penetapan suatu kebenaran terhadap permasalahan bertepatan dengan prinsip dan aturan-aturan yang telah ditetapkan oleh agama. Dengan demikian keadilan bererti bertindak ke atas sesuatu isu atas dasar kebenaran, bukan mengikuti kehendak hawa nafsu. Adalah menjadi tujuan dan falsafah Islam dalam melaksanakan keadilan dan menghapuskan kezaliman dengan menegakkan keadilan mutlak dalam kalangan manusia seluruhnya dan menegakkan persaudaraan berdasarkan

maqasid syariah iaitu memelihara kehormatan agama, nyawa, akal, maruah, keturunan dan harta benda dengan bermatlamatkan dunia dan akhirat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab kepadamu dengan membawa kebenaran supaya kamu mengadili antara manusia dengan apa yang telah Allah SWT wahyukan kepadamu dan janganlah kamu menjadi penentang (orang yang tidak bersalah) kerana (membela) orang yang khianat” (Surah an-Nisa’ 4: 105)

6. Kekal

Syariat Islam mempunyai sumber abadi iaitu al-Quran yang kekal terpelihara sepanjang zaman tanpa diganti dengan syariat lain serta tidak terdedah kepada penyelewangan, perubahan dan pindahan. Sebagaimana dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami yang menurunkan al Zikr (al-Quran) dan Kami benar-benar akan memeliharanya”. Surah al Hijr 15: 9)

Al-Quran yang menjadi sumber rujukan utama perundangan Islam telah dijamin oleh Allah SWT sentiasa terpelihara sehingga hari kiamat dan tidak akan dapat diselewengkan atau diubah walaupun satu perkataan manakala sunnah *nabawiyah* pula adalah sumber kedua syariah Islam yang berperanan sebagai penjelas bagi al-Quran sekaligus sebagai pelengkap bagi sistem Islam. Sebagai contoh pada 1442 tahun yang lalu, Nabi Muhammad SAW sudah memberi peringatan mengenai larangan memasuki kawasan berwabak (virus) dan jika sudah berada dalam kawasan itu maka tidak dibenarkan keluar ke tempat lain. Baginda bersabda yang bermaksud:

“Apabila kamu mendengarnya (wabak) di sesuatu tempat, maka janganlah kamu pergi ke situ, dan apabila ia berlaku di tempat kamu, maka janganlah kamu keluar lari daripadanya”. (Hadis Riwayat Muslim (2219)

Islam mengangkat syiarnya dengan menyebarkan salam, saranan dan galakan ziarah menziarahi di musim perayaan, tuntutan solat berjemaah dan sebagainya. Namun semua perkara ini perlu diubah cara pelaksanaannya demi kebaikan bersama dan bagi memastikan kejayaan dalam mengekang serta menangani wabak seperti wabak Covid-19 dan sebagainya.

1.1.4 Pengertian Iman dan Pembahagiannya


Iman (إِيمَانٌ) berasal daripada kata dasar Bahasa Arab (آمَنَ - يُؤْمِنُ) yang mengandungi pelbagai makna, antaranya (الْأَمْنُ) *al-amn* yang bererti aman iaitu tiada rasa takut dan *al-tasdiq* (membenarkan). Manakala pengertian iman dari segi istilah ialah mempercayai Allah SWT dan rasul-Nya dengan pengucapan lida dan kepercayaan dalam hati tanpa rasa syak dan ragu. Iman juga

membawa maksud membenaran dengan hati, pengucapan dengan lisan dan pengamalan dengan anggota tubuh. Hasan al-Basri Rahimahullahu berkata:

“Bukanlah iman itu dengan (engkau) berangan-angan, dan bukan pula dengan hiasan luar saja, akan tetapi iman itu adalah sesuatu yang teguh terpahat dalam hati, dan membuktikannya dengan amalan. (Hadis Riwayat ad-Dailami)

Pembahagian Iman

Terdapat lima martabat keimanan manusia berdasarkan kualiti dan kuantiti keimanan masing-masing.



Rajah 2: Lima Martabat Keimanan

Pertama: Iman *Taqlid*.

Iman *Taqlid* ialah keimanan dan amalan sekadar percaya dengan pendapat orang lain tanpa mengetahui dalil sebagai bukti sama ada dalil *naqli* atau *aqli*. Dikenali juga sebagai iman ikut-ikutan. Oleh itu, menjadi kewajipan untuk menuntut ilmu bagi orang yang bertaklid sekiranya berkemampuan agar dapat mengelakkan kesamaran dan kecelaruan akidah. Selain itu, dewasa ini jaringan capaian melalui internet dan laman web memberikan kemudahan meneroka segala ilmu terutamanya ilmu akidah yang menjadi tunjang utama dalam agama Islam. Namun bagi orang yang akalunya sangat terhad untuk mempelajari berkaitan dalil-dalil berkaitan akidah maka iman *taqlid* tersebut adalah sah menurut pandangan sebahagian ulamak.

Kedua: Iman *Ilmi*

Iman *Ilmi* adalah mengetahui segala perkara akidah beserta dalil-dalilnya berdasarkan ilmu pengetahuan yang berpandukan al-Quran, al-Hadis dan pandangan para ulamak. Orang yang memiliki iman *Ilmi* telah mempelajari tentang Allah SWT, Rasul, Malaikat, Kitab-kitab, Kiamat, Qadak dan Qadar. Kemudian dia memahami dan meyakini dengan sungguh-sungguh. Antara sifat golongan yang memiliki iman *Ilmi*:

- Mempunyai dalil terhadap kewajipan beriman kepada Allah SWT dan Rasul.
- Mampu menolak dan menentang ideologi atau fahaman luar daripada Islam.
- Sentiasa menjiwai dan berada di dalam fikiran tauhid yang unggul dan mantap namun imannya hanya kuat bertunjang di akal, belum lagi terpasak di hati dan kadangkala tewas untuk terus melawan godaan hawa nafsu dan syaitan.

- Belum rasa takut kepada Allah SWT dan masih lagi berbuat derhaka.
- Hanya mampu memperkatakan atau berbicara tentang Islam namun tidak mampu untuk menerapkannya di dalam amalan.

Ketiga: Iman *A'yan*

Iman *A'yan* bermaksud mengetahui Allah SWT dengan pengawasan hati hasil daripada ilmu yang diamalkan dan diyakini dengan bersungguh-sungguh. Orang yang memiliki tingkatan keimanan ini melihat Allah SWT di maqam muraqabah atau darjat pengawasan hati. Martabat keimanan ini disebut dengan *ainul yaqin*. Antara sifat golongan yang memiliki Iman *A'yan* adalah:

- Ilmu yang dipelajarinya meresap ke dalam fikiran dan ibadah yang khusyuk telah meresap ke hatinya. Orang yang beriman dengan tahap iman *A'yan* sentiasa mempunyai hubungan hati dengan Allah SWT.
- Mereka sentiasa merasa kebesaran dan keagungan Allah SWT walau di mana sahaja berada.
- Mereka menyerah diri kepada Allah SWT tanpa perasaan syak dan ragu.
- Setiap perintah Allah SWT kecil dan besar dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh serta penuh ketaatan. Namun begitu, mereka juga kadang-kadang terjebak dan terpalit dengan dosa-dosa kecil, tetapi mereka segera bertaubat.
- Hidup mereka penuh berakhlak dengan Allah SWT dan manusia.
- Hati mereka sentiasa merasa khusyuk, takut, terasa diawasi oleh Allah SWT dan tidak mencintai dunia.
- Mereka juga sabar berhadapan dengan ujian-ujian hidup.
- Mereka sudah mampu membangunkan Islam di dalam diri, keluarga dan masyarakat.

Golongan yang memiliki Iman *A'yan* sentiasa mendapat hidayah dan bantuan daripada Allah SWT. Mereka tidak lama menjalani hisab (perbicaraan) di akhirat dan mudah masuk ke syurga.

Keempat: Iman *Haq*

Iman yang terbit daripada perkataan "hakikat" yang bermaksud iman yang sebenar yang bermaksud setiap pandangan dan penglihatan mereka pada sesuatu benda akan disertai dengan hakikat penciptaan sebenar yang tiada kuasa lain kecuali Allah SWT. Martabat iman *haq* ialah iman yang mampu dicapai oleh manusia dengan cara melihat Allah SWT menggunakan mata hati. Tingkat keimanan ini berada di maqam musyahadah dan disebut dengan *haq al-yaqin*. Orang yang memiliki martabat keimanan ini adalah mereka yang terhalang jauh daripada terpedaya dan tergoda oleh sesuatu yang lain selain Allah SWT. Antara sifat golongan yang memiliki iman ini ialah:

- Ingatan sepenuhnya terhadap Allah SWT bukan hanya dibuat-buat. Ini kerana mereka merasai hebat dan takut kepada Allah SWT sepenuhnya.
- Hati mereka tidak lekang daripada mengingati Allah SWT dan khusyuk denganNya.

Kelima: Iman Hakikat

Iman hakikat merupakan martabat keimanan yang paling sempurna. Iman hakikat ini terbit daripada perkataan "*hakikatul hakikat*". Martabat iman ini hanya dikurniakan oleh Allah SWT kepada golongan para nabi-nabi dan rasul-rasul, para sahabat dan wali-wali besar sahaja. Sepertimana Rasulullah SAW diberi nikmat melihat syurga dan neraka dalam peristiwa Isra' dan Mikraj, tetapi masih turun ke bumi dan hidup seperti manusia biasa. Golongan ini akan dimasukkan ke dalam syurga tanpa hisab tidak seperti mana yang lain. Allah SWT menempatkan golongan ini di dalam syurga yang paling tinggi. Antara sifat golongan yang memiliki iman Hakikat adalah seperti berikut:

- Allah SWT akan menurunkan *barakah* di mana sahaja mereka berada.
- Segala perilaku mereka menjurus kepada ibadah terhadap Allah SWT.
- Seluruh kehidupan mereka dipenuhi dengan keasyikan beribadat kepada Allah SWT.
- Hati mereka sentiasa segar dan kekal mengingati Allah SWT sama ada semasa tidur ataupun jaga.
- Mereka diberi pangkat yang begitu tinggi oleh Allah SWT disebabkan terlalu banyak pengorbanan mereka terhadap Allah SWT.

1.1.5 Kaedah Menjaga dan Mempertingkatkan Iman

Keteguhan akidah yang disertakan dengan keimanan yang utuh merupakan tunjang utama kekuatan umat Islam. Keimanan sebegini akan menjadi benteng ketahanan diri dan ummah yang wajib dijaga dan dipelihara daripada segala perkara sesat yang merosakkan Islam. Menurut pendapat majoriti ulama menyatakan bahawa iman itu bertambah dan berkurang. Keimanan bertambah dengan sebab bertambah ketaatan dan berkurang dengan sebab kurang ketaatan. Justeru, menjadi kewajipan untuk setiap orang beriman untuk sentiasa menjaga dan mempertingkatkan iman.

Siapa yang
engkau Imani?



3 Kaedah Menjaga Iman

Perjuangan melawan sifat dan hawa nafsu jahat dalam diri adalah dengan cara melawan segala bisikan, godaan syaitan yang sentiasa mengajak dan

mendorong kita kepada kejahatan. Tiga proses untuk menjaga iman seperti yang dinyatakan di dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* oleh Imam al-Ghazali adalah:

Takhalli: Proses mengosongkan jiwa dengan berusaha dan berjuang membuang segala sifat yang keji (*mazmumah*).

Tahalli: Proses mengisi jiwa kita dengan sifat terpuji (*mahmudah*) setelah proses pengosongan dan pembersihan jiwa daripada sifat *mazmumah* selesai.

Tajalli: Peringkat merasai nikmat yang terhasil daripada meninggalkan sifat keji dan merasai nikmat melakukan sifat baik serta merasa keagungan dan kehebatan Allah SWT.

Kaedah Mempertingkatkan Iman

Melalui amalan sunat: Melakukan amalan sunat mampu meningkatkan keimanan terutamanya melaksanakan solat sunat khususnya di waktu malam (*tahajjud*). Amalan-amalan sunat lain adalah seperti berpuasa sunat, berdoa, membaca al-Quran, bersedekah dan sebagainya.

Melalui tafakkur dan tazakkur: Tafakkur (تفكر) bermakna memikirkan, merenung dan mempelajari ayat-ayat al-Quran yang disokong dengan hadis dengan memperhatikan fenomena ciptaan Allah SWT untuk memperolehi hikmah dan rahmat dan mampu mempertingkatkan keimanan.

1.1.6 Pengertian Ihsan dan Permasalahannya

Maksud ihsan menurut bahasa ialah perbuatan yang baik dan kemurahan hati. Manakala pengertian ihsan dari sudut istilah adalah menyembah Allah SWT dengan menghadirkan hati seolah-olah dapat melihat-Nya namun jika tidak berupaya untuk menghadirkan perasaan seumpama melihat Allah SWT, maka sesungguhnya Allah SWT Maha melihat dalam setiap amal perbuatan manusia. Tingkat ihsan yang paling tinggi adalah ihsan kepada Allah SWT. Menyembah Allah SWT bererti melakukan ibadah menurut kaedah dan cara yang sebaik-baiknya sama ada pada zahir (perbuatan lahiriah) atau batin (niat yang ikhlas).

Perasaan melihat Allah SWT dapat menghasilkan rasa kehambaan dan bersungguh-sungguh dalam beribadah serta menunaikan hak-hak-Nya dengan tujuan untuk menghampirkan diri kepada-Nya. Di dalam Al-Quran, terdapat banyak ayat yang di sebut oleh Allah SWT mengenai ihsan (إحسان) dan *ihsanan* (محسنان) manakala merujuk kepada orang yang melakukan kebaikan (محسنين، محسنون، محسن) terdapat sekurang-kurangnya 28 tempat di dalam al-Quran telah digunakan untuk menyebut sifat atau ciri-ciri orang yang melakukan ihsan (Mohd. Nasir et al.,2013). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah SWT SWT menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya”. (Surah al-Nahl, 16: 90).

Sifat-sifat Orang yang Mempunyai Ihsan dan Permasalahan yang Berkaitan Ihsan


Nilai ihsan perlu diterapkan di dalam segenap aspek kehidupan individu muslim setiap masa dan di mana juga berada memandangkan banyak permasalahan yang timbul akibat mengabaikan sifat ihsan. Justeru, antara sifat ihsan yang perlu diaplikasi adalah di dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1: Sifat-sifat Ihsan

<p>Ihsan dengan diri sendiri</p>	<p>Ihsan dengan diri sendiri dapat dilakukan dengan pelbagai cara. Contohnya ketika seseorang individu sedang diuji dengan sakit, ditimpa musibah, dizalimi dan sebagainya. Setiap ujian yang datang adalah sebagai latihan untuk menahan diri daripada marah dan bertindak melampaui batas serta boleh memudharatkan diri sendiri. Bersangka baik dan reda dengan ujian Allah SWT adalah sifat ihsan yang terbaik kerana ujian yang dilalui mungkin satu latihan dan proses untuk memperbaiki diri seterusnya menjadikan manusia lebih dekat dengan Allah SWT.</p>
<p>Ihsan dengan ibu bapa dan anak-anak</p>	<p>Berbuat baik kepada ibu bapa adalah suatu kewajipan yang amat dituntut dalam Islam. Malah menyakiti mereka dengan berkata 'ah' sekalipun adalah sesuatu yang dilarang dan ia merupakan satu dosa. Begitu juga berbuat baik kepada anak-anak. Jika ibu bapa mahukan anak berbuat baik dengan mereka, maka ibu bapa terlebih dahulu perlu melayan anak dengan penuh kebaikan. Jangan menzalimi anak-anak dengan mencederakan fizikal serta mendera emosi mereka. Selain berbuat baik kepada ibu bapa dan anak-anak, setiap muslim juga dituntut untuk berbuat baik kepada kaum kerabat, jiran tetangga, anak-anak yatim, orang miskin dan sebagainya.</p>
<p>Ihsan dalam urusan jual beli</p>	<p>Ihsan juga perlu diamalkan dalam urusan jual beli. Ihsan dalam jual beli ialah penjual tidak mengenakan harga yang terlalu tinggi. Sementara pembeli pula perlu mengelak daripada menawarkan harga yang menyebabkan kerugian kepada penjual. Di dalam urusan jual beli, penjual boleh meraih keuntungan tetapi jangan mengeneipkan keberkatan dalam berjual beli. Begitu juga dengan barangan dan keperluan lain. Sewajarnya penjual tidak menaikkan harga sesuka hati kerana mengejar keuntungan yang besar semata-mata (Shamsiah, 2020).</p>

1.1.7 Hubungan Islam, Iman dan Ihsan

Iman, Islam dan ihsan tidak boleh dipisahkan antara satu dengan yang lain. Iman adalah suatu keyakinan yang mendasari akidah yang teguh. Hasil dari keyakinan ini akan mewujudkan pelaksanaan terhadap kelima-lima rukun Islam manakala tuntutan pelaksanaan rukun Islam hendaklah dilakukan dengan cara ihsan, sebagai salah satu usaha sedaya upaya hamba untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan keadaan yang paling baik.



Rajah 3: Perumpamaan Iman, Islam dan Ihsan

1.2 PELAKSANAAN RUKUN ISLAM

Setiap individu muslim dituntut untuk berpegang teguh serta mengamalkan rukun Islam di dalam kehidupan dengan cara yang sebaiknya. Penghayatan terhadap rukun Islam akan membawa kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat kepada diri individu, *ummah* dan negara. Mengucap syahadah merupakan rukun yang pertama daripada lima rukun Islam. Daripada Ibnu Umar RA, Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

“Islam terbina atas lima perkara: Penyaksian bahawa tiada Tuhan selain Allah SWT dan Muhammad itu utusan Allah SWT, mendirikan solat, menunaikan zakat, menunaikan haji dan berpuasa di bulan Ramadhan” (Hadis Riwayat al-Bukhari (8))

1.2.1 Konsep Syahadah



Syahadah (شهادة) dari sudut bahasa ialah pecahan daripada perkataan (شهد) yang memberi maksud menyaksikan. Syahadah juga boleh diertikan memberitahu apa yang dilihat, menafsirkan apa yang diketahui (Zulkifli, 2018). Allah SWT telah memberi jaminan syurga bagi sesiapa yang bersyahadah. Dalam hadis yang diriwayatkan daripada ‘Ubadah RA, Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

“Barangsiapa yang bersaksi bahawa tidak ada Tuhan yang berhak disembah selain Allah SWT semata-mata, tidak ada sekutu bagi-Nya, dan bahawasanya Muhammad itu adalah hamba dan utusan-Nya, dan bahawasanya ‘Isa adalah hamba dan utusanNya dan kalimat-Nya yang Dia sampaikan kepada Maryam dan ruh dari-Nya, dan (dia juga bersaksi) bahawa syurga itu benar adanya dan neraka itu benar adanya, maka Allah SWT akan memasukkan dirinya ke dalam syurga berapa pun amal yang telah diperbuatnya” (Hadis Riwayat al-Bukhari (3435))

1.2.2 Perkara yang Membatalkan Syahadah

Syahadah boleh terbatal melalui iktikad, perbuatan atau perkataan. Antara perkara-perkara yang boleh membatalkan syahadah adalah:

Jadual 2: Perkara yang Membatalkan Syahadah

Cara	Perkara yang Membatalkan Syahadah
Iktikad   10 perkara yang membatalkan syahadah	Syirik kepada Allah SWT.
	Mengambil sesuatu sebagai perantara dalam berdoa atau beribadah kepada Allah SWT.
	Tidak mengkafirkan orang-orang musyrik atau meragukan kekafiran mereka atau membenarkan agama mereka.
	Mempercayai bahawa ada ajaran lain yang lebih benar dan sempurna dari ajaran Nabi Muhammad SAW.
	Menganggap hukum Islam adalah sebab daripada kemunduran orang Islam pada zaman ini atau menganggap agama Islam hanya sesuai untuk mengatur hubungan antara peribadi dengan Allah SWT.
Perkataan	Membenci sesuatu dari apa-apa yang diajarkan Rasulullah SAW.
	Mengejek, mencemuh atau mencela sesuatu daripada agama Islam.
Perbuatan	Mengagungkan makhluk lain selain Allah SWT serta bersujud kepada yang lain.
	Membantu kaum <i>kuffar</i> dalam melawan, menindas dan memusuhi kaum muslimin dan dia adalah kufur akbar.

1.2.3 Melaksanakan Ibadah Solat dengan Sempurna

Solat menurut bahasa adalah doa manakala dari segi istilah syarak solat bermaksud beberapa ucapan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbir dan disudahi dengan salam mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Sebelum solat lima waktu disyariatkan kepada Nabi Muhammad SAW, baginda hanya melakukan solat dua rakaat di waktu pagi dan dua rakaat di waktu petang sebagai mengikut amalan Nabi Ibrahim AS. Setelah peristiwa Isra’ dan Mikraj

berlaku, baginda telah menerima perintah solat yang sebenar bermula dengan lima puluh waktu kemudian dikurangkan sehingga menjadi lima waktu.

Kepentingan Solat

Solat adalah ibadat yang penting kerana:

- Solat adalah tiang agama (ibadat paling utama) (surah Hud ayat 114)
- Solat dapat membantu diri sendiri, keluarga dan masyarakat untuk membina generasi yang berakhlak mulia dan berbudi pekerti yang baik. (Surah al-Baqarah ayat 21)
- Solat dapat membantu dalam menangani pelbagai gejala yang boleh merosakkan kehidupan masyarakat seperti rasuah, membunuh, merompak, zina dan perbuatan maksiat yang lain. (Surah al-Baqarah ayat 153)
- Solat menjadi kunci utama untuk kita mendapatkan rezeki yang halal dan diberkati oleh Allah SWT. (Surah Yasin ayat 82)
- Solat dapat memberikan ketenangan, membersihkan dan mensucikan diri seseorang sama ada rohani mahupun jasmani. (Surah ar-Ra'd ayat 28)

Jadual 3: Syarat Wajib dan Sah Solat

Syarat Wajib Solat	Syarat Sah Solat
<ol style="list-style-type: none"> 1. Islam 2. Baligh 3. Berakal 4. Suci daripada haid dan nifas 5. Berada dalam keadaan sedar (tidak tidur/ koma/ pitam ll) 6. Sampai seruan Islam (sampai dakwah) 7. Tiada kecacatan pendengaran dan penglihatan yang menghalangnya memahami ajaran dan amalan Islam. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Suci daripada hadas kecil dan hadas besar 2. Suci tubuh badan, pakaian dan tempat solat dari najis 3. Mumayyiz 4. Yakin masuk waktu solat 5. Mengadap kiblat 6. Menutup aurat 7. Melaksanakannya mengikut kaifiat (tatacara) yang betul.

Jadual 4: Rukun Solat

Rukun Qalbi (Hati)	Rukun Qauli (Perkataan)	Rukun Fi'li (Perbuatan)
Niat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Takbiratul Ihram 2. Membaca al-Fatihah 3. Membaca tasyahud akhir 4. Selawat ke atas Nabi SAW selepas tasyahud akhir 5. Memberi salam yang pertama 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Berdiri tegak bagi orang yang mampu 2. Rukuk serta tamakninah 3. Iktidal serta tamakninah 4. Sujud serta tamakninah 5. Duduk antara dua sujud serta tamakninah 6. Duduk tahiyat akhir



Perkara yang Membatalkan Solat

1. Bercakap-cakap dalam solat dengan sengaja
2. Makan dan minum Ketika dalam solat
3. Melakukan pergerakan yang banyak (bukan pergerakan solat)
4. Berpaling muka dan dada dari arah kiblat
5. Tidak menyempurnakan rukun solat.

1.2.4 Melaksanakan Ibadah Puasa, Zakat dan Haji

Puasa: Dari segi bahasa adalah menahan diri daripada melakukan sesuatu. Dari segi istilah puasa bermaksud menahan diri daripada segala perkara yang membatalkannya bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari serta dilakukan dengan niat berpuasa kerana Allah SWT. Puasa bulan Ramadhan telah difardhukan pada bulan Syaaban pada tahun kedua Hijrah (Surah al-Baqarah ayat 183 & 185)

Jadual 5: Rukun Puasa

Rukun Puasa
1. Niat
2. Menahan diri daripada segala perkara yang membatalkan puasa bermula daripada terbit fajar sehingga terbenam matahari. Perkara yang membatalkan puasa seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Memasukkan sesuatu ke dalam rongga melalui ruang terbuka • Muntah dengan sengaja • Haid dan nifas • Mengeluarkan air mani dengan sengaja • Melakukan persetubuhan dengan sengaja • Gila dan murtad

Jadual 6: Syarat Wajib dan Syarat Sah Puasa

Syarat Wajib Puasa	Syarat Sah Puasa
<ol style="list-style-type: none"> 1. Islam 2. Baligh 3. Berakal 4. Sihat/ mampu berpuasa 5. Bermukim 6. Suci daripada haid dan nifas 7. Sampai seruan Islam (sampai dakwah) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Islam 2. Berakal 3. Mumayyiz 4. Suci daripada haid dan nifas 5. Yakin masuk bulan Ramadhan

- | | |
|---|--|
| 8. Tiada kecacatan pendengaran dan penglihatan yang menghalangnya memahami ajaran dan amalan Islam. | |
|---|--|

Perkara yang Membatalkan Puasa

1. Makan atau minum dengan sengaja
2. Memasukkan sesuatu ke dalam rongga yang terbuka
3. Muntah dengan sengaja
4. Keluar Haid dan Nifas
5. Gila
6. Murtad
7. Mengeluarkan mani dengan sengaja
8. Bersetubuh pada siang hari Ramadhan.

Kelebihan Puasa Menurut Sains

Menurut Danial (2021), puasa dapat merangsang pengeluaran hormon yang dikenali sebagai *endorphin*. Hormon tabii ini berfungsi seperti dadah jenis candu (*opiates*) yang menghilangkan kesakitan serta mendamaikan minda justeru mencegah daripada serangan penyakit mental. Puasa juga dapat manambahkan kesegaran dan kesihatan pada tubuh, kerana perut yang sentiasa bekerja memproses makanan juga perlu berhenti bekerja buat sementara waktu. Ketika berpuasa, perut kita berehat dan mendapat kesegaran semula untuk bekerja kemudiannya. Selain itu, puasa memberi kesan positif terhadap metabolisme tubuh badan dan menjadi pencegah kepada serangan pelbagai penyakit khususnya gejala lebihan gula dan lemak.

Awet muda
dengan puasa

YouTube



Zakat: merupakan kata terbitan dari kalimah (زَكَاةً) bermaksud suci dan subur, termasuklah bersih, berkat, berkembang, dan baik kepada harta zakat, pembayar zakat, dan penerima zakat. Dari segi syarak zakat adalah mengeluarkan harta tertentu dengan kadar tertentu mengikut syarat-syarat tertentu untuk diagihkan kepada golongan tertentu. Hukum menunaikan zakat adalah fardu ain ke atas setiap orang Islam yang memenuhi segala syarat-syarat wajib. Oleh itu, seseorang muslim yang mengingkari kefarduan zakat boleh mengakibatkan murtad. Manakala individu muslim yang meninggalkan zakat tanpa mengingkari kewajipannya adalah berdosa besar.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 110 yang bermaksud:
"Dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat"

Golongan yang Layak Menerima Zakat

Terdapat lapan golongan yang layak menerima zakat sepertimana yang di tetapkan oleh syarak. Berikut adalah golongan tersebut dan maksudnya.

Jadual 7: Golongan Asnaf

Fakir	orang Islam yang tiada harta atau pendapatan, atau ada harta atau pendapatan tetapi tidak mencapai 50% untuk memenuhi keperluan asasi diri dan orang-orang yang berada di bawah tanggungannya.
Miskin	orang Islam yang mempunyai harta atau pendapatan yang hanya boleh menampung lebih 50%, tetapi tidak mencapai 100 % untuk memenuhi keperluan asasi diri dan orang-orang yang berada di bawah tanggungannya.
Amil	individu atau organisasi yang dilantik oleh jabatan agama yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja urusan pungutan dan agihan zakat.
Muallaf	seseorang yang dijinakkan hatinya dan telah memeluk agama Islam, tetapi tahap keimanannya masih lemah.
Ar-Riqab	Memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.
Al-Gharimin	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga dan tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera yang dibenarkan oleh hukum syarak.
Fisabilillah	Mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.
Ibnussabil	Mana-mana orang dalam perjalanan bagi maksud-maksud yang diluluskan oleh hukum syarak dari mana-mana jua negeri atau negara yang memerlukan bantuan: <ul style="list-style-type: none">● Putus bekalan dalam perjalanannya.● Tidak dapat memanfaatkan hartanya untuk meneruskan perjalanan.● Memerlukan kemudahan asas dalam masalah perjalanan.● Ditinggalkan dalam perjalanan.

Kepentingan Zakat

1. Pengabdian diri kepada Allah SWT dengan melaksanakan suruhanNya berzakat
2. Pengorbanan kepada pihak yang memerlukan atas nama kemanusiaan dan membentuk masyarakat yang saling bantu membantu.
3. Membersihkan perasaan iri dan dengki orang fakir miskin kepada orang berharta.

4. Mengurangkan perasaan bakhil kedekut dan cintakan harta kepada orang berharta.
5. Satu bentuk tanda bersyukur yang membawa kepada keberkatan rezeki.

Berikut merupakan video penerangan beberapa jenis zakat dan cara mengirannya.



Rajah 4: Jenis-jenis zakat

Haji: Dari segi bahasa ialah menuju atau mengunjungi ke sesuatu tempat. Manakala dari segi istilah bermaksud mengunjungi Baitullah (Kaabah) pada masa-masa tertentu (bulan haji iaitu Zulhijah) serta melaksanakan perkara-perkara yang wajib bagi ibadah haji. Menunaikan haji merupakan salah satu daripada rukun Islam dan menjadi kewajipan kepada seluruh umat Islam lelaki mahupun wanita bagi yang berkemampuan untuk melaksanakannya dan dikira wajib hanya sekali seumur hidup. Namun jika dilakukan lebih dari itu maka dikira sunat. Ibadat haji perlu dilakukan apabila seseorang itu mempunyai kemampuan:

- a. Dari segi perbelanjaan
- b. Dari segi kenderaan
- c. Aman dalam perjalanan
- d. Memiliki tubuh badan yang sihat
- e. Mempunyai kelapangan masa
- f. Mempunyai *mahram*/ pengiring bagi perempuan.

Jadual 8: Rukun dan Wajib Haji

RUKUN HAJI	WAJIB HAJI
1. Niat ihram haji	1. Niat ihram di miqat
2. Wukuf di arafah	2. Meninggalkan larangan dalam ihram
3. Tawaf haji	3. Bermalam di Mudzaliifah
4. <i>Saie</i> haji	4. Melontar jamrah kubra
5. Bercukur dan bergunting	5. Bermalam di Mina pada 11, 12 dan 13 Zulhijah
6. Tertib pada kebanyakan rukun haji	6. Melontar ketiga-tiga jamrat pada hari tasyrik.



Video lengkap
pelaksanaan Haji
mengikuti rukun haji



Hikmah Mengerjakan Haji

Ibadat haji mengandung banyak hikmah, antaranya:

- Menghapuskan dosa
- Mengabdikan diri kepada Allah SWT sebagai hamba
- Melatih sifat sabar dan tabah
- Melawan hawa nafsu dan dugaan
- Menyatupadukan umat Islam

Penerangan secara
ilustrasi berkenaan Haji Tamattu'




1.3 RUKUN IMAN DAN PEMBAHAGIANNYA

Rukun Iman merupakan landasan kepercayaan bagi setiap muslim melalui kaedah membenarkan di dalam hati, memperakunya dengan lisan dan membuktikan dengan amalan dan perlakuan sama ada ketika senang atau sukar. Rukun Iman terdiri daripada enam rukun iaitu beriman kepada Allah SWT, malaikat-malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul, hari akhirat dan qadad dan qadar.

Pengertian iman dari segi bahasa adalah 'membenarkan', manakala pengertian iman dari segi istilah pula adalah 'membenarkan sepenuhnya dengan hati, memperakui/ menyebut dengan kata-kata/ lisan dan beramal/ melakukan amalan menggunakan anggota badan'. Keimanan merupakan sesuatu yang bersifat fitrah yang boleh tumbuh dan berkembang sehingga menjadi pegangan dan dukungan dalam seluruh kehidupan manusia, keimanan yang dilengkapi dengan amal kebaikan akan membawa pula kepada ketaqwaan di mana terangkum di dalamnya cinta, kasih, harap tawakkal, reda dan sabar.

Keimanan yang sebenar akan membawa manusia untuk hidup dengan optimistik, berfikiran terbuka, dinamik, kental jiwa, terkawal emosi, bersifat malu (dari melakukan kesalahan dan penyelewengan), terbimbing melakukan sesuatu yang bermanfaat selari syariat untuk kebaikan diri, keluarga, masyarakat dan negara sekaligus memberikan makna sebenar kepada keseluruhan kehidupan manusia di dunia dan di akhirat.

Terdapat beberapa elemen yang berkaitan dengan isu keimanan atau masalah dalam kepercayaan iaitu *Munafik*, *Musyrik*, *Kafir* dan *Murtad*. *Munafiq* adalah perbuatan seseorang menyembunyikan kekufurannya dan berpura-pura/ mengaku beriman, menerima dan mengamalkan ajaran Islam. *Musyrik* adalah perbuatan mempercayai terdapat kekuasaan lain dan bergantung harap kepada selain Allah SWT seperti percaya kepada bomoh, tangkal dan sebagainya. *Kafir* adalah menolak/ menidakkan kekuasaan Allah SWT dan rukun iman iaitu tidak beriman/ percaya kepada Rukun Iman. *Murtad* pula adalah berpaling/ meninggalkan Islam dan ajarannya yang telah menjadi pegangan diri seseorang sebelumnya. Topik-topik berikut akan memperincikan satu persatu berkaitan setiap rukun Iman.



Rajah 5: Rukun Iman

1.3.1 Beriman kepada Allah SWT

Beriman kepada Allah SWT adalah dengan sepenuh hati membenarkan bahawa Allah SWT merupakan tuhan yang Maha Mencipta, Maha Memiliki, Maha Mentadbir dan Maha Mengurus alam ini dan isinya. Menyakini hanya Allah SWT yang berhak untuk disembah, sujud, berserah dan bergantung segala harapan. Segala keyakinan di dalam hati, dizahirkan perakuannya dengan lisan, diikuti dengan kepatuhan dalam melaksanakan segala suruhanNya dan meninggalkan laranganNya dan ia merupakan tuntutan paling utama dalam tuntutan-tuntutan keimanan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Allah SWT); (tetaplah atas) fitrah Allah SWT yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah SWT. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”. (Surah ar-Rum 30: 30)

Akal fikiran manusia yang waras pasti meyakini bahawa kejadian alam semesta mempunyai pencipta yang Maha Hebat dan tidak terjadi dengan sendirinya. Kejadian manusia, tumbuh-tumbuhan, binatang dan segala-galanya tidak berlaku secara kebetulan, tetapi penuh meyakini bahawa ada suatu kuasa hebat yang menciptakannya sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Apakah mereka diciptakan tanpa sesuatupun atautkah mereka yang menciptakan (diri mereka sendiri). Atautkah mereka telah menciptakan langit dan bumi itu, sebenarnya mereka tidak meyakini (apa yang mereka katakan)”
(Surah al-Thur 52: 35-36)

Terdapat banyak ayat al-Quran menceritakan tentang kehebatan Allah SWT untuk kita yakini dan beriman, antaranya kejadian siang dan malam (surah al-Nur ayat: 44), kejadian makhluk (al-Furqan ayat 2), kejadian langit dan bumi (al-An’am: 59). Beriman kepada Allah SWT juga merangkumi tiga aspek keimanan berikut:

1. Tauhid *Uluhiyyah*: meyakini Allah SWT satu-satunya tuhan yang wujud yang sebenar-benarnya berhak disembah tiada sekutu baginya.
2. Tauhid *Rububiyah*: meyakini bahawa hanya Allah SWT adalah tuhan pencipta setiap sesuatu dan mentadbir keseluruhan alam.
3. Tauhid *Asma’ wa al-Sifat*: meyakini bahawa Allah SWT sempurna pada nama dan sifatnya yang penuh keagungan, kemuliaan, kebesaran dan kehebatan. Allah SWT suci dari sebarang kekurangan dan menyerupai segala yang baru.

Terdapat 20 sifat yang wajib ada pada Allah SWT iaitu *Wujud* (Ada), *Qidam* (Sedia), *Mukhalafa tu lil Hawadith* (Berlainan daripada makhlukNya/ sesuatu yang baru), *Qiyamuhu bi nafsihi* (Berdiri dengan sendiriNya), *Wahdaniah* (Esa), *Qudrat* (Berkuasa), *Iradat* (berkemahuan), *Ilmu* (Mengetahui), *Hayat* (Hidup), *Sama’* (Mendengar), *Bashar* (Melihat), *Kalam* (Berkata-kata), *Kaunuhu Qadiran* (Keadaannya yang Berkuasa), *Kaunuhu Muridan* (Keadaannya yang Berkemahuan), *Kaunuhu Aliman* (Keadaannya yang Mengetahui), *Kaunuhu Hayyan* (Keadaannya yang Hidup), *Kaunuhu Sami’an* (Keadaannya yang Mendengar), *Kaunuhu Basiran* (Keadaannya yang Melihat) dan *Kaunuhu Mutakalliman* (Keadaannya yang Berkata-kata).

Terdapat 20 sifat yang mustahil bagi Allah SWT iaitu *’adam* (tiada), *huduth* (baru), *fana’* (binasa), *mumathalah lil hawadith* (menyamai makhlukNya/ sesuatu yang baru), *ihtiyaj li ghairihi* (berhajat kepada yang lain), *ta’addud* (berbilang), *’ajaz* (lemah), *karohah* (terpaksa), *jahlun* (bodoh), *maut* (mati), *summu* (tuli), *umyu* (buta), *bukmu* (bisu), *kaunuhu aajizan* (keadaannya yang lemah), *kaunuhu karihan* (keadaannya yang terpaksa), *kaunuhu jahilan* (keadaannya yang bodoh), *kaunuhu mayyitan* (keadaannya yang mati), *kaunuhu asomma* (keadaannya yang tuli), *kaunuhu A’ma* (keadaannya yang buta) dan *kaunuhu Abkam* (keadaannya yang bisu).

1.3.2 Beriman kepada Rasul

Beriman kepada Rasul bermakna meyakini dengan sebenar-benarnya bahawa rasul merupakan lelaki pilihan utusan Allah SWT yang dikurniakan wahyu untuk disampaikan kepada seluruh umat manusia. Rasul dipilih dalam kalangan manusia agar manusia mudah beriman dan mencontohi apa yang dilakukan oleh rasul dengan mudah disamping memuliakan manusia sehingga terpilih menjadi Rasul khalifah di muka bumi. Dalam masa yang sama, merupakan suatu bentuk ujian kepada manusia untuk menerima atau menolak kebenaran yang dibawa oleh Rasul (yang merupakan seorang manusia). Terdapat 25 orang rasul yang tercatat namanya di dalam al-Quran seperti di dalam Jadual 8 di bawah:

Jadual 9: Bilangan dan Nama 25 Rasul

Nabi Adam	Nabi Luth	Nabi Shuib	Nabi Ilyas
Nabi Idris	Nabi Ismail	Nabi Musa	Nabi Ilyasa'
Nabi Nuh	Nabi Ishak	Nabi Harun	Nabi Yunus
Nabi Hud	Nabi Yaakub	Nabi Zulkifli	Nabi Zakaria
Nabi Soleh	Nabi Yusuf	Nabi Daud	Nabi Yahya
Nabi Ibrahim	Nabi Ayub	Nabi Sulaiman	Nabi Isa
Nabi Muhammad SAW			

Kesemua Rasul wajib bersifat dengan sifat benar (*siddiq*), jujur (*amanah*), menyampaikan (*tabligh*) dan bijaksana (*fatonah*). Mustahil bagi Rasul bersifat dengan dusta (*kizibun*), khianat (*khianah*), tidak menyampaikan (*kitman*) dan bodoh (*baladah*). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Kami tidak mengutuskan seorang rasul pun sebelum kamu melainkan Kami wahyukan kepadanya: Bahawa tidak ada Ilah (Tuhan yang disembah) melainkan Aku (Allah SWT), maka sembahlah olehmu sekalian akan Aku”
(Surah al-Anbiya' 21: 25)

Scan untuk menonton
Filem Nabi Muhammad SAW

YouTube



Keimanan kepada Rasul akan membawa manusia kepada kehidupan yang benar, teratur, tenang dan harmoni. Rasul membimbing manusia berteraskan wahyu agar manusia hidup dengan cara yang sepatutnya, sentiasa berada dalam kebaikan, mengenali dan menyembah pencipta-Nya, menggunakan sumber alam dengan sebaik-baiknya, berhubung dengan manusia dengan cara yang

Tanda Kelahiran
Rasulullah SAW
yang di sebut
dalam kitab
Taurat dan Injil



sepatutnya, menunaikan tanggungjawab dan memenuhi segala tuntutan dan fitrah dengan cara yang digariskan oleh agama mengikut *manhaj* (sistem) al-Din.

1.3.3 Beriman kepada Kitab-kitab

Beriman kepada kitab-kitab Allah SWT bermakna meyakini sepenuhnya tanpa sebarang keraguan bahawa Allah SWT telah menurunkan kitab-kitab-Nya iaitu:

1. Kitab Taurat: diturunkan kepada Nabi Musa (dalam bahasa Ibrani dan mengandungi hukum syarak dan bimbingan)
2. Kitab Zabur: diturunkan kepada Nabi Daud (dalam bahasa Qibti dan dipenuhi dengan hukum perundangan, perkhabaran, cerita, zikir, doa dan hikmah-hikmah)
3. Kitab Injil: diturunkan kepada Nabi Isa (dalam bahasa Suryani dan mengandungi hukum-hakam dan kepercayaan)
4. Kitab al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W (dalam bahasa Arab yang mengandungi syariat merangkumi keseluruhan keperluan hidup manusia).

Beriman kepada kitab-kitab dan keperluan beriman kepada kitab ini disebut dalam Firman Allah SWT yang bermaksud:


'Alif Lam Mim. Kitab al-Quran ini tidak ada keraguan padanya. Petunjuk bagi mereka yang bertakwa (Iaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan solat dan menafkahkan rezeki mereka. Dan mereka yang beriman kepada kitab (al-Quran) yang diturunkan kepada engkau dan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelum kamu serta yakin akan adanya (kehidupan) akhirat'. (Surah al-Baqarah 1: 1-4)



Kitab al-Quran merupakan kitab utama yang akan dijadikan sumber sandaran kehidupan sehingga hari kiamat. Kitab al-Quran diturunkan daripada Allah SWT, ditempatkan di Luh Mahfuz, diturunkan ke langit dunia (Baitul Izzah), kemudian kepada nabi Muhammad secara berperingkat-peringkat untuk disampaikan pula kepada semua umat manusia. Al-Quran terdiri daripada 30 juzuk, 114 surah dan 6236 ayat merupakan mukjizat dan pedoman kehidupan merangkumi aspek akidah, ibadat, akhlak, muamalat, munakahat, jenayah, sejarah, perkara ghaib, perubatan, siasah (politik) dan sebagainya.

Al-Quran diturunkan daripada Allah SWT R ke Luh Mahfuz (peringkat 1), kemudian ke langit dunia/ Baitul Izah (peringkat 2) dan seterusnya kepada nabi Muhammad SAW secara beransur-ansur (Peringkat 3). Penurunan secara beransur-ansur adalah bagi memudahkan hafazan dan amalan, memudahkan disampaikan oleh Rasul dan dapat disampaikan dengan berkesan.

Manusia perlu beriman kepada kitab agar mendapat rahmat dan keredaan Allah SWT. Selain itu, manusia akan beroleh ketenteraman jiwa, jaminan keamanan, kesejahteraan dan kebahagiaan dalam kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Terdapat juga 100 suhuf yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada nabi dan rasul iaitu 50 suhuf telah diturunkan kepada nabi Syis AS, 30 suhuf telah diturunkan kepada Nabi Idris AS, 10 suhuf telah diturunkan kepada Nabi Ibrahim AS dan 10 suhuf telah diturunkan kepada Nabi Musa AS.



Rajah 6: Pembahagian Suhuf

1.3.4 Beriman kepada Malaikat

Beriman kepada malaikat bermakna meyakini kewujudan malaikat yang merupakan hamba dan ciptaan Allah SWT daripada nur (cahaya), tidak berjantina, tidak bernafsu (tidak makan, tidak minum, tidak tidur, tidak berkeluarga dan sebagainya) dan sentiasa taat kepada perintah Allah SWT. Terdapat 10 kategori Malaikat yang wajib diketahui berdasarkan al-Quran dan Hadis. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, tetapkan beriman kepada Allah SWT dan RasulNya dan kepada kitab Allah SWT turunkan kepada rasul-Nya serta kitab yang Allah SWT turunkan sebelumnya. Barang siapa yang kafir kepada Allah SWT, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya dan hari kemudian. Maka sesungguhnya orang itu telah sesat sejauh-jauhnya” (Surah an-Nisa’ 4: 136)

Jadual 10: Nama Malaikat dan Tugas-tugasnya

Malaikat	Tugas
Jibrail AS	Menyampaikan wahyu
Mikail AS	Menjaga dan menurunkan rezeki
Israfil AS	Meniup sangkakala apabila diperintahkan
Izrail AS	Mencabut nyawa semua makhluk yang benyawa
Mungkar AS	Menyoal si mati di dalam kubur
Nakir AS	Menyoal si mati di dalam kubur
Ridhwan AS	Menjaga syurga
Malik AS	Menjaga neraka
Raqib AS	Mencatat amalan kebaikan
Atid AS	Mencatat amalan keburukan

Malaikat juga secara umumnya melaksanakan tugas-tugas lain yang diamanahkan oleh Allah SWT seperti menanggung arash Allah SWT, berterusan kekal bertasbih dan berzikir kepada Allah SWT, mendoakan kesejahteraan dan keampunan kepada hamba Allah SWT yang taat dan hamba Allah SWT yang mendoakan yang baik-baik kepada orang lain, menghamparkan sayapnya dan menaungi orang yang menuntut ilmu serta berada di majlis ilmu, membisik-bisikkan ajakan kepada kebaikan ke hati manusia, membantu tentera Islam dalam medan perang dan sebagainya.


Kewujudan malaikat berkait dengan perjalanan kehidupan manusia seawal penciptaan Adam AS sehingga kehidupan manusia di syurga atau neraka di akhirat nanti. Beriman kepada malaikat amat penting dan perlu agar manusia dapat mencontohi sifat malaikat yang sentiasa taat, bersungguh-sungguh dan patuh kepada perintah Allah SWT. Manusia juga akan sentiasa berwaspada dalam setiap tindak tanduk kerana ada malaikat yang akan setia mencatat setiap amal perbuatan manusia samada baik atau buruk. Apabila manusia menjaga tindak tanduk, manusia akan terpelihara daripada melakukan perkara yang salah, batil, khianat dan sebagainya sekaligus membawa kepada banyak kebaikan dalam kehidupan peribadi, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

1.3.5 Beriman kepada Hari Akhirat

Beriman kepada hari akhirat bermakna meyakini sepenuh hati bahawa kehidupan di dunia hanya sementara, semua yang hidup akan melalui kematian, dunia dan isinya akan melalui kehancuran sepenuhnya dan kemudiannya manusia akan dibangkitkan semula di hari akhirat yang kekal abadi untuk menerima balasan atau ganjaran atas segala perbuatannya semasa di dunia samaada syurga atau neraka. Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj yang bermaksud:

“*Sesungguhnya hari kiamat itu pasti datang, tidak ada keraguan padanya dan bahawasanya Allah SWT membangkitkan semua orang di dalam kubur*”
(Surah al-Hajj 22: 7)

Hari Akhirat juga dikenali sebagai *Yaumul Baa’si* (hari kebangkitan) (Surah ar-Rom ayat 56), *Yaumul Khuruj* (hari keluar) (surah Qaf, ayat 42), *Yaumul Fasli* (hari keputusan) (surah Saafat, ayat 21), *Yaumul Jam’ie* (hari perhimpunan) (surah Syura, ayat 7), *Yaumul Khulud* (hari berkekalan) (surah Qaf, ayat 34), *Yaumul Waidi* (hari dijanjikan) (surah Qaf, ayat 20), *Yaumul Hasrati* (hari penyesalan) (surah Maryam, ayat 39), *Yaumul Hisab* (hari perhitungan) (surah Shad, ayat 53), *Yaumul Sa’ah* (hari penentuan) (surah Ghafir, ayat 59), *Yaumul Tanad* (hari saling panggil memanggil) (surah Ghafir, ayat 32), *Yaumul Din* (hari Agama) (surah al-Fatihah, ayat 4), dan pelbagai nama lagi.



Terdapat beberapa tanda kecil akan berlakunya hari akhirat seperti bilang ulamak semakin berkurang, maksiat dan kejahatan berleluasa, banyak bangunan pencakar langit dibina, amanah dikhianati, ‘ibu melahirkan tuan’, orang yang ‘bukan ahli’ dilantik memegang tanggungjawab, banyak berlaku peperangan, tumbuhan hijau tumbuh subur di negara Arab dan sebagainya.

Antara tanda-tanda besar kiamat pula adalah kemunculan Imam Mahdi (Muhammad bin Abdullah) keturunan Rasulullah SAW yang akan memimpin umat Islam, keluar asap (*Dukhan*) meliputi alam, keluar Dajjal yang mengaku dirinya tuhan dan membawa kesesatan, keluar Jakjuj dan Makjuj merosakkan alam dan melakukan keganasan, turunnya nabi Isa as menentang Dajjal dan Yakjuj Makjuj, matahari terbit dari sebelah Barat dan sebagainya.

Hari akhirat bermula dengan tiupan sangkakala pertama yang menghancurkan seluruh alam (surah al-Haqqah, ayat 13-18), manusia akan bangkit dari kubur selepas tiupan sangkakala kedua (surah al-Ma’arij, ayat 43-44), manusia akan berhimpun di padang mahsyar (surah al-Isra’, ayat 97-98), manusia akan melalui hisab dan neraca keadilan (al-Kahfi, ayat 47-49), syafaat

(Hadis Riwayat Tarmizi 2839), titian sirat (surah al-Hadid, ayat 12), syurga dan neraka (surah Maryam, ayat 85-86).

Keimanan kepada hari akhirat membuktikan keadilan dan kebijaksanaan Allah SWT kepada makhluk ciptaan-Nya untuk diberikan ganjaran dan balasan agar tidak sia-sia setiap yang dilakukannya semasa didunia. Setiap sesuatu ada permulaan dan pengakhirannya, hari akhirat adalah tujuan kepada kehidupan manusia yang menyebabkan manusia melakukan kebaikan dan menghalang daripada melakukan kejahatan dan dalam masa yang sama pintu taubat dibuka seluas-luasnya bagi yang tersilap langkah.

Allah SWT merahsiakan detik berlakunya hari Akhirat agar amalan manusia dilakukan dengan penuh keikhlasan dan mengharapkas kasih sayang dan keredaan Allah SWT. Keimanan kepada hari akhirat membawa manusia menyedari hakikat dan matlamat kehidupan, berlumba-lumba melakukan kebaikan dan mempunyai matlamat dan hala tuju yang jelas sebagai khalifah Allah SWT.

1.3.6 Beriman kepada Qadak dan Qadar

Beriman kepada qadak dan qadar bermakna meyakini bahawa Allah SWT yang maha bijaksana dengan kehendak-Nya dan ilmu-Nya telah mengatur dan menentukan setiap sesuatu yang telah, sedang dan akan berlaku sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“Dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan disisi-Nya dengan qadar yang tertentu (Surah ar-Ra’d 13:8)

Qadak berkait dengan sifat kehendak (*Iradat*) dan ilmu Allah SWT merupakan ketetapan manakala Qadar berkait dengan sifat kekuasaan (*kudrat*) dan perbuatan Allah SWT adalah takdir/ ketentuan/ pelaksanaan ketetapan. Terdapat 2 jenis qadak iaitu qadak *Mubram* yang merupakan ketetapan dan pelaksanaan ketetapan tidak akan berubah seperti jantina, bangsa, tarikh kelahiran/ kematian dan sebagainya.

Terdapat juga qadak *Muallaq* yang berubah ketetapan dan pelaksanaan ketetapan berdasarkan usaha, doa dan ikhtiar manusia seperti rezeki. Muslim yang beriman kepada qadak dan qadar akan melakukan segala usaha yang termampu bagi mencapai sesuatu perkara dan kemudiannya akan menyerahkan kepada Allah SWT dalam menentukan keberhasilan kepada usaha yang dilakukannya. Manusia perlu beriman kepada qadak dan qadar agar:

1. Manusia dapat melakukan menyerahkan sepenuhnya setiap urusan hidupnya kepada Allah SWT.

2. Sabar, reda dan memperteguhkan keimanan kepada Allah SWT yang Maha Mengetahui setiap sesuatu yang berlaku mempunyai hikmat yang ditetapkan oleh Allah SWT.
3. Manusia dapat membuang sifat rendah diri, lemah, putus asa, resah dan sebagainya kerana yakin ketentuan Allah SWT adalah yang terbaik.
4. Mewujudkan rasa *qanaah* iaitu merasa cukup dengan pemberian Allah SWT sekaligus membersihkan diri dari sifat tamak.

Terdapat kesalahfahaman konsep qadak dan qadar berlaku dalam masyarakat, antaranya:

1. Jika ketentuan telah ditetapkan oleh Allah SWT, manusia tidak perlu berusaha. Fahaman ini akan membawa kepada kemunduran kerana tiada usaha diambil untuk mencapai sesuatu.
2. Apabila ditimpa sebarang kesusahan dan kesulitan seperti bencana alam akan menyalahkan takdir. Sedangkan setiap yang berlaku akan ada kebaikannya walaupun tidak disedari manusia.

1.4 IHSAN

Ihsan adalah konsep penting dalam Islam yang bermaksud kebaikan, keindahan dan kesempurnaan. Islam melalui Rukun Islam khususnya adalah amalan zahir, Iman melalui Rukun Iman melibatkan sistem kepercayaan manakala ihsan adalah berkaitan dengan niat, keikhlasan, kesedaran rohani, kecenderungan keinginan melakukan kebaikan, menyedari Allah sentiasa melihat dan dijelaskan oleh Rasulullah saw melalui sabdanya yang bermaksud:

“Ihsan adalah kamu menyembah Allah SWT seakan-akan kamu melihat-Nya Dia kerana walaupun kamu tidak melihat-Nya, Dia melihatmu”. (Hadis Riwayat Bukhari (190)

1.4.1 Konsep Ihsan

Ihsan membawa kepada realiti penghayatan dalam melakukan sesuatu agar sempurna mengikut syariat, ikhlas, dengan cara yang terbaik dan mengharapkan reda Allah SWT. Ihsan dalam amalan berlaku apabila dilakukan dengan cinta, meminta, mengharap, penuh ketaqwaan dan merasa diri kerdil serta ikhlas kepada Allah SWT. Manfaat ihsan dalam amalan ini akan kembali kepada manusia sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Jika kamu berbuat kebaikan (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan ialah untuk diri kamu dan jika kamu berbuat kejahatan mana (kesan yang buruk) berbalik kepada kamu juga” (Surah al-Isra’ 17: 7)

Konsep ihsan merangkumi aspek menjaga hubungan dengan Allah SWT dan juga hubungan sesama manusia dalam urusan kehidupan di dunia dan akhirat. Ihsan sesama manusia membawa juga ihsan dengan Allah SWT seperti dalam perhubungan kasih sayang, memberi perhatian, menunaikan tanggungjawab dalam keluarga dan sebagainya kerana perbuatan tersebut dituntut dalam agama yang bila dilakukan menunjukkan ketaatan kepada perintah Allah SWT. Begitu juga dalam bermuamalat bersama masyarakat, dalam kerjaya dan sebagainya dengan melakukan sesuatu dengan ikhlas, mengikut panduan kerja, menjaga kualiti, memberi pertolongan dan bantuan kepada yang memerlukan dan sebagainya.



YouTube



Kaitan Islam,
Iman, Ihsan
dan kiamat

Setiap amalan yang dilakukan dengan penuh keikhlasan dan dilakukan selari dengan tuntutan syarak pasti akan diterima oleh Allah SWT. Ikhlas diperoleh jika melakukannya hanya kerana Allah SWT tanpa tujuan yang lain. Cara yang betul pula boleh diperoleh sekiranya mengikut panduan al-Quran dan hadis serta sumber-sumber hukum yang lain (Ijmak, Qias dan sebagainya).

Ihsan dalam Pekerjaan

Manusia merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang paling sempurna, seimbang aspek fizikal, akal, emosi dan spiritual melayakkan manusia melaksanakan pelbagai tugas dan pekerjaan yang tidak mampu dilakukan oleh makhluk lain. Manusia perlu bekerja untuk memenuhi keperluan hidupnya dan keluarganya serta tidak menjadi bebanan kepada orang lain. Semua Rasul dan Nabi pun bekerja untuk memenuhi tuntutan kehidupan. Tuntutan kepada bekerja dirakamkan oleh Allah SWT melalui firmanNya dalam surah al-Jumuah ayat 10 yang bermaksud:

“Apabila telah selesai menunaikan solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi, carilah kurnia Allah SWT dan ingatlah Allah SWT banyak-banyak agar kamu beruntung”.

Tuntutan bekerja dengan ihsan pula dirakamkan antaranya melalui firman Allah SWT lagi dalam surah al-Qashash ayat 77 yang bermaksud:

“Dan carilah apa yang telah dianugerahkan Allah SWT kepadamu untuk negeri akhirat dan jangan lupakan bahagianmu di dunia, dan berbuat baiklah sebagaimana Allah SWT berbuat baik kepadamu kerosakan di muka bumi, sesungguhnya Allah SWT tidak menyukai orang yang membuat kerosakan”.

Allah SWT telah memberikan jaminan rezeki kepada hambaNya tetapi memerlukan kepada usaha bagi mendapatkannya. Dalam realiti semasa,

kebiasaannya seseorang pekerja akan bekerja dan berada di tempat kerja dalam suatu tempoh masa yang lama sekurang-kurangnya sepertiga daripada kehidupan hariannya. Semasa bekerja, seseorang muslim itu perlu mengaplikasikan sifat ihsan yang boleh diraih sekiranya seseorang pekerja itu memahami beberapa konsep asas iaitu:

- a. Melaksanakan pekerjaannya sebagai suatu ibadah ikhlas kerana Allah SWT.
- b. Melaksanakan pekerjaannya dengan berkualiti dan sentiasa meningkatkan kualiti dari masa ke semasa bermula dari peringkat perancangan.
- c. Meletakkan tugas dan pekerjaan sebagai amanah yang perlu dilaksanakan.
- d. Menjaga batasan-batasan yang digariskan agama semasa bekerja,
- e. Berpegang kepada prinsip yang benar dan bermatlamatkan kebaikan.
- f. Mengamalkan nilai-nilai yang selari dengan syariat.
- g. Pekerjaan yang dilakukan merupakan orientasi hasil dunia dan akhirat.
- h. Keseimbangan tuntutan kehidupan supaya tertunai tanggungjawab dalam kehidupan.

1.4.2 Konsep Akhlak

Akhlak yang paling dikehendaki dalam Islam adalah melalui keteladanan akhlak Rasulullah SAW sebagaimana Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia”. (Surah al-Qalam 68: 4)

Akhlak berasal dari perkataan Bahasa Arab 'khuluq' bermaksud budi pekerti, perangai, tingkahlaku atau tabiat (Ibnu Manzur, 1300H). Mohd Nasir (1986) mendefinisikan akhlak melalui tiga ciri iaitu:

1. Aspek batin/ jiwa seseorang yang menjadi tenaga penggerak kepada pembentukan tingkahlaku.
2. Aspek tingkahlaku yang dilakukan secara sendiri/ spontan bukannya tekanan/ desakan/ paksaan sesiapa.
3. Tingkahlaku yang dilakukan secara berterusan, menjadi kebiasaan dan darah daging seseorang.

Akhlak merupakan sifat yang sehati dalam diri seseorang yang menghasilkan tingkahlaku atau perbuatan secara spontan. Akhlak Islam mesti bersumberkan serta disandarkan kepada tuntutan di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Akhlak boleh dibentuk dan dimilik melalui ilmu pengetahuan yang benar, menyedari kepentingan mengamalkannya, melakukannya dengan bersungguh-sungguh, ikhlas, mendekati orang-orang yang berakhlak, berlapang dada menerima nasihat/teguran dan belajar dari sirah atau sejarah.

Akhlak adalah bukti kesempurnaan keimanan dan keislaman seseorang, maruah dan harga diri seseorang. Akhlak meletakkan seseorang pada kedudukan yang tinggi berbanding kemajuan ekonomi, teknologi, politik dan sebagainya. Akhlak Islam memiliki ciri-ciri berikut:

1. Akhlak Islam bersifat mutlak (tetap dan tidak boleh dipinda) dan menyeluruh (kepada semua manusia tanpa mengira kaum, kedudukan, darjat, tempat dan suasana).
2. Akhlak Islam sebagai pelengkap (merangkumi *rohaniyyah*, *jasmaniyyah* dan *aqliyyah*) yang membawa kepada kesempurnaan manusia.
3. Bersifat sederhana dan seimbang yang membawa kebaikan, tidak membebankan dan merosakkan.
4. Mempunyai elemen suruhan dan larangan dimana jika melakukan suruhan dan meninggalkan larangan akan membawa kepada kebaikan menghindari keburukan.

Akhlak dengan Allah SWT membawa manusia kepada sedar dan taat kepada segala yang diperintahkan, sentiasa bertaubat atas segala dosa dan kesalahan sama ada sedar atau tidak, berusaha mencari keredaan Allah SWT (surah al-A'raf ayat 201) dan sentiasa sedar tentang hakikat diri yang merupakan hamba kepada Allah SWT (surah az-Zaariyat ayat 56). Akhlak terhadap diri sendiri pula menjaga akidah dan kepercayaan selaras dengan tuntutan Islam, menuntut ilmu yang bermanfaat, menjaga maruah diri dan menunaikan segala tuntutan dan tanggungjawab terhadap diri. Akhlak dengan sesama manusia pula merangkumi akhlak dengan:

1. Rasulullah: meyakini kerasulan nabi Muhammad SAW, mengamalkan suruhannya dan meninggalkan larangannya.
2. Ibubapa: sentiasa mentaati, berbuat baik, menghormati, mendoakan, menjaga mereka apabila telah uzur, menjaga maruah dan menjaga kebajikan mereka.
3. Guru: memuliakan, menghormati dan mengamalkan ajaran guru.
4. Jiran tetangga: berbuat baik, tidak menyusahkan, menyakiti atau mengganggu jiran dan memenuhi hak jiran.
5. Suami isteri: bergaul dengan baik, menghormati, menjaga kebajikan, maruah dan harta pasangan.
6. Anak-anak: melaksanakan aqiqah, memberikan nama yang baik-baik, menjaga dan mendidik mengenal agama, mengajarkan al-Quran, menjaga kebajikan dan mengajar tentang tanggungjawab dalam kehidupan.
7. Kaum kerabat: berbuat baik, bersikap adil, bersangka baik dan saling menghormati.

Akhlak terhadap selain daripada manusia pula merangkumi aspek-aspek berikut:

1. Malaikat: menjaga aurat walaupun bersendirian, menghormati malaikat dengan mencontohi ketaatan malaikat dan menghindarkan perbuatan jahat kerana ada malaikat di sisi melihat perbuatan tersebut.
2. Jin: menghormati dengan tidak membuang hadas sesuka hati di kawasan-kawasan yang tidak sesuai seperti lubang.
3. Haiwan: tidak membebankan haiwan diluar kemampuan, menganiayai, menyakiti seperti menyembelih dengan pisau yang tajam dan bukan di hadapan binatang yang lain.
4. Alam sekitar: menggunakan sumber alam sebaik-baiknya, tidak membuang sampah sesuka hati, tidak mencemarkan alam, pembakaran terbuka dan sebagainya.

Akhlak boleh ditingkatkan dengan menguatkan keimanan, mengawal diri dari melihat mendengar sesuatu kejahatan, memahami dan mengamalkan ajaran al-Quran, berpuasa, merapatkan diri dengan orang-orang yang berakhlak mulia, mencontohi para nabi, sahabat, ulama, menggunakan sebaik-baiknya akal fikiran dan sentiasa memohon pada Allah SWT agar terpelihara akhlak diri.

Perbezaan antara Akhlak dan Etika

Akhlak Islam berasaskan sumber utama iaitu al-Quran dan al-Hadis berbeza dengan Etika bersumberkan akal fikiran, pandangan dan persetujuan masyarakat secara kolektif. Allah SWT menciptakan manusia dan mengetahui dengan tepat keperluan manusia dan manusia dibekalkan dengan fitrah (agama) yang menjadi penentu kebahagiaan, kebaikan dan kebenaran. Firman Allah SWT dalam surah ar-Rum ayat 30 yang bermaksud:

“Maka hadaplah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah SWT, (tetaplah atas) fitrah Allah SWT yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah SWT. (Itulah) agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui” (Surah ar-Rum 30: 30)

Mohd. Nasir (1986) mendefinisikan etika sebagai suatu peraturan yang menjadi panduan dalam hidup manusia. Etika bersumberkan akal fikiran dan pandangan yang merupakan kekuatan yang dimiliki oleh manusia disandarkan kepada pengetahuan dan pengalaman dalam menilai sesuatu perkara/ perbuatan namun keupayaan akal bersifat spekulatif dan subjektif. Pandangan masyarakat pula sangat relatif bergantung sejauhmana keikhlasan, kesucian hati, tujuan dan sebagainya dalam menetapkan sesuatu nilai untuk diamalkan.

Akhlak mempunyai ruang lingkup yang luas merangkumi aspek zahir dan batin manusia, menjangkau hubungan manusia dengan tuhan, manusia sesama manusia dan manusia dengan alam, binatang dan tumbuh-tumbuhan.

Berbeza dengan etika yang meliputi aspek sopan santun pada persekitaran sosial tertentu mengikut kesesuaian majlis, tempat dan masa.

Faktor Pembentukan Akhlak

Suatu proses yang dinamik dan berterusan perlu dilaksanakan dalam membentuk, membangunkan dan memantapkan akhlak seseorang serta mesti dimulai dengan keimanan yang ditanam di jiwa manusia. Terdapat 3 aliran pandangan berkaitan faktor pembentukan akhlak yang biasa diketengahkan iaitu

- a. Aliran Nativisme: Akhlak dibentuk oleh pembawaan dalam diri sendiri seperti kecenderungan diri yang menghasilkan tingkahlaku.
- b. Aliran Empirisme: Akhlak dibentuk oleh faktor luaran, persekitaran sosial, Pendidikan dan interaksi sosial.
- c. Aliran Konvergensi: Akhlak dibentuk dengan gabungan faktor dalaman dan luaran.

Aliran Konvergensi lebih selari dengan pembentukan akhlak dalam Islam di mana Allah SWT telah berfirman menjelaskan bahawa manusia mampu dididik dengan dikurniakan pelbagai deria untuk belajar menjadi manusia yang bersyukur sebagaimana dalam surah an-Nahl ayat 78 yang bermaksud:

“Dan Allah SWT telah mengeluarkan kamu dari perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatupun, dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati agar kamu bersyukur” (an-Nahl, 16: 78)

Terdapat faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi pembentukan Akhlak antaranya pandangan Hamzah (1993) dan dinamakan sebagai faktor ‘intern’ dan faktor ‘ekstern’. Faktor ‘intern’ adalah:

- a. Naluri (*instink*): kesediaan melakukan sesuatu secara terus (semulajadi) seperti naluri keibubapaan, naluri berjuang dan sebagainya.
- b. Kebiasaan: perlakuan yang dilakukan secara berulangkali memudahkan seseorang itu terus melakukannya.
- c. Keturunan: perlakuan yang diwarisi dari keturunan seperti mewarisi sifat penyabar, berani dan sebagainya.
- d. Keinginan/ kemahuan/ kehendak: perlakuan didorong untuk mencapai sesuatu mengerakkannya melakukannya.
- e. Hati Nurani (*conscience*): suara hati yang menyuruh/ melarang/ menguatkan diri melakukan sesuatu

Faktor ‘ekstern’ pula merupakan suatu faktor luaran yang mempengaruhi sesuatu perlakuan manusia iaitu:

- a. Persekitaran Masyarakat: persekitaran sosial masyarakat mampu membentuk/ merosakkan pembentukan akhlak seseorang melalui pengaruh fikiran, sifat dan tingkahlaku.

- b. Pengaruh Keluarga: Keluarga merupakan pembentuk akhlak yang utama dan awal seseorang anak sebelum anak-anak keluar berinteraksi dengan dunia luar.
- c. Pengaruh Sekolah: Sekolah merupakan persekitaran Pendidikan kedua penting dalam pembentukan akhlak secara perstruktur dan sistematik. Pembentukan akhlak dan kaedah-kaedah pembentukan akhlak memerlukan tujuan yang jelas, besar dan perlu diurus perdanakan, antaranya perlu:
 - a. Memastikan manusia sentiasa berada dijalan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk berbahagia dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.
 - b. Memastikan keseimbangan antara akal, jasmani dan rohani.
 - c. Memastikan perkataan dan perbuatan mencerminkan apa yang terkandung dalam ajaran Islam.
 - d. Memastikan segala tanggungjawab ditunaikan setakat yang termampu.
 - e. Memastikan mempunyai aqidah yang betul, amalan ibadat yang tepat kerana iman dan amal akan menghasilkan akhlak.

1.4.3 Konsep Dosa dan Pahala

Setiap perjalanan kehidupan manusia terikat pada hakikat bahawa manusia merupakan hamba dan khalifah Allah SWT, bagi memastikan kejayaannya manusia dibekalkan dengan al-Quran dan Sunnah yang terkandung di dalamnya perintah-Nya yang perlu dilaksanakan yang mempunyai banyak kebaikan dan larangan-Nya agar terjamin keselamatan dan kesejahteraan kehidupan manusia. Melakukan suruhan dan meninggalkan larangan akan beroleh pahala manakala melakukan larangan dan meninggalkan suruhan bermakna dosa.

Allah SWT juga menciptakan hari akhirat agar keadilan dan pembalasan yang seadil-adilnya atas segala dosa dan pahala yang dilakukan manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dialah yang telah menciptakan adanya mati dan hidup untuk menguji kamu, siapakah antara kamu yang lebih baik amalannya. Dia maha Perkasa (dalam melakukan pembalasan terhadap orang dehaka) dan maha pengampun (bagi orang yang bertaubat)” (Surah al-Mulk 67:2)

Manusia yang terbaik di sisi Allah SWT adalah yang beriman dan bertaqwa. Rahmat Allah SWT maha luas sehinggakan berniat melakukan kebaikan sudah diganjar pahala, berjaya melakukan kebaikan pahala yang lain, ada yang diganjar 27 kali ganda, 700 kali ganda dan sebagainya. Melakukan sesuatu yang berpahala mampu menghapuskan dosa kecil seperti berwudhuk sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya amal-amal kebaikan itu menghapus kejahatan, perintah-perintah Allah SWT yang demikian itu menjadi peringatan bagi orang yang mahu beringat” (Surah Hud 11:114)

Perlakuan dosa pula membawa kemurkaan Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

‘Maka masing-masing (daripada kaum itu), Kami binasakan dengan sebab dosanya, iaitu ada yang Kami hantarkan angin rebut menghujannya dengan batu, ada yang dibinasakan dengan letusan suara yang kuat (yang mengegarkan bumi), ada yang Kami benamkannya di bumi dan ada pula yang Kami tenggelamkan di laut. Dan (ingatlah) Allah SWT tidak sesekali menganiayai mereka, tetapi merekalah yang menganiayai diri mereka sendiri’. (Surah al-Ankabut 29:40)

Terdapat dua bahagian dosa iaitu dosa besar dan dosa kecil. Dosa besar merupakan perbuatan yang jelas ditegah melakukannya dan dinyatakan balasan/hukumannya di dalam al-Quran dan Hadis seperti membunuh. Dosa kecil pula merupakan perbuatan yang jelas ditegah melakukannya tetapi tidak dinyatakan balasan/hukumannya di dalam al-Quran dan Hadis seperti menyentuh al-Quran tanpa wudhuk.

Setiap muslim perlu memahami hakikat bahawa setiap perbuatan yang dilakukan ada hitungannya (pahala dan dosa), balasan pahala dan dosa adalah bukti kasih sayang dan keadilan Allah SWT. Dosa dan pahala penentu kebahagiaan atau kesengsaraan kehidupan manusia. Jalan

keluar apabila melakukan perbuatan dosa adalah taubat iaitu berhenti melakukan dosa, menyesal melakukan dosa tersebut, berazam tidak akan melakukannya lagi dan memohon keampunan atas dosa yang telah dilakukan. Sekiranya dosa melibatkan manusia perlu memohon maaf dan memenuhi hak mereka (mengantikannya/ membayar ganti rugi dan sebagainya).



Kesimpulan



Keimanan kepada setiap Rukun Iman merupakan perkara yang wajib dilaksanakan bagi yang bergelar muslim. Keimanan pula mesti diikuti dengan amalan kebaikan yang termaktub dalam Rukun Islam khususnya dan segala amal soleh amnya. Dalam masa yang sama, manusia perlu meninggalkan segala perbuatan yang dilarang dan yang membawa keburukan. Kesempurnaan iman dan Islam akan terhasil dengan adanya ihsan melalui

keikhlasan dalam penghayatan Iman dan Islam yang membuahkan akhlak seterusnya membawa manusia kepada kebahagiaan sebenar dalam kehidupan di dunia dan juga kehidupan abadi di akhirat.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada **Ustaz Yusri bin Yusoff** atas sumbangan sebagai antara penulis Topik 1 dalam cetakan pertama buku Pengajian Islam yang kini bertugas di Kolej Komuniti Kok Lanas.

Rujukan



- Al-Quran.
- Abdul Aziz Umar Ahmad. 2000. *Asas Aqidah Islam*. Kota Bahru: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Abdul Majid Aziz Az-Zindani. 2004. *Kitab Tauhid Diperakui oleh Fakta Sains*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Abdur Rahman Habanakah. 1998. *Pokok-pokok Aqidah Islam*. Jakarta: Gema Insani
- Abu Bazli Abdul Kadir Che Kob. 1989. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad Ismail al-Bukhari. 1998. *Sahih al-Bukhari*. Tahqiq Abu Suhaib al-Karmiy. Riyadh: Bait al-Afkar al-Daulah.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq. 1996. *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar-al-Ma'rifah.
- Al-Qardhawi. 1998. *Al-Iman wa al-Hayah*. Kaherah: Dar al-Muassasah.
- Haron Din. 1992. *Tasawwur Islam*. Shah Alam: Pustaka Hizbi.
- Muslim, Abu Husayn Muslim al-Hajjaj. 1991. *Sahih Muslim*. Tahqiq Muhammad Fuad Abdul Baqi. 5 jilid. Lubnan: Dar al-Kutub al-ilmiah.
- Mohd Nasir Masrom, Siti Norlina Muhammad dan Siti Aisyah Panatik. 2013. *Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan Kesihatan Jiwa*. Dlm Seminar Pendidikan dan Penyelidikan Islam Kali Pertama ms (582-590). Johor Bahru. Association of Islamic Education Scholars.
- Said Ibrahim. 1996. *Aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Shamsiah Mohammad. 2020. *Berlaku Ihsan dalam Semua Perkara*. <https://www.sinarharian.com.my/article/89318/KOLUMNIS/Berlaku-ihsan-dalam-semua-perkara>
- Sidek Baba. 2006. *Pend Rabbani*. Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd.

Zulkifli Muhammad al Bakri. 2018. *Mengucap Syahadah dalam Bahasa Lain*.
<https://muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/2738-al-afkar-23-mengucap-syahadah-dalam-bahasa-lain>

Latihan Pengukuhan Topik 1

Nama: _____

Kelas: _____ No Matrik: _____

BAHAGIAN A

1. Apakah pengertian tasawur Islam?
 - A. Patuh dan berserah diri kepada Allah SWT
 - B. Gambaran yang benar mengenai Islam
 - C. Penyaksian terhadap Islam
 - D. Menyembah Allah SWT sepenuh hati
2. Berikut adalah ciri-ciri kesempurnaan Islam, **kecuali**...
 - A. Rabbaniyyah
 - B. A'lamiyyah
 - C. Thabat wal Murunah
 - D. Mazmumah
3. *"Hanya mampu memperkatakan atau berbicara tentang Islam namun tidak mampu untuk menerapkannya di dalam amalan"*. Kenyataan ini merujuk kepada martabat keimanan:
 - A. Iman Taqlid
 - B. Iman Haq
 - C. Iman Ilmi
 - D. Iman A'yan
4. "Pengakuan dengan lidah, membenarkan dengan hati dan mengamalkannya dengan anggota-anggota badan. Pernyataan tersebut merujuk kepada ...
 - A. Ihsan
 - B. Iman
 - C. Islam
 - D. Akhlak
5. Manakah yang berikut membatalkan syahadah melalui perbuatan?
 - A. Membantu kaum kuffar dalam melawan, menindas dan memusuhi kaum muslimin.
 - B. Syirik kepada Allah SWT.
 - C. Membenci sesuatu dari apa-apa yang diajarkan Rasulullah SAW.
 - D. Mengejek, mencemuh atau mencela sesuatu daripada agama Islam.
6. Antara berikut, yang manakah pasangan jawapan yang salah?
 - A. Nabi Isa a.s – Kitab Injil
 - B. Nabi Musa a.s – Kitab Taurat
 - C. Nabi Ibrahim – Kitab Zabur
 - D. Nabi Muhammad SAW – Kitab al-Quran

Melintang:

- 4. Terdapat tiga komponen utama yang menjadi asas dalam Islam iaitu akidah, syariah dan _____.
- 6. Daripada ketiga-tiga komponen ini, _____ merupakan tunjang.
- 7. _____ adalah gambaran atau penjelasan yang komprehensif dan benar mengenai Islam.
- 8. _____ bermaksud Islam adalah agama yang universal.
- 10. Perkataan _____ berasal dari bahasa Arab yang membawa maksud selamat, sejahtera, aman dan harmoni.

Ke bawah:

- 1. _____ bermaksud segala konsep, hukum, nilai dan peraturan syariah yang terdapat di dalam Islam adalah digubal dan ditetapkan melalui wahyu oleh Allah SWT.
 - 2. _____ menurut bahasa ialah perbuatan yang baik dan kemurahan hati.
 - 3. Iman _____ merupakan martabat keimanan yang paling sempurna.
 - 5. _____ adalah peringkat merasai nikmat yang berhasil daripada meninggalkan sifat keji dan merasai nikmat melakukan sifat baik serta merasa keagungan dan kehebatan Allah SWT.
 - 9. _____ bererti aman iaitu tiada rasa takut dan al-tasdiq (membenarkan)
2. Apakah kebaikan melakukan perkara kebaikan (pahala) dan apakah keburukan melakukan perkara keburukan (dosa)?

Ganjaran dan Balasan

Kebaikan (Pahala)	Keburukan (Dosa)
1	
2	
3	
4	
5	

3. Huraikan mengenai keadilan mutlak di dalam Islam.

4. Nyatakan perbezaan syarat wajib puasa dan syarat sah puasa.

Syarat wajib puasa	Syarat sah puasa

Silibus Versi: 03102023_1_Efektif: Sesi_II_2023/2024

CLO2: Pelajar dapat menerangkan etika dan professional berkaitan Syariah dan Institusi Islam dalam membentuk pembangunan ummah (A3: Menilai) (CLS35: Etika dan Professional)

Pentaksiran: 2 Tugas Berasaskan Masalah (40 Markah)

TOPIK 2: ISLAM DAN ASAS SYARIAH

2.0 PENGENALAN

2.1 SUMBER ILMU PENGETAHUAN

2.1.1 Pembahagian Ilmu

2.1.2 Sumber -Sumber Ilmu Menurut Islam

2.1.3 Matlamat Menuntut Ilmu

2.2 APLIKASI ASAS SYARIAH

2.2.1 Ibadah

2.2.2 Muamalat

2.2.3 Munakahat (Perkahwinan)

2.2.4 Jenayah/ Jinayat

Kesimpulan

Rujukan

Latihan Pengukuhan

TOPIK 2: ISLAM DAN ASAS SYARIAH

Noriah Nawi (Penulis & Penyemak)

Mahnessa A. Kadir, PhD (Penulis & Penyemak)

2.0 PENGENALAN

Islam sangat mementingkan ilmu kerana ilmu lebih berharga daripada harta benda. Dalam al-Quran Allah SWT menegaskan ketinggian darjat orang yang beriman dan berilmu.

2.1 ILMU PENGETAHUAN

Ilmu pengetahuan merupakan satu keutamaan dalam Islam. Ilmu di sisi Islam lebih bernilai daripada harta kekayaan. Keutamaan ilmu dijelaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya yang bermaksud:

“Allah SWT telah menyaksikan bahawasanya tiada Tuhan melainkan Dia jua, begitu pula para Malaikat dan para ahli ilmu pengetahuan turut menyaksikan sama, iaitu Tuhan yang berdiri di atas keadilan”. (Ali-Imran 3: 18)

Rasulullah SAW juga menyatakan tentang keutamaan ilmu pengetahuan dalam Islam melalui hadisnya yang bermaksud:

“Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah SWT, membaca kitab Allah SWT (al-Qur’an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya”. (Hadis Riwayat Muslim (4867))

Ilmu merupakan sandaran kepada semua perkara di dunia ini. Hidup tanpa ilmu pengetahuan, manusia akan berada di dalam kegelapan, kemunduran, kejahilan dan tidak dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan. Ilmu berfungsi sebagai penyelamat manusia daripada tipu daya syaitan, sebagaimana yang dinyatakan oleh hukamak:

“Hikmah (Ilmu) adalah suatu perkara yang sangat digemari oleh orang yang beriman. Carilah ia walau dimana sekalipun, walaupun ia berada di tangan orang bukan Islam”. (Mas’udi, Muruj al-Dhabab)

2.1.1 Merumuskan Pengertian Ilmu

Menurut Kamus Dewan, ilmu bermaksud pengetahuan dalam perkara dunia, akhirat, zahir, batin dan lain-lain (edisi keempat). Dari segi istilah, ilmu bermaksud segala pengetahuan atau kebenaran yang datang daripada Allah

SWT. Berikut adalah beberapa pengertian ilmu yang diberikan oleh tokoh-tokoh terkemuka Islam dan Barat.

Ibnu Khaldun: Ilmu ialah sesuatu yang dapat dipelajari oleh manusia sama ada menggunakan akal fikiran, pancaindera, pengalaman-pengalaman, mahupun dengan pertolongan wahyu Ilahi.

S.M. Naquib Al-Attas: Ilmu merupakan ketibaan sesuatu makna ke dalam jiwa seseorang hasil daripada maklumat atau ketibaan oleh hati tentang makna sesuatu.


Qadi Abd Jabbar: Ilmu ialah suatu kepercayaan yang memuaskan jiwa, bahawa objek yang dipercayai itu adalah menepati perkara yang sebenarnya menurut realiti yang berlaku.

Ashley Montagu: Ilmu ialah pengetahuan yang disusun dalam satu sistem yang berasal daripada pengamatan, pembelajaran dan percubaan untuk menentukan hakikat prinsip tentang hal yang dikaji.

Secara kesimpulannya, ilmu dapat didefinisikan sebagai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang yang diceburi dan dapat digunakan untuk menjelaskan sesuatu yang berkaitan dengan bidang tersebut.

Pembahagian Ilmu

Pada asasnya semua ilmu pengetahuan datang daripada Allah SWT kerana ianya bersumberkan wahyu Allah SWT. Menurut Imam Al-Ghazali ilmu dibahagikan kepada dua kategori iaitu ilmu Fardu Ain dan ilmu Fardu Kifayah



Rajah 7: Pembahagian Ilmu

Ilmu Fardhu Ain

Ilmu Fardhu Ain ditakrifkan sebagai ilmu yang wajib dipelajari, dihayati dan diamalkan oleh setiap individu muslim yang mukalaf dan berdosa jika ditinggalkan dengan sengaja. Ilmu ini merupakan ilmu asas yang perlu difahami untuk membentuk jati diri muslim yang sejati. Ilmu fardhu Ain terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

1. **Ilmu yang berkaitan dengan iman:** dikenali sebagai ilmu akidah, ilmu iktikad dan ilmu makrifat. Tujuan mempelajarinya ialah untuk mengenal Allah SWT dan memahami rukun-rukun iman yang dapat membawa manusia kepada tauhid yang benar dan terpelihara dari perkara-perkara yang boleh merosakkan iman dan akidah sebagai seorang muslim.

2. **Ilmu yang Berkaitan dengan Perundangan Islam dan Hukum Hakam:** Memahami ilmu-ilmu asas dalam ibadah seperti solat, puasa, zakat, haji, munakahat dan muamalat. Tujuan mempelajari ilmu ini adalah supaya amalan yang dikerjakan sama ada wajib atau sunat menepati syarat dan rukun yang telah ditetapkan agar diterima oleh Allah SWT. Melalui ilmu Fardu Ain juga, seseorang muslim itu dapat mengetahui perkara yang membatalkan ibadah dan perkara yang berkait dengan larangan dan suruhan dalam kehidupan seharian kita.
3. **Ilmu yang berhubung dengan perkara-perkara yang diharamkan:** Mempelajari apakah perkara yang diharamkan dalam agama supaya mereka dapat memelihara diri daripada melakukan perkara tersebut. Sebagai contoh syirik kepada Allah SWT, menderhaka kepada kedua ibu bapa, menipu, khianat, memakan harta dengan batil, riba, membunuh, zina, *qazaf*, mencuri, minum arak, mendedahkan aurat, memakan bangkai dan binatang yang disembelih untuk selain Allah SWT dan memakan daging babi kecuali bagi mereka yang terpaksa. Hal ini sebagaimana Firman Allah SWT yang bermaksud:

Katakanlah: "Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi; dan perbuatan dosa; dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar; dan (diharamkan-Nya) kamu mempersekutukan sesuatu dengan Allah SWT sedang Allah SWT tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya); dan (diharamkan-Nya) kamu memperkatakan terhadap Allah SWT sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya". (Surah al-Aaraf 7:33)
4. **Ilmu Tasawuf:** dikenali sebagai ilmu adab atau ilmu akhlak. Tujuan mempelajari ilmu ini ialah untuk mengenali dan mengamalkan sifat-sifat yang baik seperti sabar, reda, ikhlas, pemurah dan lain-lain dan menjauhi sifat-sifat yang buruk seperti hasad dengki, riak, sombong, ujub dan sebagainya.

Ilmu Fardu Kifayah

Ilmu fardhu kifayah ialah ilmu yang wajib dituntut oleh umat Islam secara berkumpulan bagi mewakili orang Islam yang lain. Sekiranya tiada seorang pun dalam kalangan orang Islam yang mempelajarinya, maka semua ahli masyarakat akan menanggung dosa. Tuntutan mendalami ilmu fardhu kifayah bertujuan untuk menyempurnakan keperluan kehidupan manusia sama ada dari aspek keagamaan atau keduniaan. Ilmu fardhu kifayah meliputi:

1. Ilmu aqidah dan syariah secara mendalam
2. Ilmu berkaitan dengan keduniaan seperti kedokteran, kejuruteraan, perakaunan, pertanian dan sebagainya.

Sejarah Islam membuktikan bahawa pemimpin Islam pada zaman kegemilangan Islam amat mengambil berat berkaitan dengan ilmu fardhu

kifayah. Situasi ini dibuktikan ketika pemerintahan Khalifah Marwan, beliau menggalakkan aktiviti penterjemahan antaranya yang dilakukan oleh Masirjuawaih terhadap karya perubatan dari Bahasa Yunani ke dalam Bahasa Arab. Penterjemahan tersebut dilaksanakan bagi menggalakkan aktiviti percambahan ilmu melalui pembacaan, penulisan, wacana, perbincangan dan dialog. Selain itu, Khalifah Umar bin Abd al-Aziz juga turut memperjuangkan agar rakyatnya menuntut ilmu pengetahuan, sains dan kemahiran yang sedang dikuasai oleh bangsa lain.

Agama Islam menitik beratkan keseimbangan dalam kehidupan manusia. Oleh itu, umat Islam hendaklah melibatkan diri dalam perkembangan sains dan teknologi seperti meneliti, mempelajari dan memahami prinsip-prinsip sains dan teknologi supaya dapat mengetahui sejauh mana sains dan teknologi bersesuaian atau bercanggah dengan tamadun Islam.

Oleh itu, ruang lingkup ilmu dan pendidikan dalam Islam tidak terbatas kepada ilmu Fardhu Ain semata-mata. Bukti sejarah menunjukkan bagaimana umat Islam dahulu amat memberi keutamaan yang seimbang kepada ilmu Fardhu Ain dan ilmu Fardhu Kifayah dalam membangunkan tamadun. Contohnya ilmuwan seperti al-Khawarizmi dan Ibn Sina telah menghafaz al-Quran ketika kanak-kanak kemudian mendalami ilmu Tafsir, Fekah disamping menguasai bahasa-bahasa utama serta bidang matematik, astronomi, perubatan dan geografi.

2.1.2 Sumber-sumber Ilmu Menurut Islam

Sumber ilmu dalam Islam terbahagi kepada dua iaitu sumber naqli dan sumber aqli. Sumber naqli ialah semua ilmu yang terbit daripada al-Quran dan Hadis nabi, manakala sumber *aqli* pula segala ilmu yang datang daripada pemikiran dan pengalaman manusia seperti pancaindera, kepintaran, pengalaman dan lain-lain lagi.

1. **Wahyu:** segala apa yang disampaikan oleh Allah SWT kepada para rasul-Nya tentang segala petunjuk dan pengetahuan yang dikehendaki-Nya secara rahsia dan luar biasa. Wahyu diturunkan dalam dua bentuk iaitu al-Quran dan al-Sunnah. al-Quran ialah kalam Allah SWT yang mengandungi mukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dalam Bahasa Arab, disampaikan secara mutawatir dan membacanya adalah ibadah.

Isi kandungan al-Quran membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan aqidah atau kepercayaan, akhlak, garis panduan bagi hukum dan peraturan, asas ekonomi dan politik serta asas ilmu pengetahuan. Al-Quran juga menjadi petunjuk, penjelasan, peringatan dan nasihat. Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran membicarakan tentang alam tabii seperti proses

penciptaan langit dan bumi, proses kejadian manusia, fenomena alam dan sebagainya yang menjadi asas perbincangan sains dan falsafah. Selain itu al-Quran mengajak manusia supaya menggunakan akal fikiran dan mata hati untuk memikirkan keajaiban ciptaan Allah SWT agar dapat menambahkan keyakinan dan keimanan kepada-Nya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka apakah mereka tidak memerhatikan unta bagaimana ia diciptakan, dan langit bagaimana ia ditinggikan. Dan gunung ganang bagaimana ia ditegakkan. Dan bumi bagaimana ia dihamparkan”. (Surah al-Ghasiah 88:17-20)

Kelebihan al-Quran ialah ayat-ayatnya dipelihara dan dijamin kekal sehingga kiamat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kamilah (Allah SWT) yang menurunkan al-Zikr (al-Quran) dan sesungguhnya Kamilah yang memeliharanya”. (Surah al-Hijr 15: 9)

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Aku tinggalkan kepada kamu semua dua perkara, kamu tidak akan sesat selama mana kamu berpegang dengan kedua-duanya iaitu kitabullah (Al-Quran) dan sunnah nabi-Nya”. (Hadis Riwayat Imam Malik (1661))

Al-Sunnah merupakan sumber kedua dalam perundangan Islam selepas al-Quran. As-Sunnah ialah sesuatu yang datang daripada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat-sifatnya. Perbincangan Al-Sunnah juga merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia termasuk kesihatan, kemasyarakatan, akhlak dan lain-lain. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya...” (Surah al-Hasyr 59:7)

- 2. Intuisi/ Ilham:** iaitu naluri, ilham atau bisikan hati, iaitu ilmu yang diperoleh dari penghayatan langsung. Intuisi ialah kebolehan mengetahui sesuatu tanpa berfikir atau mengkaji tetapi hanya daripada bisikan kalbu atau gerak hati (Dewan Bahasa & Pustaka). Intuisi atau ilham yang baik datang daripada Allah SWT dan yang tidak baik datang daripada bisikan syaitan atau manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dari kejahatan pembisik, penghasut yang timbul tenggelam”. (Surah An-Naas114:4)

- 3. Pancaindera:** iaitu sebahagian daripada anggota tubuh badan manusia yang memberikan maklumat penting seperti sentuhan, ciuman, penglihatan, pendengaran dan deria rasa. Ia merupakan salah satu sumber ilmu yang diiktiraf dan diyakini kebenarannya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka apakah mereka tidak berjalan di muka bumi, lalu mereka mempunyai hati yang dengan itu mereka dapat memahami atau mempunyai telinga yang dengan itu mereka dapat mendengar? kerana sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi yang buta ialah hati yang di dalam dada”. (Surah Al-Haj 22:46)

4. **Akal:** Anugerah yang istimewa bagi manusia yang membolehkan manusia membezakan antara kebaikan dan keburukan atau yang hak dan batil. Namun kemampuan akal manusia adalah terbatas contohnya akal tidak dapat menjangkau perkara-perkara *ghaibiyat* seperti dosa, pahala, syurga, neraka dan lain-lain. Oleh itu manusia memerlukan wahyu untuk menjelaskannya.

Akal digunakan untuk berfikir dan memahami sesuatu sehingga menghasilkan pengetahuan. Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang menyuruh kita supaya berfikir dan menggunakan akal seperti yang bermaksud “*tidakkah mereka berfikir*”, “*tidakkah mereka memerhatikan*” dan lain-lain lagi. Contoh ilmu yang dihasilkan melalui akal ialah ilmu usul fiqh iaitu ilmu tentang kaedah penetapan hukum. Akal manusia diberikan kelebihan-kelebihan antaranya ialah mampu melihat dan menilai kebesaran Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, (yaitu) orang-orang yang mengingat Allah SWT sambil berdiri atau duduk atau dalam keadan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): “Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan Ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, Maka peliharalah kami dari siksa neraka”. (Surah Ali Imran 3:190- 191)

5. **Penyelidikan dan Pemerhatian:** Suatu kaedah untuk mencari jawapan dan kebenaran kepada persoalan yang timbul dengan menggunakan kaedah yang sistematik, boleh dipercayai dan sah serta berdasarkan bukti-bukti yang sahih sama ada bersifat empirikal (pengalaman), rasional (*hujah aqliah*) mahupun hujah naqliah yang berada dalam kerangka mematuhi prinsip dan kehendak Islam. Hasil yang diperoleh semestinya tidak bercanggah dengan wahyu, tidak merosakkan, memberi manfaat serta boleh mendekatkan lagi manusia kepada Allah SWT.
6. **Kepintaran:** Tahap kepintaran setiap individu adalah tidak sama. Ia bergantung kepada beberapa faktor seperti budaya, kaum, motivasi, alam sekitar, kesihatan dan lingkungan keluarga. Pengaruh persekitaran juga turut menjadi faktor dalam melahirkan pemikiran yang pintar seperti cara didikan ibu bapa, ransangan, harapan serta doa daripada ibu bapa kepada anak-anak.

2.1.3 Matlamat Menuntut Ilmu

1. Mengenal Allah SWT

Video Keutamaan
menuntut ilmu

YouTube



Dengan ilmu manusia akan dapat mencapai keyakinan dan keimanan yang tinggi kepada Allah SWT yang layak disembah, yang Maha Agung dan yang Maha Berkuasa. Terdapat sebuah kisah tentang dua orang lelaki, dimana seorang adalah orang yang berilmu dan seorang lagi adalah orang yang tidak berilmu tetapi menjalankan ibadah. Kemudian kedua-duanya diuji oleh seseorang tentang berapa kadar kejahatan bagi kedua orang tersebut. Maka si penguji itu pun mendatangi keduanya dengan memakai pakaian mewah.

Dia berkata kepada yang ahli ibadah: *"wahai hambaKu, aku telah mengampuni seluruh dosamu. Maka sekarang engkau tidak perlu beribadat lagi."* Ahli ibadah menjawab: *"Oooh, itulah yang aku harapkan darimu ya Tuhanku."* Ahli ibadah menganggap si penguji sebagai Tuhan, sebab dia tidak mengetahui sifat-sifat sebenar Tuhannya. Selanjutnya, sang penguji mendatangi orang yang berilmu, yang ketika itu dia sedang minum arak. Penguji berkata: *"Wahai manusia, Tuhanmu akan mengampuni dosamu!"* Dengan geram dia menjawab: *"Kurang ajar! (Sambil mencabut pedangnya), engkau fikir aku tidak kenal siapa Tuhan?!"* Demikianlah orang yang berilmu tidak akan tertipu sebaliknya orang yang tidak berilmu mudah tertipu dan terpedaya.

2. Mengenal diri

Mengenal diri bermaksud menyedari bahawa dirinya adalah hamba Allah SWT yang lemah dan perlu kepada tempat untuk bergantung. Sebagai seorang muslim, mengenal Tuhan dapat membantu mereka mengenal dirinya sendiri serta memahami tujuan utama mereka diciptakan oleh Allah SWT adalah untuk mengabdikan diri kepada-Nya.

3. Melaksanakan ibadah kepada Allah SWT

Manusia perlu menuntut ilmu kerana ilmu adalah petunjuk dalam menjalankan ibadah. Ibadah yang dilakukan tanpa ilmu atau ikut-ikutan adalah sia-sia bahkan boleh menyesatkan.

4. Membolehkan manusia menyempurnakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT.

Manusia dipertanggungjawabkan sebagai khalifah untuk mengurus, membangun dan memakmurkan bumi ini. Oleh itu manusia perlu memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam untuk membolehkannya melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan baik dan berkesan sepertimana yang dikehendaki oleh Allah SWT.

5. Mencari keredaan Allah SWT.

Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu pengetahuan untuk memperolehi keredaan Allah SWT kerana orang yang berilmu sangat takut kepada-Nya. Mereka tidak akan melakukan perkara-perkara yang menyebabkan kemurkaan Allah SWT. Firman-Nya yang bermaksud:

"Hanya yang takut kepada Allah SWT di kalangan hamba-hambanya adalah orang-orang yang berilmu pengetahuan". (Surah al-Fathir) 35:28)

Menuntut ilmu pengetahuan untuk memperoleh keredaan Allah SWT adalah sebagai kunci kejayaan dan kebahagiaan seseorang di dunia dan di akhirat.

Kelebihan Orang yang Berilmu

1. Allah SWT membezakan dan menaikkan darjat golongan ilmunan: Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang berakal sehat dapat menerima pelajaran". (Surah Az-Zumar 39: 9)

Firman Allah SWT:

"Allah SWT SWTakan meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah SWT Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan". (Al-Mujadalah 58:11)

Ibn Abbas RA mengulas ayat di atas dengan mengatakan, tingkatan para ulama dibanding orang mukmin biasa adalah lebih tinggi sebanyak 700 darjat, di antara satu darjat ke darjat setelahnya adalah sama dengan jarak 500 tahun perjalanan.

2. Pewaris Nabi: Dari Abu Darda', Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Dan sesungguhnya ulama itu pewaris para nabi, dan sesungguhnya para nabi itu tidak pernah mewariskan dinar dan tidak pula dirham, tetapi mereka mewariskan ilmu. Maka barangsiapa mengambilnya, sungguh telah mengambil bagian yang besar. (Hadis Riwayat Ibnu Hibban (88))

Hadis di atas mengiktiraf kedudukan ulama sebagai pewaris nabi yang mana nabi tidak meninggalkan harta kekayaan kepada umatnya tetapi apa yang ditinggalkan adalah ilmu agama. Golongan ulama bukan sahaja pewaris ilmu bahkan mereka juga lebih memahami urusan agama dengan lebih sah.

3. Dimuliakan, dihormati masyarakat serta menjadi rujukan: Berilmu membentuk peribadi yang mulia serta akan dimuliakan dan dihormati oleh sekalian makhluk. Ahli ilmu akan menjadikan mereka sebagai rujukan, Allah SWT berfirman:

"Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui". (Surah An-Nahl 16:43)

Imam Ghazali berkata:

"Sesorang yang memiliki ilmu itu mengambil faedah daripada ilmu itu sendiri dan memanfaatkannya untuk orang lain. Laksana matahari menyinari orang lain sementara itu ia tetap bersinar".

4. Takut dan bertaqwa kepada Allah SWT: Rasa taqwa kepada Allah SWT tidak akan datang dengan sendirinya. Taqwa hadir apabila kita berilmu, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Sesungguhnya yang takut kepada Allah SWT di antara hamba-hambaNya hanyalah Ulama”. (Surah al-Fathir 35: 28)

Mereka yang berilmu akan merasakan kebesaran dan keagungan Allah SWT dan menjadikan mereka lebih takut kepada-Nya. Ini kerana melalui ilmu kita boleh mengenal, mentaati dan mengagungkan serta mampu mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan maksiat.




Lagu nasyid

[Taqwa: InTeam]



2.2 APLIKASI ASAS SYARIAH

Syariah merupakan sebagai peraturan hidup yang ditetapkan oleh Allah SWT bersumberkan al-Quran dan sunah nabi untuk diamalkan dan menjadi keperluan setiap manusia. Disyariatkan terhadap individu, masyarakat dan negara supaya hidup lebih sempurna dan sejahtera dengan memelihara agama, akal, keturunan, harta dan nyawa. Syariah berasal daripada perkataan *syara'a* iaitu sumber air yang sentiasa mengalir. Manakala dari sudut istilah, ia meliputi wahyu yang diturunkan melalui Nabi Muhammad SAW kepada umat manusia yang terbahagi kepada empat aspek iaitu ibadah, muamalat, munakahat dan jinayat.



Rajah 8: Pembahagian syariat

Syariah Islam menjaga kemaslahatan dan menjamin keutuhan dan kerukunan hidup manusia di dunia dan di akhirat melalui ganjaran dan balasan. Justeru, semua hukum yang disyariatkan dalam Islam mengandungi maslahat dan kebaikan kepada manusia. Antara keistimewaan syariah adalah:

1. Syariah Islamiah adalah ciptaan Allah SWT, Tuhan seluruh alam.
2. Syariah Islam menekankan keseimbangan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan akhirat bagi memelihara kesejahteraan manusia.
3. Undang-undang syariah mempunyai prinsip-prinsip perundangan yang mengatur urusan keduniaan dan keagamaan, tanpa batasan keturunan, warna kulit, bahasa, pangkat dan kedudukan.

4. Syariah Islam berpendirian teguh dan tetap dalam soal prinsip dan dasar agama tetapi dalam persoalan *furu'* (cabang agama) sangat fleksibel (boleh bertolak ansur).
5. Syariah Islam juga sangat sesuai dan selaras dengan fitrah dan naluri manusia yang suci dan bersih.

2.2.1 Ibadah

Perkataan ibadah berasal daripada bahasa Arab iaitu *'ibadah, abdiyyah* atau *'ubudiyah* yang bererti taat, tunduk, patuh, merendah dan menyerah diri. Dari sudut istilah, ibadat bermaksud ketaatan dan ketundukan tertinggi yang hanya boleh diberikan kepada Allah SWT mengikut peraturan dan suruhan-Nya sebagaimana yang ditetapkan dalam al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Seluruh amalan manusia dianggap sebagai ibadah jika diniatkan dengan ikhlas kerana Allah SWT demi mencapai keredaan-Nya serta dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam syariat. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran surah al-Mulk ayat 2. Firman Allah SWT:

“Dialah yang mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat)

Seseorang yang bertakwa sentiasa menjalankan perintah Allah SWT dan menghindari daripada melakukan larangan-Nya. Allah SWT menciptakan manusia dan jin hanya untuk beribadah kepada-Nya dengan melakukan sesuatu yang diperintahkan-Nya seperti yang dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam surah adz-Dzaariyat ayat 56 yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu”

Ayat di atas menegaskan bahawa seluruh kehidupan manusia termasuk seluruh alam semuanya sujud (taat), tunduk dan patuh kepada kehendak-Nya serta menghambakan diri kepada Allah SWT. Oleh itu ibadat merupakan tujuan hidup manusia di dunia supaya dapat melaksanakan perintah yang diwajibkan dengan ikhlas dan reda.

Antara matlamat ibadat adalah seperti berikut:

- a) **Mengingati Allah SWT:** Melalui ibadat, manusia tunduk dan mengingati Allah SWT dengan ikhlas serta menyerahkan dirinya sebagai hamba yang hina dan kerdil di sisi Allah SWT bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam surah Thaaha ayat 14 yang bermaksud:

“Dirikanlah solat untuk mengingati-Ku”.

YouTube



Scan untuk lihat
video ibadah


- b) **Menghindari daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar:** Setiap amal ibadah yang dilakukan dengan ikhlas dan istiqamah dapat menghindarkan diri dari melakukan perbuatan keji dan mungkar. *“Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah solat (dengan tekun); sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; sesungguhnya mengingati Allah SWT adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah SWT mengetahui akan apa yang kamu kerjakan”.* (Surah Al-Ankabut 29: 45)
- c) **Berserah diri kepada Allah SWT:** Ibadat yang khusyuk dan ikhlas membolehkan seorang hamba berhubung secara langsung dan menyerahkan dirinya pada Pencipta-Nya tanpa sebarang perantaraan.
- d) **Membentuk kehidupan sentiasa tenang dan bersyukur:** Ibadat menjamin kehidupan manusia menjadi tenang, aman dan damai serta sentiasa bersyukur kepada Allah SWT.

Pembahagian Ibadah



Ibadah Khusus

Secara umumnya, ibadah terbahagi kepada dua bahagian iaitu ibadah khusus dan ibadah umum. Ibadah khusus lazimnya merupakan semua perintah Allah SWT sepertimana yang terkandung di dalam al-Quran dan as-Sunnah seperti solat, zakat, haji dan sebagainya. Sebagai contoh, solat mempunyai rukun dan syarat tertentu. Jika sempurna rukun dan syarat, maka baharulah amalan tersebut dianggap ibadah kepada Allah SWT.



1) Ibadah Fardu

a) **Ibadah Fardu Ain:** Segala amalan perbuatan yang telah disyariatkan Allah SWT dan termaktub di dalam al-Quran dan as-Sunnah yang dipertanggungjawabkan ke atas setiap umat Islam yang mukalaf (cukup syarat seperti berakal, baligh dan sebagainya). Contohnya mengerjakan

solat lima waktu, berpuasa dalam bulan Ramadan dan menunaikan fardu Haji yang perlu dilaksanakan supaya tidak menanggung dosa dan menjejaskan keimanannya.

b) **Ibadah Fardu Kifayah:** ibadah yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan masyarakat Islam dalam ruang lingkup yang luas melibatkan aspek ekonomi, politik, perundangan, ketenteraan dan sebagainya (Wan Norina et al., 2019) yang mengugurkan tuntutan kewajipan itu terhadap orang lain contohnya menguruskan jenazah dan solat berjemaah.

2) Ibadah Sunat

Ibadah sunat adalah amalan yang dilakukan akan mendapat pahala. Namun jika seseorang meninggalkannya tidak pula dikira berdosa. Ibadah sunat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

a) **Ibadah Sunat Muakkad (Dituntut):** Sunat yang sangat dituntut melakukannya dan akan diberikan ganjaran pahala, sekiranya ditinggalkan tidak berdosa tetapi mendapat dicelaan contohnya solat berjemaah, membaca surah setelah membaca al-Fatihah dalam solat.

b) **Ibadah Sunat Ghaiyr Muakkad (tidak dituntut):** Ibadah yang jika dilakukan akan mendapat pahala jika ditinggalkan tidak berdosa dan tidak dicela. Contoh puasa pada hari Isnin dan Khamis, solat sunat empat rakat sebelum asar dan lain-lain.

c) **Ibadah Sunat Zawaid (Tambahan):** berperanan menyempurnakan amalan seseorang muslim yang berkaitan dengan amalan seharian Rasulullah SAW, contohnya cara bercakap, cara makan, cara tidur, cara berjalan dan sebagainya. Apabila melakukan amalan sunat ini melambangkan rasa kecintaan terhadap Rasulullah SAW, namun jika tidak melakukannya tidak menjadi kesalahan atau kecelaan kepada dirinya.

Ibadah Umum

Merupakan ibadah yang tidak ditentukan syarat, rukun dan peraturannya di dalam al-Quran dan as-Sunnah sebagai contoh makan, minum, tidur, mandi dan sebagainya. Jika perbuatan tersebut diniatkan kerana Allah SWT maka perbuatan tersebut akan dianggap sebagai ibadah.

Ciri-ciri Ibadah dalam Islam

1. **Ibadah yang dilakukan semata-mata kerana Allah SWT:** Firman Allah SWT dalam surah Al Isra': 23 menjelaskan bahawa setiap ibadah yang dilakukan hendaklah diniatkan semata-mata kerana Allah SWT.

"Dan Tuhanmu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya, semata-mata..."

Manakala firman Allah SWT dalam surah al-Kahfi ayat 110 menjelaskan bahawa Islam menegah setiap amal ibadah yang boleh mempersekutukan Allah SWT. Oleh yang demikian setiap amalan yang dilakukan perlulah diniatkan kerana Allah SWT.

“Sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang salih, dan janganlah ia mempersekutukan sesiapaupun dalam ibadahnya kepada Tuhannya”

2. Perhubungan langsung antara hamba dengan Penciptanya: Menurut Islam hubungan antara hamba dengan Allah SWT dapat dizahirkan secara langsung melalui solat, puasa, haji, zikir tanpa perantaraan. Para ulama dan fuqaha hanya mengkaji dan menyelidiki hukum-hukum tertentu dengan merujuk al-Quran, as-Sunnah dan sumber hukum yang lain sebelum disampaikan kepada kepada orang ramai bukan sebagai pengantara dalam beribadat.

3. Ruang lingkup ibadah yang luas: Merangkumi setiap kegiatan kehidupan manusia sama ada bersangkutan dengan individu atau masyarakat selagimana ia memenuhi syarat-syarat ibadah seperti berikut:

- a) Amalan berdasarkan hukum-hukum syarak yang ditetapkan di dalam al-Quran dan as-Sunnah
- b) Amalan dilakukan dengan niat kerana Allah SWT dan bertujuan memelihara agama, nyawa, akal, maruah dan harta.
- c) Amalan dilakukan dengan sebaik-baiknya menepati apa yang telah ditentukan oleh syarak.
- d) Menurut hukum-hukum syarak dan ketentuan batasnya, tidak menzalimi orang lain, tidak khianat, tidak menipu, tidak menindas atau merampas hak orang lain.
- e) Melakukan ibadah umum tanpa meninggalkan ibadah-ibadah khusus seperti zakat dan sebagainya dalam melaksanakan ibadah. Firman Allah SWT dalam surah an-Nur ayat 37 yang bermaksud:

“Laki-laki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau jual beli dari mengingat Allah SWT, dan (dari) mendirikan solat, dan (dari) menunaikan zakat”

4. Tidak tertakluk kepada suatu tempat ibadah sahaja: Pelaksanaan ibadah tidak tertakluk di tempat-tempat tertentu sahaja. Firman Allah SWT dalam surah al-Mulk ayat 15 yang bermaksud:

“Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah SWT; dan (ingatlah), kepada Allah SWT jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatnya dan takutilah kemurkaannya”

Animasi kartun tentang
maksud ibadah

YouTube



Keistimewaan Islam adalah amal ibadah dapat dilaksanakan di mana sahaja kecuali di tempat-tempat yang dilarang seperti tandas atau tempat-tempat najis. Ini adalah kerana ibadah yang dilakukan mempunyai hubungan terus antara manusia dengan Allah SWT.

2.2.2 Muamalat

Allah SWT menjadikan manusia untuk saling memerlukan dan tiada seorang pun di dunia boleh hidup bersendirian. Oleh itu Allah SWT telah mengilhamkan kepada manusia supaya bergaul dan saling bertukar ganti sama ada dalam bentuk benda, faedah, fikiran dan jasa antara mereka dengan baik melalui muamalat. Islam adalah agama yang menekankan aspek kemaslahatan dan kesejahteraan dalam kehidupan manusia yang merangkumi akidah, ibadah dan muamalat.

Scan untuk lihat
video muamalat



Pengertian Muamalat

Muamalat adalah hukum syariat yang berkaitan dengan urusan dunia dengan aktiviti kehidupan manusia seperti jual-beli, tukar-menukar, pinjam-meminjam dan sebagainya. Maksud muamalat daripada segi bahasa adalah 'muamalah' berasal dari perkataan *aamala*, *yaumilu*, *muamalat* yang bermaksud tatacara atau peraturan dalam hubungan sesama manusia dalam memenuhi keperluan masing-masing berlandaskan syariat Islam dalam bidang ekonomi atau sosial (Roziah, 2011). Ayat al-Quran yang menekankan kepentingan muamalat Islam seperti salam firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 29 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa mengasihi kamu.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 275 yang bermaksud:

Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

Matlamat Muamalat

Matlamat muamalat adalah mendapatkan keredaan Allah SWT, secara khususnya pula:

1. Melahirkan masyarakat yang hidup aman, bekerjasama, saling membantu, sejahtera, makmur serta terhindar daripada permusuhan, ketidakadilan, persengketaan dan lain-lain.
2. Menghindarkan masyarakat daripada berlakunya penganiayaan, pemeasaran, penindasan serta perbuatan negatif di antara satu sama lain.
3. Memudahkan manusia menikmati kurniaan Allah SWT dengan cara yang betul dan diredai Allah SWT.
4. Mewujudkan masyarakat yang adil bertanggungjawab, amanah, jujur mengikut syariat Islam
5. Menggalakkan manusia rajin bekerja yang akan meningkatkan taraf hidup keluarga, masyarakat dan negara.
6. Muamalat juga berlaku dengan tujuan khusus, antaranya:
 - a. Pertukaran (contohnya jual-beli, sewaan dll)
 - b. Kebajikan (contohnya hibah (memberi dengan relahati), kardu (hutang), wakaf dll)
 - c. Perkongsian (contohnya musyarakah (perkongsian), mudharabah (modal untuk diusahakan) dll)
 - d. Agihan (contohnya waqalah (wakilan))
 - e. Jaminan (kafalah (jamin menjamin), Rahnu (pajak) dll)

Jenis-jenis Muamalat

1. **Jual-beli:** Jual beli (al-bay') bermaksud pertukaran harta (barang atau perkhidmatan) dengan harta lain secara rela antara dua pihak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak bertujuan memenuhi keperluan hidup manusia secara adil dan diberkati Allah SWT dengan prinsip:
 - Halal dan Sukr: melibatkan barang/ perkhidmatan yang halal dan suci.
 - Persetujuan dan kejelasan: Dibuat secara sukarela, harga dinyatakan dengan jelas dan diketahui oleh kedua-dua belah pihak sebelum urusan niaga.
 - Barang dimiliki oleh penjual yang sah: wajib memiliki dan mampu menyerahkannya secara sah pada waktu yang dijanjikan.
 - Larangan Gharar (Ketidakpastian): Jelas dan telus tanpa unsur ketidakpastian kewujudan/ keadaan sebenar barang/ perkhidmatan.
 - Larangan Riba dan Penipuan: Bebas daripada unsur riba, penipuan serta sebarang amalan curang yang merugikan.
 - Saling Memberi Manfaat: Memberi manfaat/ keuntungan yang adil kepada kedua-dua belah pihak yang terlibat.

"Penjual dan pembeli berhak saling memilih dan bisa membatalkan transaksi selama mereka belum berpisah. Jika mereka jujur dan saling memberi kabar tentang cacat barang, transaksi tersebut berkah." (HR. Bukhari dan Muslim)

2. Sewa-Menyewa (Al-Ijarah): Akad sewaan di mana satu pihak menyewakan manfaat suatu barang atau perkhidmatan kepada pihak lain dengan bayaran tertentu dalam tempoh yang dipersetujui. Dalam konteks moden, sewa beli merujuk kepada akad ijarah yang diakhiri dengan pemilikan barang. Syarat Ijarah adalah:

- Berakal, baligh dan bersetuju tanpa paksaan
- Barang/ Perkhidmatan mesti halal, bermanfaat, diketahui ciri dan sifatnya serta boleh diserahkan
- Tempoh Sewaan mesti ditentukan dengan jelas dan khusus
- Bayaran perlu jelas dari segi jumlah dan tempoh (persetujuan Bersama)
- Hak milik kekal pada penyewa asal, penyewa hanya ada hak guna.

Jenis-jenis Ijarah:

- Ijarah 'Ain (Sewa Barang): Penyewaan aset fizikal seperti sewa rumah.
- Ijarah Khidmat (Sewa Perkhidmatan): Penyewaan tenaga kerja/kepakaran seseorang, seperti pemandu.
- Ijarah Muntahiyah Bit Tamlik (Sewa Beli): Akad sewaan yang diakhiri dengan pemindahan hak milik kepada penyewa setelah semua bayaran diselesaikan contoh sewa beli kenderaan.

3. Pinjaman & Simpanan (Al-Qard & Al-Wadi'ah): Dibenarkan berasaskan konsep amanah, tolong-menolong dan bebas daripada unsur riba yang diharamkan.

Al-Qard (pinjaman tanpa faedah): satu akad pinjaman secara sukarela, di mana seseorang memberikan sejumlah wang atau barangan kepada pihak lain untuk digunakan dan wajib dikembalikan dalam kuantiti dan bentuk yang sama, tanpa sebarang faedah atau lebih bertujuan membantu pihak yang memerlukan, bukan untuk mendapatkan keuntungan. Memberi pinjaman adalah satu ibadah dan amal kebajikan yang besar ganjarannya di sisi Allah SWT, menggalakkan nilai murni seperti ikhlas, saling membantu, amanah, dan tanggungjawab, dan menjadi asas kepada sistem kewangan Islam yang adil dan berkeadilan.

Al-Wadi'ah (Simpanan Amanah): merujuk kepada akad simpanan, iaitu seseorang menyerahkan hartanya kepada pihak lain untuk disimpan secara amanah dan selamat. Harta yang disimpan masih milik penuh penyimpan, dan penjaga hanya bertanggungjawab untuk menjaganya dengan baik dan mengembalikannya apabila diminta. Dua jenis al-Wadi'ah:

- *Wadi'ah Yad Amanah*: penjaga tidak bertanggungjawab atas sebarang kerosakan/ kehilangan harta kecuali jika berlaku kecuaiian/ pengabaian.
 - *Wadi'ah Yad Dhamanah*, iaitu penjaga boleh menggunakan harta yang disimpan dan wajib menggantikannya apabila perlu.
4. **Perkongasian (*Al-Syirkah & Al-Mudarabah*)**: Merupakan dua bentuk utama perkongsian yang patuh syariah, dengan ciri dan kaedah pelaksanaan tersendiri, namun tetap berasaskan prinsip kejujuran, kepercayaan, dan tanggungjawab antara pihak-pihak yang terlibat yang berperanan penting dalam memajukan ekonomi umat Islam secara adil dan beretika. Dalil al-Quran yang berkaitan:
- "Dan bertolong-tolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan taqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran."*
(Surah Al-Ma'idah: 2)
- Al-Syirkah**: perkongsian antara dua pihak atau lebih yang menyumbang modal, tenaga atau aset untuk menjalankan perniagaan, dengan persetujuan awal untuk berkongsi keuntungan dan kerugian mengikut kadar sumbangan dan boleh terlibat dalam pengurusan.
- Al-Mudarabah**: perkongsian antara pemilik modal (*rabb al-mal*) dan pengusaha (*mudarib*), keuntungan berdasarkan perjanjian awal, manakala kerugian ditanggung oleh pemilik modal selagi tiada kecuaiian atau penipuan. Ia memberi peluang kepada mereka yang berkemahiran tetapi tiada modal.
5. **Wakalah (Perwakilan)**: Akad perwakilan yang membolehkan seseorang melantik pihak lain untuk menjalankan urusan bagi pihaknya secara sah menurut Syariah seperti dalam jual beli, pelaburan, haji, atau urusan undang-undang. Boleh dibuat secara lisan, bertulis, atau isyarat yang difahami, hanya sah jika kedua-dua pihak baligh, berakal, serta bersetuju secara sukarela.
6. **Hibah & Wasiat**
- Hibah**: Akad pemberian sukarela harta oleh seseorang ketika hidupnya tanpa mengharap balasan, boleh diberikan kepada sesiapa sahaja, tanpa mengikut bahagian tertentu seperti dalam faraid. Hibah mesti dilakukan secara sukarela, berakal, dan melibatkan harta yang halal serta diketahui hak miliknya secara lisan, tulisan, atau rasmi melalui dokumen.
- Wasiat**: arahan yang dibuat oleh seseorang (secara sukarela dan jelas) untuk mengatur pengagihan harta atau urusan (halal dan milik penuh) selepas kematiannya seperti membayar hutang, menamakan penjaga anak, atau melaksanakan ibadah yang tertinggal. Kebenaran sehingga kadar satu pertiga daripada keseluruhan harta, kecuali dengan persetujuan waris.

7. **Jaminan (Kafalah):** Akad jaminan di mana seseorang secara sukarela bertanggungjawab menanggung kewajiban pihak lain, sama ada dari segi kewangan, kehadiran di mahkamah, atau pelaksanaan kontrak, sekiranya pihak tersebut gagal menunaikannya, dengan tujuan memelihara hak pihak ketiga. (Perincian Kafalah akan dibincangkan dalam Topik 3)

Syarat-syarat Sah Muamalat

1. Akad/ lafaz: persetujuan kedua pihak yang menjalankan transaksi jual beli. Mengikut syarak, aqad/ lafaz adalah suatu kesimpulan daripada proses tawar-menawar antara kedua pihak iaitu penjual (*ijab*) dengan pembeli (*qabul*). Dengan persetujuan tersebut maka pihak pembeli akan mendapat haknya dan penjual perlu menyempurnakan tanggungjawab tertentu.
2. Sempurna akal: kedua-dua pihak hendaklah waras supaya muamalat dapat disempurnakan mengikut syarat dan tidak berlaku sebarang penindasan dan penipuan.
3. Setiap transaksi hendaklah dijalankan secara jelas dan telus serta bebas daripada sebarang unsur ketidakpastian atau keraguan terhadap kewujudan sesuatu barang. Hal ini termasuk dalam larangan menjual barang yang belum pasti wujud, seperti menjual anak lembu yang masih berada dalam kandungan induknya, buah-buahan yang masih belum masak, atau barang yang belum dimiliki sepenuhnya oleh penjual. Amalan sebegini dianggap sebagai satu bentuk penipuan dan bercanggah dengan prinsip keadilan dalam muamalat Islam.
4. Barangan yang diniagakan milik sah penjual dan bukan barangan yang dicuri atau disita.
5. Tidak dibenarkan melakukan jual beli barang yang diharamkan oleh syarak seperti benda yang disimpan bertujuan maksiat/ memudharatkan menurut hukum Islam atau hasilnya boleh mendatangkan kemudaratan seperti arak, khinzir dan menjual barangan yang tidak bersih atau suci seperti najis, bangkai binatang, menjual senjata kepada kanak-kanak dan sebagainya.

Perbandingan antara Sistem Muamalat Islam dengan Sistem Konvensional

Sistem muamalat Islam sangat mementingkan hubungan antara sesama manusia dan menolak penindasan serta penganiayaan. Sistem muamalat Islam berpandukan hukum syariat berdasarkan ketetapan yang termaktub di dalam al-Quran dan as-Sunah. Manakala sistem konvensional lebih menitikberatkan aspek keuntungan semata-mata, mengamalkan riba, wujud penindasan dan penganiayaan serta mengabaikan kebajikan. Hal ini boleh mengakibatkan ketidakseimbangan ekonomi dalam masyarakat. Jadual 2.1 menjelaskan perbandingan antara sistem muamalat Islam dengan sistem konvensional.

Jadual 11: Perbandingan Sistem Muamalat Islam dengan Sistem Konvensional.

Sistem Islam	Sistem Konvensional
Berpandukan al-Quran dan as-Sunnah.	Menggunakan pemikiran dan pengalaman sebagai panduan dan rujukan.
Pelaksanaan mengikut peraturan Allah SWT melalui iman dan takwa.	Lebih berpandukan nafsu kehendak sehingga menyebabkan berlaku banyak perkara yang bertentangan dari kehendak Islam
Keuntungan yang diperoleh menepati syariat Islam seperti kontrak jual beli dan perkongsian untung rugi yang jelas.	Memperoleh keuntungan dengan menggunakan pelbagai cara tanpa mempedulikan syarak. Keuntungan yang diperoleh melalui jumlah pinjaman atau hutang yang diberikan.
Berpandukan syariat Islam dalam urusaniaga/muamalat.	Berpandukan fahaman Kapitalis dan Sosialis.
Menolak unsur penindasan dan penganiayaan.	Wujud penindasan dan penganiayaan.
Mengalakkan umat Islam membantu golongan yang memerlukan.	Mengutamakan keuntungan dan mengabaikan kebajikan.
Mendorong umat Islam memperoleh harta dengan cara halal dan bersih daripada penindasan dan penganiayaan.	Mendapatkan harta dengan pelbagai cara tanpa menitik beratkan hukum halal dan haram.
Melalui muamalat mengikut syariat dapat mendekatkan diri dengan Allah SWT.	Menjadikan harta sebagai matlamat dalam kehidupan.

Prinsip-prinsip Asas Muamalat

- i. Hak milik: Allah SWT adalah pemilik mutlak segala-galanya yang ada di dalam alam. Manusia hanya diberikan hak untuk menguruskan dan memanfaatkan segala anugerah yang berikan Allah SWT dengan amanah dan bertanggungjawab dan akan dipersoalkan di akhirat kelak.
- ii. Kebebasan terpinpin: Islam memberikan hak dan kebebasan kepada manusia untuk menguruskan aktiviti ekonomi dengan batasan-batasan tertentu dalam lingkungan akhlak yang menepati syariat yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunnah.
- iii. Campur tangan kerajaan: Islam memberikan tanggungjawab kepada kerajaan untuk menguruskan aktiviti muamalat sama ada dari segi pengurusan, pengagihan, penyusunan dan perancangan supaya dapat mewujudkan keadilan dan keseimbangan dalam masyarakat.

2.2.3 Munakahat (Perkahwinan)

Munakahat membincangkan hal-hal berkaitan dengan kekeluargaan bermula dengan pernikahan antara lelaki dan wanita mengikut ketetapan syariat Islam. Perkahwinan merupakan asas perhubungan di antara lelaki dan perempuan bertujuan untuk mengawal keluhuran peribadi, keselamatan keluarga, kesejahteraan, masyarakat dan keamanan negara.

Pengertian Nikah

Definisi dari segi bahasa ialah perkataan *usrah* (keluarga) disebut dalam bahasa Arab sebagai *taifah, ailah, ashirah dan jinsun*. Al-Nikah dari sudut bahasa bermakna berkumpul atau berhimpun. Manakala dari segi istilah pula ialah akad yang mengharuskan bersetubuh antara lelaki dan perempuan dengan lafaz (akad) nikah. Perkahwinan telah disyariatkan Islam berdasarkan keterangan al-Quran dan hadis, antara firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan diantara yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan jadikan-Nya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir”. (Surah Ar-Rum 30:21)

Pemilihan Jodoh: Islam lebih mengutamakan perempuan beriman untuk jaminan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Sabda Rasulullah SAW.:

“Janganlah wanita itu dikahwini kerana kecantikannya mungkin kecantikannya menyebabkan dia berperangai buruk. Dan jangan pula kerana kekayaannya kerana mungkin kekayaannya menyebabkan dia menjadi sombong dan tetapi kahwinlah wanita itu kerana agamanya. Dia seorang hamba yang hitam kulitnya tapi bersih agamanya adalah terlebih utama”. (HR. Baihaqi)

Hukum Perkahwinan dalam Islam

1. **Wajib:** bagi yang cukup syarat, mampu dan keinginannya tinggi untuk beristeri kerana dikhawatiri boleh berzina atau menghampiri zina.
2. **Harus:** bagi yang cukup syarat, berkemampuan dan boleh memelihara diri daripada berzina
3. **Sunat:** bagi telah cukup syarat, mampu serta sanggup tanggungjawab dalam perkahwinan seperti memberi nafkah (lahir dan batin) dan lain-lainnya. Mempunyai keinginan naluri seks yang sederhana.
4. **Haram:** bagi yang tidak mampu/ tidak cukup syarat untuk berkahwin, mempunyai niat jahat terhadap isterinya atas perkahwinan tersebut atau bertujuan membalas dendam.

5. **Makruh:** bagi yang tidak gemar/ kemampuan melaksanakan tanggungjawab dari segi nafkah (lahir dan batin), sakit tua, mati pucuk dan lain-lain.

Hukum Meminang (*Al-Khitbah*)

Al Khitbah asal perkataan daripada Bahasa Arab yang bermaksud meminang iaitu hasrat ingin berkahwin daripada seorang lelaki terhadap seorang perempuan mengikut syarak. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Saya berada di tempat kediaman Nabi SAW, tiba-tiba ada seorang lelaki memberitahu bahawa dia akan meminang perempuan Ansar, maka Nabi SAW bertanya sudahkah engkau melihat dia? Dia mengatakan belum. Kemudian Nabi SAW berkata pergi dan lihatlah dia kerana pada mata orang-orang Ansar itu ada sesuatu”. (Riwayat Muslim & an-Nasai)

Hukum peminangan *soreh* (nyata) dan *kinayah* (sindiran) adalah:

- Harus dipinang dengan perkataan *soreh* dan *kinayah*: anak gadis
- Harus dipinang dengan perkataan *kinayah* dan haram sekiranya dilakukan pinangan dengan *soreh*: Wanita yang diceraikan sekiranya talak tiga/ cerai atas sebab kematian suami
- Haram dipinang dengan perkataan *soreh* dan *kinayah*: Isteri orang/ wanita yang diceraikan talak *rajii*/ masih dalam edah

Tujuan
Perkahwinan



Perempuan yang Haram Dikahwini

Jadual berikut menjelaskan pembahagian dan sebab perempuan haram dikahwini. Dasarnya pembahagian tersebut iaitu haram yang kekal dan haram yang sementara.

Wanita yang haram
dikahwini



Jadual 12: Jenis Perempuan yang Haram Dikahwini

Sebab Haram	Keterangan
Haram yang kekal (Hubungan kerabat)	<ol style="list-style-type: none"> Ibu, nenek sebelah ibu dan nenek sebelah bapa ke atas. Anak, cucu dan seterusnya ke bawah. Saudara perempuan (adik-beradik) seibu sebapa atau sebapa atau seibu. Emak saudara sebelah bapa atau ibu hingga ke atas. Anak saudara daripada saudara lelaki atau perempuan hingga ke bawah.
Sebab penyusuan	<ol style="list-style-type: none"> Ibu yang menyusukan sehingga ke atas. Anak saudara perempuan sepersusuan sebelah saudara lelaki atau sebelah saudara perempuan. Saudara perempuan sepersusuan Emak saudara sepersusuan sebelah bapa atau ibu.

	v. Perempuan yang pernah menyusui dengan isteri.
(Syarat penyusuan)	<ul style="list-style-type: none"> i. Ibu yang menyusui telah baligh. ii. Anak yang disusukan belum mencapai usia dua tahun. iii. Lima kali susuan yang berasingan dan kenyang setiap kali menyusui. iv. Susu yang diberikan hendaklah ditelan dan sampai ke dalam perut si anak.
(Sebab persemendaan)	<ul style="list-style-type: none"> i. Ibu tiri dan ke atas. ii. Ibu mertua dan ke atas sama ada daripada keturunan atau penyusuan. iii. Menantu perempuan (isteri anak dan isteri cucu) hingga ke bawah. iv. Anak tiri dan ke bawah dengan syarat telah disetubuhi ibunya, jika belum disetubuhi ibunya kemudian diceraikan, maka halal berkahwin sama anak tiri itu samada dari keturunan atau penyusuan.
Haram yang sementara	<ul style="list-style-type: none"> i. Emak saudara isteri sebelah ibu atau bapa. ii. Anak saudara isteri daripada saudara lelaki atau saudara perempuan. iii. Saudara isteri (ipar) Sebab menghimpunkan iv. Masih isteri orang v. Masih dalam idah vi. Sebab talak 3 vii. Berlainan agama

Rukun Nikah

Perkahwinan adalah ibadah. Seperti ibadah yang lain, perkahwinan juga terikat peraturan untuk memastikan samada ianya sah atau sebaliknya. Perkahwinan yang sah perlu menyempurnakan rukun-rukun berikut:

1. Calon suami: Tidak mempunyai 4 isteri dalam satu masa dan bukan dalam ihram
2. Calon isteri: Bukan isteri orang, tidak dalam ihram dan bukan dalam edah dalam perkahwinan sebelumnya
3. Wali: Lelaki, ayah kandung/ datuk/ abang/ adik lelaki/ bapa saudara dan seterusnya dari pihak calon isteri, bukan dalam ihram dan waras
4. Dua orang saksi: Lelaki, lebih afdhal seorang saksi daripada pihak lelaki dan pihak perempuan, waras dan tidak cacat (penglihatan atau pendengaran)
5. Ijab dan Qabul: Bahasa yang mudah difahami oleh kedua-dua pihak dan tidak diselangi dengan batasan waktu

Tanggungjawab Suami Isteri

Hakikat perkahwinan bukan hanya perkongsian hidup antara dua jiwa dalam kehidupan bahagia berumahtangga, malah merupakan ikatan perjanjian yang kuat serta mesra tolong-menolong, berkasih sayang, bahagia dan membahagiakan antara satu sama lain sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul sebelummu, dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan. Dan tiadalah sebarang kuasa bagi seseorang Rasul untuk mendatangkan sesuatu mukjizat melainkan dengan izin Allah SWT. Tiap-tiap satu tempoh dan waktu ada baginya perkara dan hukum yang telah ditentukan oleh "Suratan Azali". (Surah Ar-Ra'd 13:38)

Rumahtangga yang bahagia dan tenteram memerlukan kesedaran tanggungjawab dan amanah yang perlu dilakukan sama ada dari pihak suami atau isteri. Masing-masing mempunyai peranan dan tanggungjawab yang perlu dipikul bersama.

Perkahwinan
Amanah berat





YouTube



Kenapa nak
sangat kahwin

Jadual 13: Tanggungjawab Suami Isteri

Tanggungjawab Suami	Tanggungjawab Isteri
Memberi mas kawin (mahar) kerana ianya adalah hak isteri sepenuhnya dengan nilai mengikut kadar yang ditetapkan bagi setiap negeri dalam bidang kuasa sultan untuk menentukannya. <i>"Berikanlah kepada orang-orang perempuan itu mas kahwin mereka" (Surah an-Nisa' 4:4)</i>	Taat dan patuh terhadap suami selagi tidak menyalahi undang-undang Islam.
Memberikan nafkah (makanan, tempat tinggal, pakaian dll) kepada isteri dan anak-anak mengikut kemampuannya. Firman Allah SWT yang bermaksud: <i>"Dan kewajiban suami memberi makanan dan pakaian kepada isteri dengan cara yang baik". (Surah Al-Nisa' 4: 19)</i>	Melayan keinginan suami untuk bersama secara baik pada bila-bila masa sahaja. Sabda Rasulullah SAW: <i>"Apabila seseorang suami mengajak isterinya ke tempat tidur, tetapi dia enggan melayan ajakan suaminya, maka suami tidur dalam keadaan marah pada waktu malam itu, nescaya malaikat mengutuknya sehingga ke waktu subuh."</i> (Riwayat Al Bukhari)
Memberikan nafkah batin dan mengauli isteri dengan baik supaya wujud kasih sayang dan keharmonian dalam rumahtangga. Firman Allah SWT yang bermaksud: <i>"Dan bergaullah dengan mereka (perempuan-perempuan) dengan baik dan sekiranya kamu membenci mereka mungkin apa-apa yang</i>	Isteri bertanggungjawab menguruskan hal rumahtangga seperti menghias dan mengemas rumah.

<i>kurang kamu suka itu Allah SWT menjadikannya kebaikan yang baik''.</i> (Surah Al Nisa' 4:19)	
Berlaku adil terhadap isteri-isteri (berpoligami) dan perlu mengatur jadual bermalam yang adil supaya tidak berlaku perselisihan sesama isteri.	Sentiasa menjaga maruah diri, suami dan keluarga. Sentiasa berbias, ceria untuk menarik perhatian suami dan menambahkan kemesraan dan kasih sayang hubungan rumahtangga.
 	Menghargai pemberian suami dan dilarang meminta-minta diluar kemampuan suami.
Video berkaitan Munakahat	

Tanggungjawab Bersama

Bagi memastikan rumahtangga sentiasa bahagia dan diredai Allah SWT suami isteri mempunyai tanggungjawab bersama seperti di bawah.


- Membesarkan anak yang merupakan amanah yang paling besar Allah SWT berikan kepada pasangan suami isteri.
- Usaha membentuk keluarga yang bahagia memerlukan sokongan moral dan material daripada pihak suami dan isteri. Tidak boleh meletakkan tanggungjawab rumahtangga dalam mendidik anak, kewangan, urusan di dalam di luar rumah kepada sebelah pihak sahaja.
- Mencerahkan kasih sayang terhadap anak-anak tanpa memilih kasih dengan menerima sebarang kelemahan atau menghargai kelebihan mereka dengan hati yang terbuka.
- Sikap saling bersefahaman dan bertolak ansur dapat menambahkan kemesraan dalam hubungan kekeluargaan dalam berhadapan dengan apa-apa perkara atau isu dengan hati yang buka dan reda tanpa mengecilkan hati pasangan amat dianjurkan dalam Islam.
- Sikap hormat menghormati antara suami isteri dapat mewujudkan keharmonian dan kerukunan rumah tangga. Namun begitu, suami mempunyai tanggungjawab bagi memastikan isteri dan keluarga dapat menjaga maruah dirinya, suami dan keluarga.



2.2.4 Jenayah/ Jinayat

Islam adalah agama yang bersifat universal, alami, rabbani serta syumul untuk memenuhi keperluan manusia berlandaskan undang-undang dan peraturan syarak yang terkandung di dalam al- Quran dan al-Hadis. Undang-undang atau peraturan syarak mewajibkan lima kepentingan iaitu memelihara agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Syariat menjelaskan jika berlakunya pencerobohan atau pelanggaran terhadap kepentingan tersebut akan dianggap sebagai telah melakukan jenayah dan boleh membawa kepada hukuman di dunia dan di akhirat.

Jenis Hukuman Jenayah dalam Islam.

Jadual 14: Kesalahan dan Hukuman Jenayah Islam

Hudud	
Hukuman yang tidak boleh dipinda, diubah, ditambah/ dikurangkan yang ditetapkan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan Sunnah dan wajib dilaksanakan sebagai hak Allah SWT	
<p>Jenis hukuman hudud</p>  <p>Scan untuk melihat pelaksanaan hukuman sebat di Aceh</p>	<p>a) Zina: melakukan persetubuhan tanpa nikah yang sah mengikut hukum syarak. Hukuman: <i>Muhsan</i>, rejam sampai mati, <i>Ghairu Muhsan</i>, 100 kali sebatan</p> <p>b) Qazaf: (Menuduh seseorang melakukan zina tanpa saksi): membuat tuduhan zina ke atas orang yang baik lagi suci atau menafikan keturunannya dan tuduhannya tidak dapat dibuktikan dengan menghadirkan empat orang saksi. Hukuman: 80 kali sebatan</p> <p>c) Mencuri: memindahkan secara sembunyi harta daripada pemiliknya yang sah tanpa persetujuannya dengan niat untuk menghilangkan harta itu daripada jagaan pemiliknya. Hukuman: Potong tangan jika barang yang dicuri melebihi ¼ dinar.</p> <p>d) Hirabah (rompakan): keluar seseorang atau sekumpulan yang bertujuan mengambil harta atau membunuh atau menakutkan dengan cara kekerasan atau paksaan. Hukuman:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Bunuh jika membunuh, tetapi tidak merompak. ii. Bunuh dan salib jika merompak dan membunuh iii. Potong tangan dan kaki bersilang jika merampas harta tanpa membunuh. iv. Dipenjarakan jika mengganggu ketenteraman awam. <p>e) Minum arak atau minuman yang memabukkan sama ada sedikit atau banyak, mabuk atau tidak. Hukuman: 40-80 kali sebatan.</p> <p>f) Murtad: Orang yang telah keluar daripada agama Islam, sama ada dengan perbuatan, perkataan atau kepercayaannya. Hukuman: Bunuh</p> <p>g) Penderhaka (<i>bughat</i>) segolongan umat Islam yang melawan atau menderhaka kepada pemerintah yang menjalankan syariat Islam dan hukum-hukum Islam. Hukuman:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Bunuh ii. Diperangi
Qisas	
Pembalasan yang sama keatas kejahatan yang dilakukan sesorang terhadap orang lain yang merangkumi tindakan membunuh atau mencederakan orang lain.	
Jenis hukuman	<p>Kes pembunuhan</p> <p>1. Pembunuhan sengaja (<i>qatl 'amd</i>) Pembunuhan sengaja ialah apabila seseorang itu dengan sengaja dan dengan niat</p>

<p>qisas</p>  	<p>untuk mematikan seseorang hidup yang tidak halal dibunuh dengan menggunakan alat, bahan atau cara yang kebiasaannya boleh membunuh: Hukuman: Dibunuh balas/<i>diyat</i> (jika dimaafkan)</p> <p>2. Pembunuhan serupa sengaja (<i>qatl syibhu amd</i>) Imam Abu Hanifah mentakrifkan pembunuhan serupa sengaja sebagai 'pembunuhan yang menggunakan selain dari besi tajam, buluh atau api atau yang seumpamanya. Hukuman: 100 ekor unta.</p> <p>3. Pembunuhan tidak sengaja (<i>qatl khata'</i>) Pembunuhan tidak sengaja adalah perbuatan yang menyebabkan kematian tetapi tidak dilakukan dengan niat membunuh. Hukuman: 100 ekor unta</p>
<p>Diyat</p> <p>Hukuman bagi kesalahan yang sehubungan dengan kesalahan Qisas dan dianggap sebagai ganti rugi atas kesalahan yang dilakukan melibatkan kecederaan anggota badan atau melukakannya. Harta yang wajib dibayar atau diberikan kepada wali atau waris mangsanya sebagai ganti rugi disebabkan jenayah yang dilakukan ke atas mangsanya. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman Diyat seperti:</p>	
<p>Semua jenis hukuman Diyat</p>	<p>i. Pembunuhan dengan sengaja ii. Pembunuhan tidak sengaja (tersalah bunuh) ii. Pembunuhan yang sengaja dan telah dimaafkan oleh wali atau waris yang dibunuh. Hukuman:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ 100 ekor unta untuk kesalahan membunuh atau senilai dengannya. ▪ Bilangan unta berdasarkan kategori kecederaan
<p>Takzir</p> <p>Dari sudut bahasa bererti menegah atau menahan. Manakala dari sudut istilah perundangan Islam ialah hukuman-hukuman yang tidak ditetapkan kadar dan bentuknya namun wajib dilaksanakan bagi menuntut hak Allah SWT atau hak manusia bagi setiap kesalahan yang tidak dikenakan hukuman hudud atau kafarah. Takzir adalah hukuman selain Hudud dan Qisas.</p>	
<p>Pembahagian hukuman Takzir</p>	<p>a. Kesalahan tidak memenuhi syarat dalam hukuman Hudud atau Qisas. b. Kesalahan yang tidak cukup bukti. Hukuman:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Nasihat ▪ Teguran oleh hakim ▪ Ancaman/amaran ▪ Pemulauan ▪ <i>At Taubikh</i> (mencela /pengisytiharan umum) ▪ Buang daerah ▪ Denda ▪ Penjara

	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sebatan ▪ Salib ▪ Bunuh
--	---

Tujuan Hukuman Jenayah Islam

Hukuman Hudud, Qisas, Diyat dan Takzir diperuntukkan dalam kanun jenayah syariah adalah bertujuan menjaga prinsip-prinsip perundangan Islam yang tertakluk kepada perkara berikut:

- i. **Menjaga Agama:** Islam sangat menuntut penganutnya mementingkan atau mempertahankan agama dan kesucian agama serta taat kepada Allah SWT agar menjadi mulia di sisi Allah SWT. Sesiapa yang engkar dikira halal darahnya di sisi Allah SWT (boleh dihukum bunuh).
- ii. **Menjaga Nyawa:** Menjaga jiwa dan tubuh badan daripada dcederakan atau dibunuh. Barangsiapa yang membunuh manusia atau mencederakan anggota badan dengan sengaja maka wajib dijatuhi hukuman Qisas/ Diyat.
- iii. **Menjaga Akal Fikiran:** Daripada perkara yang menyebabkan terjerumus kepada kemaksiatan. Hanya orang yang dapat menjaga akalnya akan taat perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Oleh itu orang Islam yang meminum minuman yang memabukkan boleh dihukum sebat dengan lapan puluh (40) kali sebatan.
- iv. **Menjaga Keturunan:** Melalui hubungan perkahwinan yang sah supaya dapat menjauhi zina kerana perbuatan tersebut merupakan satu dosa besar. Allah SWT memerintahkan agar penzina dihukum berat dengan direjam bagi yang telah berkahwin dan dihukum sebat seratus (100) kali bagi yang bujang.
- v. **Menjaga harta benda**
Mengumpul dan memperoleh harta perlu dengan jalan yang baik mematuhi syarak dan tidak melanggar hukum Allah SWT. Harta yang bersih sumber dari rezeki yang baik dan halal untuk keluarga. Islam menetapkan agar orang-orang yang memperoleh harta dengan jalan fasik seperti mencuri, menyamun dan merompak hak orang lain akan dijatuhkan hukuman yang berat iaitu dipotong tangan atau kakinya.

Perbezaan dengan Undang-Undang Jenayah Sivil

Jadual 15: Perbezaan dengan Undang-Undang Jenayah Sivil

Hukum Jenayah Islam	Hukum Jenayah Sivil
Undang-undang Islam adalah dari Allah SWT yang termaktub dalam al-Quran dan Sunnah. Undang-undang Islam bersesuaian dengan fitrah manusia.	Undang-undang sivil adalah ciptaan manusia kerana manusia sentiasa mudah terpengaruh dengan persekitaran seperti latar belakang keluarga, pendidikan, dorongan nafsu dan godaan syaitan serta

	ilmu manusia adalah terhad.
Undang-undang jenayah Islam tidak terpisah daripada akidah iaitu keimanan kepada perkara ghaib.	Undang-undang sivil bergantung sepenuhnya kepada kekerasan, undang-undang, penguatkuasaan dan pengawalan pemerintah.
Ruang lingkup jenayah mencakupi kesalahan yang bersabit hak Allah SWT, hak manusia serta hak Allah SWT bersama-sama hak manusia seperti yang berkaitan dengan kepercayaan atau keimanan contoh perbuatan murtad.	Hukuman jenayah sivil tidak menganggap sesetengah jenayah seperti murtad, zina, meninggalkan solat, minum arak dan judi sebagai satu jenayah.
Mengutamakan aspek pencegahan melalui kaedah yang unik dan amat menarik dan dapat mencegah kemungkaran dan kemaksiatan.	Undang-undang sivil tidak mengambil berat konsep pencegahan kerana ia lebih menumpukan kepada aspek menghukum dan membalas.
Undang-undang Islam memperuntukkan pelbagai bentuk hukuman yang mempunyai kesedaran dan keinsafan. Seperti hukuman hudud terdapat hukuman rejam, sebatan, hukuman mati, potong tangan, salib, dan buang negeri.	Bagi undang-undang sivil, hukuman yang utama hanyalah hukuman mati, penjara, sebat dan denda. Walau pun terdapat hukuman lain seperti jaminan berkelakuan baik, ganti rugi, dan arahan untuk remaja, hukuman yang utama adalah hukuman mati, penjara, denda dan rotan.

Kesimpulan



Keistimewaan Islam terletak pada hukum-hukum syariat dalam mengatur kehidupan manusia untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan sejagat. Dengan adanya hukum syariat dapat mengatur perjalanan hidup manusia mengikut landasan yang benar. Aplikasi asas syariah yang dibincangkan berkisar perkara yang merangkumi kehidupan umat Islam seperti bab ibadah, muamalat, munakahat dan jinayat. Aplikasi syariah sesuai dengan hukum Islam yang termaktub di dalam al-Quran dan Al-Sunnah berkaitan secara tidak langsung dalam kegiatan seharian umat Islam. Kehidupan umat Islam yang berlandaskan syariat dapat mengimbangi segala tuntutan kehidupan di dunia dan di akhirat.



- Abdul Basit Abd. Rahman. 2012. *Keindahan Islam Hikmah Disebalik Pensyariatatan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Al-Maududi, Abul A'Ala. 1984. *Dasar-dasar Islam*. Bandung: Pustaka. Cet.
- Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2019. *Tinta Nasihat untuk Penuntut Ilmu*. Nilai, Pustaka cahaya kasturi Sdn. Bhd.
- Ezad Azraai Jamsari, Roziah Sidik, Nasrudin Yunos & Zulkarnain Mohamed. 2004. *Pengajian Islam*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Harun Din, Sulaiman Yasin, Hasan Salleh & Sidi Gazalba. 1985. *Manusia dan al-Quran*. Polis Diraja Malaysia.
- Imam Al-Ghazali, Minhajul Abidin Wasiat Imam Alghazali, Terj. Ir. Zakaria Adham. 2013. Kuala Lumpur, Victory Agencie.
- Ismail Yahya. 2015. *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. Shah Alam: Suka Buku Enterprise.
- Roziah Sidik, Zulkarnain Mohamed & Nasruddin Yunos. 2011. *Pengajian Islam* Edisi kedua. Shah Alam: Penerbit Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Syeikh Abdu Al-Shamad Al-Falimbani. 2013. *Hidayah Al-salikin Fi Suluki Maslaki Al-Muttaqin*. Terj. Ustazah Noraine Abu & Ustaz Mashadi Masyuti. Batu Caves: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd
- Wan Norina Wan Hamat, Norhaslina Sulaiman, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff & Ammar Badruddin Romli. 2019. *Pengajian Islam*. Shah Alam: Penerbit Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Latihan Pengukuhan Topik 2

Nama: _____

Kelas: _____ No Matrik: _____

Bahagian A: Soalan objektif

1. Apakah yang dimaksudkan dengan ilmu berdasarkan pandangan Ibnu Khaldun?
 - A. Berlawanan dengan sifat jahil.
 - B. Kefahaman terhadap idea-idea yang abstrak.
 - C. Kepercayaan yang memuaskan jiwa, bahawa objek yang dipercayai itu adalah menepati perkara yang sebenarnya menurut realiti yang berlaku.
 - D. Sebagai sesuatu yang dapat dipelajari oleh manusia sama ada menggunakan akal fikiran, pancaindera, pengalaman pengalaman, mahupun dengan pertolongan wahyu Ilahi.

2. Falsafah *munakahat* bermaksud.....
 - A. Ikatan untuk memupuk kasih sayang suami dan isteri.
 - B. Ikatan untuk mengeratkan hubungan silaturahim suami isteri.
 - C. Ikatan antara suami isteri untuk membina keluarga secara sah.
 - D. Ikatan teguh antara lelaki dan perempuan melalui akad nikah yang sah.

3. Hukuman bagi kesalahan-kesalahan bersabit dengan perlakuan seseorang membunuh atau menghilangkan anggota tubuh seseorang yang lain atau mencederakan atau melukakan dikategorikan sebagai:
 - i. Takzir
 - ii. Hudud
 - iii. Diyat
 - iv. Qisas
 - A. i, ii dan iii
 - B. i, iii dan iv
 - C. ii, iii dan iv
 - D. Semua di atas

4. Istilah jihad yang diambil daripada bahasa Arab bermaksud.....
 - A. Kesungguhan dalam melakukan sesuatu
 - B. Ketabahan dalam melakukan sesuatu
 - C. Kelaziman dalam melakukan sesuatu
 - D. Kesulitan dalam melakukan sesuatu

5. Maksud kebebasan terpimpin bagi manusia ialah.....
 - A. Kebebasan manusia tidak diiktiraf oleh Allah SWT.
 - B. Kebebasan manusia perlu dipandu oleh wahyu.
 - C. Kebebasan manusia adalah tidak terikat dengan sebarang agama atau kepercayaan.
 - D. Kebebasan manusia bersifat mutlak.

6. Syariah digubal bertujuan memelihara beberapa perkara asas dalam kehidupan manusia kecuali
- Memelihara agama
 - Memelihara nyawa
 - Memelihara harta
 - Memelihara negara

* Mampu serta sanggup memikul tanggungjawab perkahwinan.
 * Boleh mengawal diri daripada perbuatan zina.
 * Mempunyai naluri seks yang sederhana.

7. Pernyataan di atas menjelaskan jenis hukum perkahwinan.....
- Harus
 - Wajib
 - Sunat
 - Makruh
8. Kenyataan di bawah adalah berkaitan dengan ilmu Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah. Nyatakan samada kenyataan tersebut BENAR (B) atau SALAH (S).

i	Allah SWT pemilik dan punca segala ilmu yang wujud di muka bumi ini.	B/S
ii	Lelaki diwajibkan menuntut ilmu, manakala wanita adalah sunat.	B/S
iii	Ilmu yang benar dapat membangunkan insan yang seimbang	B/S
iv	Kewajipan menuntut ilmu lebih besar ke atas orang yang jahil	B/S


9. Berdasarkan kenyataan di bawah, pilih hukum menuntut ilmu samada hukumnya. Fardu Ain (FA) atau Fardu Kifayah (FK)

i	Saya sedang belajar dalam bidang perniagaan di politeknik.	FA/FK
ii	Saya hendak belajar tadwid supaya dapat membaca al-Quran dengan betul.	FA/FK
iii	Saya menyertai kursus haji untuk menunaikan haji pada tahun ini.	FA/FK
iv	Saya belajar memasak untuk menjadi tukang masak	FA/FK

Bahagian B: Soalan struktur: (Jawapan di tulis di dalam kertas lain)

- Berikan tiga prinsip asas muamalat Islam.
- Nyatakan perbezaan antara hudud dengan ta'zir berserta contoh.
- Tuliskan TIGA hikmah perkahwinan
- Jelaskan empat ciri muamalat Islam.

5. Sila jawab teka silangkata berikut:



Melintang:

1. Al-Quran diturunkan secara mutawatir dan membacanya adalah ibadah.
3. Imam al-Ghazali membahagikan ilmu kepada 2 kategori iaitu ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu _____.
5. _____ bermaksud pengetahuan dalam perkara dunia, akhirat, zahir, batin dan lain-lain.
7. Rasa _____ kepada Allah SWT akan hadir apabila kita berilmu.
8. Ibnu Abbas RA mengatakan tingkatan para _____ dibanding orang mukmin biasa adalah lebih tinggi sebanyak 700 darjat.

Ke bawah:

1. _____ bermaksud naluri, ilham atau bisikan hati iaitu ilmu yang diperolehi dari penghayatan langsung
2. _____ bermaksud segala apa yang disampaikan oleh Allah SWT kepada para RasulNya tentang segala petunjuk dan pengetahuan yang dikehendakiNya secara rahsia dan luar biasa
3. Tahap _____ setiap individu adalah tidak sama. Ia bergantung kepada beberapa faktor seperti budaya, kaum, motivasi, alam sekitar, kesihatan dan lingkungan keluarga.

4. Al-Quran adalah _____ Allah SWT yang mengandungi mukjizat diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dalam Bahasa Arab

Soalan esei: (Jawapan di tulis di dalam kertas lain)

1. Ibadah merupakan perkara asas bagi umat Islam. Huraikan maksud dan 4 ciri-ciri ibadah.
2. Penceraian atau perpisahan dibenarkan dalam Islam, namun amat dibenci Allah SWT. Jelaskan jenis-jenis bentuk penceraian yang dibenarkan dalam Islam.
3. Muamalat Islam merupakan urusan jual beli atau perniagaan yang mementingkan kemaslahatan manusia. Huraikan syarat-syarat muamalat Islam.
6. Nyatakan TIGA matlamat ilmu menurut Islam.

Silabus Versi: 03102023_1_Efektif: Sesi_II_2023/2024

CLO2: Pelajar dapat menerangkan etika dan professional berkaitan Syariah dan Institusi Islam dalam membentuk pembangunan ummah (A3: Menilai) (CLS35: Etika dan Professional)

Pentaksiran: 2 Tugas Berasaskan Masalah (40 Markah)

TOPIK 3: INSTITUSI ISLAM

3.0 PENGENALAN

3.1 INSTITUSI KELUARGA DAN MASYARAKAT

3.1.1 Tanggungjawab Ibu Bapa terhadap Anak

3.1.2 Tanggungjawab Anak terhadap Keluarga dan Ibu Bapa yang Telah Berusia

3.2 KONSEP KEJIRANAN

3.2.1 Hak Jiran

3.2.2 Konsep Masyarakat Majmuk Menurut Pandangan Islam

3.3 INSTITUSI EKONOMI

3.3.1 Peranan Zakat dalam Pembangunan Islam

3.3.2 Perbankan Islam

3.3.3 Takaful

3.3.4 Ar-Rahnu

3.4 INSTITUSI PENDIDIKAN

3.4.1 Institusi Masjid

3.4.2 Universiti sebagai Institusi Pendidikan

3.4.3 Institusi Pendidikan Pondok

3.5 INSTITUSI SIASAH

3.5.1 Khilafah

3.5.2 Imamah

3.5.3 Syura

3.5.4 Hisbah

Kesimpulan

Rujukan

Latihan Pengukuhan

TOPIK 3: INSTITUSI ISLAM

Nor Wahida Dzalihu'zzabir (Penulis)

Hasani Ghazali (Penulis)

Zainorhisyam Mohamad Nor (Penulis dan Penyemak)

Jamali Zamani Jamaluddin (Penyemak)

Muhammad Shibli Johari (Penyemak)

3.0 PENGENALAN

Islam merupakan sebuah agama syumul yang mengatur secara lengkap perundangan hidup umatnya agar selari dengan kehendak dan perintah Allah SWT. Tatacara adab dalam kehidupan sehinggalah kepada perundangan yang lebih besar seperti pentadbiran negara dan pembangunan ekonomi. Bab ini membincangkan peranan institusi kekeluargaan, institusi ekonomi Islam, institusi Pendidikan di Malaysia dan institusi siasah.

3.1 INSTITUSI KELUARGA DAN MASYARAKAT

Keluarga merupakan aspek yang penting dalam membentuk masyarakat yang baik dan negara yang harmoni. Aspek yang terdiri daripada beberapa komponen seperti suami, isteri, ibu bapa dan anak telah membentuk sebuah keluarga yang lengkap. Dalam Islam, Allah SWT telah menekankan beberapa perkara yang perlu dilaksanakan oleh mereka sebagai memenuhi tuntutan sebenar kejadian manusia di atas muka bumi ini. Ibu bapa merupakan komponen yang sangat penting dalam melaksanakan tanggungjawab mereka untuk melahirkan generasi yang baik kepada agama, masyarakat dan negara. Topik ini akan menjelaskan berkaitan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak dan tanggungjawab anak terhadap ibu bapa. Selain itu, sebagai ahli masyarakat topik ini juga akan menjelaskan berkaitan peranan mereka dalam komuniti seperti konsep kejiwaan dan konsep masyarakat majmuk di Malaysia.

Scan untuk lihat
muzik video lagu



3.1.1 Tanggungjawab Ibu Bapa terhadap Anak.

Anak merupakan anugerah Allah SWT yang diamanahkan kepada ibu bapa untuk dipelihara dan diberi pendidikan sebaiknya. Ibu bapa bertanggungjawab untuk menjaga anak-anak menjadi khalifah Allah SWT yang baik sesuai dengan matlamat penciptaan manusia di dunia ini. Peranan ibu bapa adalah penting dalam mencorakkan keperibadian anak-anak ini.

Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud:

“Seorang anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Ibu bapanyalah yang bertanggungjawab menjadikan anak itu Yahudi, Nasrani dan Majusi”. (Hadis Riwayat Bukhari (1270))



Anak adalah anugerah, Amanah dan ujian dari Allah SWT yang perlu dijaga dan diurus sebaiknya. Berikut merupakan antara tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh ibubapa terhadap anak-anak:

1. Ibu bapa wajar berdoa kepada Allah SWT agar dikurniakan anak yang soleh sebaik sahaja selesai berkahwin.
2. Ibu bapa harus berdoa agar dijauhi daripada gangguan syaitan, rusing dan sebagainya ketika mengandung.
3. Mengazankan (bayi lelaki)/ mengiqamahkan (bayi perempuan) sebaik sahaja dilahirkan.
4. Memberikan nama yang baik kepada anak tersebut (sunat hari ke-7).
5. Mencukurkan rambut dan aqiqah pada hari ke-7 selepas kelahiran sekiranya mampu.
6. Keharusan ibu menyusukan anaknya sehingga berumur 2 tahun. Hal ini seperti firman Allah SWT yang bermaksud:
“Para ibu hendaklah menyusukan anak-anak selama 2 tahun, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan”. (Surah al-Baqarah 2:233)
7. Menyediakan nafkah kepada anak-anak seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang munasabah mengikut kemampuan serta rawatan perubatan.
8. Memberi pendidikan akidah iaitu mengenal Allah SWT dan mendidik iman, takwa serta amal yang baik (didikan dunia, agama, nilai & emosi)
9. Mendidik amalan ibadah seperti solat, puasa dan lain-lain sejak kecil. Sepertimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:
Daripada ‘Amru bin Syu’aib daripada bapanya, daripada datuknya berkata Rasulullah SAW bersabda: “Perintahkan anak-anakmu mendirikan solat ketika umurnya 7 tahun, dan pukullah mereka jika meninggalkannya ketika berumur 10 tahun serta pisahkan tempat tidur mereka”. (Hadis Riwayat Abu Daud 490)
10. Mendidik anak-anak dengan disiplin, peraturan yang baik, had dan Batasan yang perlu dijaga serta tanggungjawab.

11. Menjadi teladan yang baik kepada anak-anak dengan mewujudkan suasana yang adil, berkasih sayang, serta menunjukkan akhlak yang baik kepada mereka.
12. Memahami setiap anak ada kelebihan dan kekurangan serta ada anak yang memerlukan lebih perhatian/ perhatian khusus seperti anak OKU. (Tidak semua anak lahir sempurna)
13. Mewujudkan suasana yang harmoni dalam keluarga ke arah pembinaan psikologi yang sihat serta suasana keIslaman (membaca al-Quran, solat berjemaah dll)
14. Mengahwinkan dan menguruskan perkahwinan mereka apabila sampai umur untuk berkahwin.

3.1.2 Tanggungjawab Anak terhadap Keluarga dan Ibu Bapa yang Telah Berusia.

Pengorbanan besar yang telah diberikan oleh ibu bapa wajib dihargai oleh anak-anak. Anak-anak yang baik adalah mereka yang menghargai dan menghormati ibu bapa mereka. Dalam Islam kewajipan mentaati dan berbakti kepada kedua ibu bapa ini banyak dijelaskan dalam al-Quran serta hadis Rasulullah SAW. Antaranya adalah firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Tuhanmu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya, atau kedua-duanya sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan yang kasar) sekalipun “ah” dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)”. (Surah al-Israa’ 17:23)



Begitu juga baginda Rasulullah SAW sentiasa menekankan berkaitan tanggungjawab anak-anak kepada ibu bapa mereka seperti hadis yang bermaksud:

Daripada Abdullah Ibn Mas’ud RA berkata: “Aku bertanya kepada Rasulullah SAW: Amalan apakah yang paling Allah SWT sukai? Baginda menjawab solat pada waktunya. Kemudian apa? kataku. Baginda menjawab “Berbuat baik

kepada kedua ibu bapa". Aku bertanya lagi, "Kemudian apa?" Baginda menjawab "Jihad di jalan Allah SWT". (Hadis Riwayat al-Bukhari (5970))

Antara tugas dan tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa adalah seperti berikut:

1. Mentaati perintah kedua ibu bapa dalam segala keadaan selagi tidak bertentangan dengan akidah, syarak dan akhlak.
2. Berbudi bahasa dan bersopan santun apabila bercakap atau berada bersama mereka. Menghormati dan tidak meninggikan suara.
3. Segera menyahut panggilan mereka serta segera hadir apabila diperlukan.
4. Membantu mereka mengikut kemampuan yang dimiliki oleh anak-anak seperti memberi nafkah kepada kedua ibu bapa. Hal ini seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:
"Apabila Allah SWT memberikan seseorang kebaikan (kelebihan dari sudut harta) maka mulakanlah dengan dirinya dan keluarganya" (Hadis Riwayat Muslim (1822))
5. Sentiasa mendoakan kesejahteraan, kebaikan dan keampunan mereka sama ada ketika hidup atau meninggal dunia.
6. Menguruskan jenazah
7. Setelah kematian ibu bapa selesaikan segala hutang mereka yang wajib dengan Allah SWT seperti puasa, haji, nazar dan sebagainya serta hutang dengan manusia.
8. Tunaikan wasiat yang telah ditinggalkan oleh kedua ibu bapa selagi tidak bertentangan dengan syarak.
9. Mengeratkan hubungan silaturrahim dan keakraban dengan keluarga dan sahabat ibu bapa semasa mereka hidup dan selepas mati.
10. Bersedekah dan sentiasa menyebut segala kebaikan ibu bapa serta melupakan segala kekurangan dan kesilapannya. Ia berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:
"Sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia dan belum sempat berwasiat. Maka bolehkah aku bersedekah untuknya? Rasulullah SAW menjawab: Ya". (Hadis Riwayat an-Nasa'ie (3654))

3.2 KONSEP KEJIRANAN

Jiran dari segi bahasa adalah orang yang tinggal sebelah menyebelah atau tetangga. Manakala dari segi istilah syarak adalah mereka yang tinggal 40 buah rumah setiap penjuru, sama ada atas dan bawah serta mengelilinginya. Pengertian adalah berdasarkan hadis daripada Aishah RA Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Ciri-ciri jiran yang

YouTube



“Empat puluh buah rumah tetap sebagai jiran tetangga” Jiran merupakan komponen yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat. Hal ini kerana mereka mempunyai tanggungjawab dalam mengekalkan kehidupan yang baik dan harmoni. Hubungan timbal balik antara jiran ini dapat mengeratkan silaturrahim, persaudaraan dan perpaduan sesama manusia.

Pembahagian Jiran

Menurut Islam jiran di bahagikan kepada dua iaitu jiran dekat dan jiran jauh. Ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sembahlah Allah SWT dan janganlah kamu persekutukannya dengan sesuatu pun dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak yatim, orang miskin, tetangga yang dekat dan yang jauh, rakan sejawat, ibnu sabil dan hamba”. (Surah an-Nisaa’ 4: 36)



Dalam ayat ini Allah SWT telah memerintahkan manusia agar beribadah kepadaNya dan berbuat baik kepada semua makhluk termasuk jiran. Ini menunjukkan tuntutan melaksanakan kebaikan kepada jiran merupakan tuntutan yang besar sebagaimana tuntutan menyembah Allah SWT. Oleh itu,

berbuat baik kepada jiran merupakan perintah yang wajib dilaksanakan sama ada mereka muslim atau kafir, dekat atau jauh dan bersebelahan atau berjauhan. Terdapat banyak dalil yang menunjukkan kepentingan berbuat baik kepada jiran. Antaranya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Daripada Abi Syuraih RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Barangsiapa yang beriman dengan Allah SWT dan hari akhirat, maka hendaklah dia berbuat baik kepada jirannya”. (Hadis Riwayat Muslim (77))

Daripada Ibn Umar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Jibril sentiasa berwasiat kepadaku agar berlaku baik kepada jiran sehingga aku menyangka bahawa jiran akan mewarisi pusakaku” (Hadis Riwayat Bukhari (6015))

Daripada Abdillah Ibn ‘Amr RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Sebaik-baik teman di sisi Allah SWT adalah seseorang yang baik terhadap temannya. Manakala sebaik-baik jiran di sisi Allah SWT adalah seorang yang paling baik dengan jirannya”. (Hadis Riwayat Tirmizi (1994))

Berdasarkan kepada beberapa bukti daripada al-Quran dan hadis ini menunjukkan kepentingan hak jiran serta tanggungjawab dalam melaksanakan kebaikan, dan menjaga hubungan sesama jiran. Dalam melaksanakan

tanggungjawab terhadap jiran, Islam telah membahagikan hak dan kewajipan berjiran ini kepada beberapa hak.

3.2.1 Hak Jiran

Berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW tanggungjawab dan hak jiran ini merangkumi hak jiran yang muslim dan bukan muslim dari Jabir RA, Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud: *“Jiran itu ada tiga keadaan iaitu yang mempunyai tiga hak, jiran yang mempunyai dua hak dan jiran yang mempunyai satu hak. Adapun yang mempunyai tiga hak ialah jiran muslim yang berkeluarga dengan kita, iaitu mempunyai hak jiran, hak keluarga dan hak Islam. Jiran yang mempunyai dua hak ialah jiran Muslim yang mempunyai hak Islam dan hak jiran, manakala jiran yang mempunyai satu hak sahaja ialah jiran kafir baginya hak jiran”*.

Oleh yang demikian, dapat difahami secara ringkasnya bahawa hak dan tanggungjawab jiran ini adalah seperti berikut:

1. Jiran yang mempunyai tiga hak iaitu hak muslim, hak kekeluargaan dan hak jiran (jiran yang mempunyai hubungan darah).
2. Jiran yang mempunyai dua hak iaitu hak muslim dan hak jiran (jiran yang tiada hubungan darah).
3. Jiran yang mempunyai satu hak iaitu hak jiran (jiran bukan muslim).

Islam telah menggariskan suatu panduan yang lengkap dalam melaksanakan tanggungjawab dan menunaikan hak terhadap jiran. Di antara hak dan tanggungjawab jiran yang diwajibkan oleh Islam adalah seperti berikut:

1. Mewujudkan ikatan persaudaraan atau silaturrahim di antara jiran tetangga

Persaudaraan merupakan elemen yang sangat penting kerana ia dapat mengeratkan perpaduan ke arah mencapai kebahagiaan, keamanan dan kesejahteraan sejagat. Ia merupakan tanggungjawab setiap anggota masyarakat dalam mengeratkan ikatan silaturrahim melalui hidup berjiran. Sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang mukmin itu bersaudara, maka berbaiklah kamu terhadap saudara kamu”. (Surah al-Hujurat 49:10)

2. Mengelakkan tingkah laku menyakiti jiran sama ada melalui lisan atau perbuatan

Seorang jiran tidak boleh melakukan segala bentuk perbuatan yang boleh menyakiti jiran sama ada dari aspek fizikal seperti membunuh, mencederakan dan memusnahkan harta benda jiran atau lisan seperti mengumpat, mengeji, sombong, *takabbur* dan sebagainya. Tingkah laku yang tidak baik ini sangat dimurkai oleh Allah SWT. (Surah al-Ahzab ayat 58)

3. Mengamalkan sikap yang baik terhadap jiran

Amalan berbuat baik terhadap jiran seperti menghormati hak jiran iaitu tidak mengganggu ketenteraman jiran, mengucapkan takziah jika ditimpa musibah, dan menzahirkan rasa gembira sekiranya mereka memperoleh sesuatu yang mengembirakan.

4. Memuliakan dan menjaga kesejahteraan dengan jiran

Seseorang itu wajib memuliakan dan meraikan jirannya dalam apa jua keadaan selagi perkara tersebut tidak melanggar syariat Islam. Segala perkara yang boleh menyusahkan jiran seperti menutup jalan yang dilalui, membuat bising dengan sengaja bertujuan mengganggu jiran dan sebagainya tidak dilakukan. Selain itu, wajib memenuhi undangan jiran apabila dijemput selagi tidak ada unsur bertentangan syarak. (Surah ah-Nahl ayat 90)

5. Menguruskan hal berkaitan kematian

Rasulullah SAW mewajibkan jiran itu menguruskan jenazah jirannya seperti menyembahyangkan dan mengkebumikan apabila berlaku kematian. Bagi situasi jiran yang bukan Islam baginda turut mensyariatkan keharusan memuliakan jenazah mereka. Hal ini seperti apa yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW terhadap jenazah bapa saudaranya Abu Talib yang tidak Muslim. Baginda Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Pergilah dan kebumikannya”. Aku berkata “Sesungguhnya dia mati dalam keadaan musyrik”. Nabi berkata “Pergilah dan kebumikannya”. Setelah aku mengkebumikannya, aku kembali kepada Baginda. Maka Baginda berkata kepadaku “mandilah”. (Hadis Riwayat al-Nasa’ie 190))



Rajah 9: Amalan Kejiranan

3.2.2 Konsep Masyarakat Majmuk Menurut Pandangan Islam

Masyarakat majmuk adalah masyarakat yang terdiri daripada terdiri daripada kepelbagaian agama, bangsa, bahasa, dan budaya. Di Malaysia kesan sejarah yang pernah dilalui selama 446 tahun dahulu telah menjadi faktor penting dalam pembentukan masyarakat majmuk.



YouTube



Lagu Malaysia:
Faizal Tahir

Kewujudan kepelbagaian kaum ini memerlukan sikap toleransi yang tinggi antara satu kaum dengan kaum yang lain. Senario kepelbagaian kaum ini bukan suatu perkara yang baru kerana sejarah Islam telah menunjukkan baginda Rasulullah SAW telah membina sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian kaum di Madinah. Masyarakat pelbagai agama dan budaya di Madinah ini disatukan di bawah pemerintahan Islam berteraskan perlembagaan yang dibina iaitu Perlembagaan Madinah. Masyarakatnya hidup dalam keadaan bersatu padu, bertoleransi dan saling memahami antara satu sama lain. Justeru, keadaan ini tidak jauh berbeza dengan keadaan di negara Malaysia.

Masyarakat kepelbagaian kaum yang ada di Malaysia ini harus disatukan dengan elemen perpaduan dan keharmonian yang baik. Bagi mewujudkan perpaduan dan keharmonian ini maka mereka perlu disatukan dengan elemen kefahaman yang jelas sebagai warganegara dengan usaha mengenali dan memahami antara satu sama lain. Hal ini jelas seperti dalil yang diturunkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Wahai manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan berpuak-puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT dalam kalangan kamu ialah orang yang paling bertakwa. Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuannya”. (Surah al-Hujurat 49: 13)

Bagi mengekalkan perpaduan dan keharmonian negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum serta mempunyai amalan dan adat yang berbeza ini maka proses mengenali dan memahami perbezaan yang

ada pada setiap kaum adalah penting. Dalam al-Quran Allah SWT telah menekankan kepentingan untuk mengenali, memahami dan mempelajari perbezaan individu dan masyarakat ini. Proses ini dapat mewujudkan sikap toleransi, hormat menghormati dan menghargai perbezaan yang wujud antara mereka. Sikap ini mampu mewujudkan persekitaran dan suasana yang harmoni serta seimbang dalam sesebuah masyarakat pelbagai kaum.

Islam menggariskan beberapa asas yang penting dalam kehidupan manusia agar mereka sedar bahawa perbezaan agama, warna kulit, budaya, dan stratifikasi sosial bukan faktor untuk berpecah belah dan bermusuhan. Kepelbagaian manusia ini adalah fitrah yang telah ditentukan oleh Allah SWT dalam kehidupan mereka. Dengan keistimewaan akal yang diberikan kepada manusia ini telah membezakan mereka dengan makhluk yang lain sekaligus mengangkat martabat mereka sebagai sebaik-sebaik penciptaan. Oleh yang demikian, mereka dapat memerintah dan mentadbir alam ini dengan bijaksana agar matlamat memelihara kestabilan dan keharmonian sejagat tercapai.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian kaum ini, maka pemerintah dan rakyatnya perlu menjaga hak dan keperluan mereka agar tidak wujud elemen-elemen negatif seperti diskriminasi, prejudis, provokasi yang boleh menggugat perpaduan dan kestabilan negara. Oleh itu, Islam telah menggariskan beberapa prinsip daripada al-Quran dan hadis yang wajib dihayati dan diikuti dalam mewujudkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa. Antara prinsip-prinsip tersebut adalah:

1. Memperakui kebebasan beragama dan tiada paksaan dalam beragama:

Tiada paksaan terhadap penganut agama lain untuk menganut agama Islam. Namun begitu dalam masa yang sama menjelaskan bahawa agama yang benar itu adalah agama Islam. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tidak ada paksaan di dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan”. (Surah al-Baqarah 2: 256)

Prinsip kebebasan beragama ini juga termaktub dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu memberi kebebasan kepada penganut agama lain untuk mengamalkan kepercayaan dalam negara.

2. Mengamalkan sikap toleransi (*tasamuh*) antara kaum: Islam agama perdamaian dan toleransi. Nilai toleransi ini ditunjukkan oleh baginda Rasulullah SAW melalui perjanjian baginda dengan kaum Yahudi dalam perlembagaan Madinah. Antara intipati toleransi baginda adalah menghormati kepercayaan mereka, mempertahankan mereka daripada segala ancaman dan mengiktiraf kewarganegaraan sebagai warganegara Madinah. Baginda juga melindungi kebajikan kafir *zimmi* dengan menjadi pembelanya kelak di hari akhirat berdasarkan hadis baginda yang bermaksud:

“Sesiapa menzalimi kafir yang diikat perjanjian setia kepada kerajaan Islam atau mengurangkan haknya, atau membebankannya di luar keupayaannya atau diambil sedikit daripada haknya tanpa kebenarannya, maka aku akan jadi pembelanya pada hari akhirat”. (Hadis Riwayat Abu Daud 3052)

- 3. Hormat menghormati dan berbuat baik:** Di antara satu sama lain. Sikap dan fahaman negatif seperti prejudis, rasisme, diskriminasi dan sebagainya terhadap kaum lain perlu dielakkan bagi menjamin keseimbangan dan keharmonian dalam hubungan. Sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendahkan-rendahkan puak lelaki yang lain, kerana harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah sesuatu puak (dari kaum perempuan) mencemuh dan merendahkan-rendahkan puak perempuan yang lain, kerana harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan jangan setengah kamu menyata keaiban setengah yang lain dan jangan kamu panggil memanggil antara satu sama lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik) maka amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan ingatlah sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim”. (Surah al-Hujurat 49: 11)

Islam juga tidak melarang interaksi dengan orang bukan Islam sama ada dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan dan sosial. Hubungan ini boleh terus dilaksanakan selagi mereka tidak memusuhi Islam. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Allah SWT tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang-orang yang berlaku adil”. (Surah al-Mumtahanah 60: 8)

- 4. Menyedari asal-usul manusia adalah dari susur galur yang sama:** Hakikat penciptaan mereka adalah dari susur galur yang sama iaitu penciptaan Nabi Adam AS. Oleh itu, tiada perbezaan yang menjadi ukuran dan melebihi suatu bangsa dengan bangsa yang lain. Setiap manusia itu adalah sama di sisi Tuhan, yang membezakannya adalah amalan dan usaha yang dilakukan oleh mereka. Hal ini selari dengan penegasan Rasulullah SAW di dalam Khutbah *Wida'* bahawa manusia ini berasal dari keturunan yang satu dan kehebatan itu tidak dinilai berasaskan bangsa serta warna kulit.
- 5. Menerokai dialog peradaban dan lintas agama dalam pelbagai mekanisme:** Masyarakat pelbagai kaum di Malaysia berupaya untuk memahami persamaan dan perbezaan antara mereka melalui interaksi dialog peradaban inter-agama ini melalui beberapa mekanisme yang dilakukan. Contohnya program-program dialog yang melibatkan

kepelbagaian agama di Malaysia, perayaan melalui konsep rumah terbuka dan lain-lain. Perkara ini secara tidak langsung dapat mendedahkan nilai-nilai positif agama yang perlu dipegang oleh masyarakat pelbagai latar belakang agama dan budaya untuk bersatu padu. Prinsip-prinsip yang jelas berdasarkan al-Quran dan Hadis ini menjadi garis panduan kepada manusia yang hidup dalam negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Malaysia mengiktiraf kepelbagaian bangsa ini dengan membuka ruang dan peluang kepada setiap kaum untuk menikmati segala kekayaan dan keharmonian negara. Ini bertepatan dengan sifat Islam yang sejagat dalam menjaga hak asasi manusia tanpa mengambil kira perbezaan bangsa, agama dan budaya. (Berbincang dengan Firaun: Surah Taha ayat 44; berbincang dengan baik: Surah al-Ankabut ayat 46; Mesyuarat: Surah al-Imran ayat 159)

3.3 INSTITUSI EKONOMI

3.3.1 Peranan Zakat dalam Pembangunan Islam

Zakat merupakan rukun Islam yang kelima yang wajib (Fardu Ain) dilaksanakan oleh umat Islam ke atas harta mereka yang cukup syarat-syaratnya. Zakat adalah dari kata terbitan *zaka* yang bermaksud kesucian, kebersihan dan kepujian daripada perasaan tamak, bakhil dan sifat-sifat keji. Menurut syarak zakat bermaksud sebahagian harta yang dikeluarkan untuk diagihkan kepada golongan yang berhak menerima (asnaf). Walaubagimanapun harta yang wajib membayar zakat adalah perlu mengikut kadar atau nisab yang tertentu berdasarkan kepada ketentuan syarak dan cukup setahun (haul).



Berikut adalah harta yang wajib membayar zakat apabila cukup syarat-syaratnya iaitu emas (at-Taubah ayat 34-35), perak, wang perniagaan, galian, buah-buahan, bijian dan binatang ternak. Menurut Dr. Yusof al-Qardhawi, termasuk harta yang perlu dizakatkan adalah wang pendapatan, simpanan wang dan saham. Terdapat beberapa matlamat pensyariatan ibadah zakat kepada manusia. Antara matlamat ibadah ini adalah:

1. **Bukti keimanan dan penyucian jiwa:** Berfungsi untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan seseorang kepada Allah SWT kerana manusia mempunyai sifat tamak dan sukar untuk mengeluarkan sebahagian daripada hartanya sebagai zakat. Ia juga dapat menyucikan jiwa

daripada sifat-sifat keji seperti tamak, kedekut, bongkak, sombong, riak dan cintakan kebendaan.

2. **Membina masyarakat yang baik dan bertimbang rasa:** Memberi ruang kepada seseorang yang berada dan kaya menunaikan tanggungjawab mereka dalam membantu golongan yang kurang bernasib baik. Secara tidak langsung ibadah ini dapat melahirkan masyarakat yang bertimbang rasa, bertanggungjawab dan tidak mementingkan diri sendiri.
3. **Mewujudkan silaturahim dan perpaduan:** Mewujudkan dan meningkatkan lagi ikatan silaturahim dan perpaduan antara golongan yang kaya dengan golongan yang tidak bernasib baik. Golongan kaya yang diberikan nikmat kekayaan oleh Allah SWT membantu golongan yang miskin ini dengan pemberian mereka. Hal ini, menimbulkan perasaan gembira dalam kalangan orang miskin dan secara tidak langsung memupuk sifat untuk membantu memudahkan urusan golongan kaya yang pemurah ini.
4. **Menyuburkan keberkatan harta:** Harta akan berkembang dan bertambah dengan kebaikan dan rahmat Allah SWT. Melalui ibadah ini, ia melatih pemilik harta akan sifat sentiasa mengingati Allah SWT dan berusaha untuk mematuhi dan berserah diri kepadaNya.
5. **Meningkatkan pengurusan dan pembangunan ekonomi negara:** Merupakan perkara yang terbaik dalam menjadikan negara dan umat Islam muncul sebagai golongan yang kaya dan makmur. Kesan daripada perkembangan pengeluaran zakat ini ialah lahirnya umat Islam yang kuat dari segi ekonomi dan melahirkan negara yang kaya untuk pembangunan dakwah Islam serta menjaga kebajikan rakyat.

3.3.2 Perbankan Islam

Perbankan Islam merupakan institusi perbankan yang selaras dengan hukum Islam atau hukum syariah dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank khususnya kepada umat Islam. Manakala Sistem Perbankan Islam adalah satu kerangka kerja insituti perbankan dan kewangan yang prinsip operasinya dan amalan berlandaskan syariah untuk merealisasikan keadilan pengagihan kekayaan dan pendapatan. Sistem Perbankan Islam yang dilaksanakan di dunia umumnya dan Malaysia khususnya dapat menghindarkan umat Islam terlibat dalam transaksi kewangan yang bertentangan dengan syariah.



Sejarah Perkembangan Awal Penubuhan Perbankan Islam.

Konsep perbankan Islam bermula sejak akhir tahun 1940-an apabila transaksi perbankan tanpa bunga dan komprehensif mula diperkenalkan. Pada akhir tahun 1960 konsep ini diberi perhatian serius oleh para pemikir Islam dan ahli perniagaan bagi mengatasi masalah yang wujud dalam institusi perbankan konvensional yang mengamalkan sistem bunga dan kontrak yang bertentangan dengan prinsip Islam.

Sejarah Bank Islam moden bermula pada tahun 1963 dalam kalangan penduduk Mit Ghamr, Mesir. Penubuhan bank ini menggunakan model *German Savings Bank* mengikut kesesuaian sebuah bank yang berlandaskan Islam. Pada tahun 1973 hasil mesyuarat menteri-menteri kewangan negara OIC telah berjaya menubuhkan Islamic Development Bank (IDB) yang menjadi pemangkin kepada kewujudan perbankan Islam di serata dunia.

Peristiwa ini adalah permulaan kepada penubuhan perbankan Islam yang lain seperti Nassier Sosial Bank di Kaherah Mesir pada tahun 1971, *Dubai Islamic Bank* 1975, *Kuwait Finance House*, Bank Islam Faisal di Mesir dan Bank Islam Faisal di Sudan pada tahun 1977. Selain daripada negara-negara Islam, idea perbankan Islam juga berjaya beroperasi di negara-negara bukan Islam atau negara-negara yang mempunyai minoriti umat Islam. Ini dibuktikan dengan penubuhan Bank Amanah Philipina pada tahun 1973, Bank Islam Antarabangsa Denmark dan *Islamic Finance House* di Luxembourg pada tahun 1978.

Di Malaysia perkembangan sistem kewangan Islam bukan perkara baru. Sejak perkembangan Islam pada abad ke-12 di Nusantara, undang-undang Islam dalam aktiviti perdagangan telah mewarnai masyarakat tempatan. Hal ini dibuktikan dalam Hukum Kanun Melaka terdapat peraturan yang menyentuh pengharaman riba dalam urusan jual beli. Selepas merdeka, tuntutan untuk mewujudkan sistem kewangan Islam semakin meningkat.

Oleh itu, pada tahun 1963, Lembaga Tabung Haji (TH) telah ditubuhkan bagi membantu urusan simpanan wang untuk menunaikan ibadah haji bagi umat Islam. Kejayaan penubuhan institusi kewangan TH ini menjadi permulaan kepada penubuhan institusi perbankan Islam pertama di Malaysia iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada tahun 1983 dan kewujudan syarikat Takaful Malaysia pertama pada tahun 1984. Selaras dengan perkembangan ini, Bank Negara Malaysia (BNM) telah dilantik sebagai pengawal seliaan dan tadbir urus industri kewangan Islam di Malaysia dengan membantu penyelarasan dan keseragaman pentafsiran Syariah dalam kewangan Islam.

Selepas beberapa dekad, bank-bank konvensional juga telah menawarkan skim perbankan Islam (SPI) dalam produk kewangan mereka. Berikut merupakan rajah perkembangan perbankan Islam di Malaysia. Secara

fundamentalnya perbankan Islam adalah berbeza dengan perbankan konvensional. Hal ini kerana terdapat beberapa elemen dalam sistem perbankan ini berasaskan prinsip patuh Syariah. Daripada aspek urus tadbir dan operasi perbankan Islam adalah seperti berikut:

Jadual 16: Urus Tadbir dan Operasi Perbankan Islam

Aspek	Urus Tadbir dan Operasi
Pemantauan	Segala urusan perbankan Islam dipantau oleh ahli/ Majlis Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Audit Syariah dalam memastikan kepatuhan Syariah sesebuah bank
Pematuhan Syariah	Melaksanakan transaksi yang patuh Syariah dan segala transaksi yang mempunyai unsur <i>gharar</i> (ketidakpastian) disalurkan kepada badan-badan amal.
Profit	Profit adalah berdasarkan kontrak jual beli dan perkongsian untung rugi (pelaburan)
Hubungan pelanggan & bank	Bank bertindak sebagai pembiaya dan pelanggan sebagai pembeli, pelaburan dan perkongsian untung rugi.
Denda	Caj adalah berdasarkan kos sebenar dan 1% seperti yang digariskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)
Zakat	Terlibat dalam pembayaran zakat yang merupakan tanggungjawab sosial pihak bank kepada pelanggan.
Dakwah Islam	Terlibat dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat.
Aqad	Sistem perbankan Islam adalah berteraskan kepada aqad yang telah dipersetujui oleh Syarak seperti Bai' Bithaman 'Ajil (BBA), Wadi'ah, Mudarabah, Musyarakah dan sebagainya.

Bank berfungsi sebagai institusi perantara (*financial intermediary*) yang mengumpulkan dana-dana (deposit) daripada orang awam kepada pelanggan-pelanggan yang memerlukan pembiayaan sama ada untuk kegunaan peribadi seperti (membeli rumah, kenderaan dan apa sahaja keperluan hidup lain) atau kegunaan syarikat (modal awal untuk perniagaan, membeli bahan mentah, membayar gaji, membeli aset untuk mengembangkan syarikat). Justeru, terdapat beberapa produk yang telah ditawarkan oleh pihak bank kepada pelanggan iaitu deposit, pembiayaan dan pelaburan. Setiap produk yang ditawarkan dalam institusi perbankan Islam berasaskan kepada akad yang memenuhi standard kepatuhan terhadap syariah. Jadual di bawah menjelaskan produk perbankan Islam tersebut.

1. Produk Deposit

Produk deposit ini menggunakan kontrak *Wadi'ah Yad Dhamanah* iaitu simpanan dengan jaminan. Faedah kepada pendeposit adalah tidak tetap iaitu hibah dan hadiah berdasarkan budi bicara pihak bank kepada mereka. Terdapat dua jenis produk deposit iaitu akaun simpanan dan akaun semasa:

Jadual 17: Produk Deposit

Subjek	Perbankan Islam
Produk Deposit	Akaun Simpanan / Semasa
Kontrak	<i>Wadi'ah Yad Dhamanah</i>
Pulangan	Budi bicara bank

2. Produk Pembiayaan

Dalam produk pembiayaan perbankan Islam telah menggunakan beberapa jenis kontrak pembiayaan iaitu *Bai' Bithaman Ajil (BBA)*, *Murabahah*, *Istisna'*, *Musyarakah Mutanaqisah*, *Ijarah* dan sebagainya.

Jadual 18: Kontrak Pembiayaan

Subjek	Perbankan Islam
Kemudahan	Pembiayaan peribadi
Kontrak	<i>Tawarruq</i> atau <i>Bai'Inah</i>
Keuntungan	Terhasil dari jualan
Aset	Komoditi atau aset yang dibenarkan oleh syarak
Amaun yang perlu dibayar	Amaun adalah tetap sepanjang tempoh pembiayaan atau dikurangkan serta mendapat rebat sekiranya pelanggan membayar pembiayaan lebih awal
Pemilikan Aset	Mesti dimiliki oleh penjual
Kelewatan pembayaran	<i>Ta'dwith</i> atau gantirugi akan dikenakan
Insurans	Takaful

3. Produk Pelaburan

Dalam produk pelaburan perbankan Islam menggunakan kontrak perkongsian untung (*al-Mudharabah*) iaitu kedua-dua pihak berkongsi keuntungan dan kerugian yang tidak membebaskan kedua-dua pihak.

Jadual 19: Produk Pelaburan

Subjek	Perbankan Islam
Produk Deposit	Akaun pelaburan am/akaun pelaburan khas
Kontrak	<i>Al-Mudharabah</i>
Pulangan	Perkongsian untung mengikut peratusan yang dipersetujui



3.3.3 Takaful

Takaful adalah antara produk kewangan Islam yang berfungsi untuk memberikan jaminan perlindungan dan keselamatan kepada individu atau

kumpulan masyarakat yang ditimpa musibah. Perkataan takaful berasal dari perkataan arab iaitu *kafala* yang bermaksud menjamin, memelihara dan menjaga. Manakala perkataan takaful adalah kata nama terbitan yang bermaksud saling menjamin, saling memelihara dan saling menjaga. Hal ini selari dengan Firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud:

“...Dan hendaklah kamu saling tolong menolong untuk membuat kebajikan dan takwa dan janganlah kamu saling tolong menolong dalam melakukan dosa (maksiat) dan dosa permusuhan...”. (Surah al-Maidah 5: 2)

Menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 definisi takaful adalah skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan kerjasama berdasarkan persetujuan para peserta dalam menyediakan pertolongan, sumbangan dan bantuan kewangan kepada para peserta lain yang ditimpa musibah dan bencana. Kontrak yang digunakan dalam sistem takaful adalah berasaskan konsep *taawun* iaitu saling tolong menolong dan saling jamin menjamin di antara peserta berasaskan akad *tabarru'* (derma) serta menyediakan peluang bagi mereka berkongsi untung melalui perjanjian *al-Mudharabah* antara syarikat dalam skim takaful yang disertai.

Dalam sistem takaful, peserta takaful bersetuju bahawa sebahagian daripada caruman takaful yang dibayar adalah dibuat secara *tabarru'* (derma) yang akan dimasukkan ke dalam akaun khas peserta dan sebahagian lagi dimasukkan ke dalam akaun peserta untuk pelaburan. Akaun caruman takaful dibahagikan kepada dua bahagian iaitu akaun khas peserta dan akaun peserta.

Jadual 19: Caruman Takaful

Akaun Peserta	Sebahagian caruman dilaburkan dan keuntungan dibahagikan mengikut prinsip <i>al-Mudharabah</i> yang telah dipersetujui oleh syarikat takaful dan peserta.
Akaun Khas Peserta	Sebahagian caruman diderma (<i>tabarru'</i>) juga dilaburkan kepada rakan peserta takaful yang ditimpah musibah

Syarikat takaful menyediakan dua jenis perlindungan iaitu:

Jadual 20: Perlindungan Takaful

Jenis Perlindungan	Manfaat
Takaful Keluarga	Memberi perlindungan sekiranya berlaku kematian dan hilang upaya kekal atas kepada peserta
Takaful Am	Memberi perlindungan ke atas harta peserta seperti rumah, bangunan dan kenderaan sekiranya berlaku bencana seperti kemalangan, kebakaran, laut dan udara, kenderaan.

Berdasarkan hakikat ini, takaful adalah berasaskan prinsip saling bekerjasama dan bantu membantu kerana:

- a) Pemegang polisi bekerjasama diantara satu sama lain bagi mengadakan manfaat bersama.
- b) Semua pemegang polisi perlu membayar 'sumbangan' seperti yang ditetapkan untuk membantu pemegang polisi lain yang memerlukan bantuan.
- c) Produk ini adalah perjanjian memberi sumbangan atau derma yang bertujuan untuk mengagihkan kerugian dan menyamaratakan tanggungan mengikut kaedah pengumpulan sumber bersama.
- d) Unsur ketidakpastian berkaitan bayaran sumbangan dan bayaran manfaat dapat diketepikan contohnya apabila berlaku musibah kepada peserta, bayaran manfaat yang diberikan adalah hasil dari derma (*tabarru'*) peserta-peserta yang lain.
- e) Berasaskan perkongsian untung (*al-Mudharabah*) di antara pihak pengurus (takaful) dan peserta takaful yang telah dipersetujui.

Berpandukan prinsip-prinsip di atas, para ulama telah memutuskan bahawa konsep takaful ini bertepatan dengan syariah kerana ianya berbeza dengan insuran konvensional yang mempunyai unsur *gharar* (tidak pasti), *maisir* (judi) dan riba dalam kontraknya.

3.3.4 Ar-Rahnu

Institusi pajak gadai merupakan satu institusi mikro kredit yang menyediakan perkhidmatan mudah tunai kepada mereka yang memerlukan wang dengan kadar segera dan mudah. Pajak gadai dalam Islam dikenali sebagai ar-Rahnu. Ar-Rahnu merupakan satu bentuk perkhidmatan pinjaman yang mudah dan cepat serta hanya memerlukan cagaran barang sahaja. Cagaran barang ini menjadi pilihan utama masyarakat yang berpendapatan rendah atau yang gagal mendapatkan pinjaman bank kerana gagal memenuhi prosedur dan syarat-syarat yang ketat dikenakan oleh pihak bank.

Amalan pajak gadai ini bukan sesuatu yang baharu dalam kehidupan masyarakat dunia. Sejarah mencatatkan bahawa amalan pajak gadai ini telah wujud sejak zaman Babylon, Athens dan Rom. Sesiapa sahaja boleh mencagarkan barangan berharga mereka bagi mendapatkan wang termasuklah barang kemas, pakaian berharga atau alat penyembahan dan pemujaan. Amalan ini turut dikesan berlaku selepas Masihi semasa Dinasti Ch'i Selatan (479-502M) Menurut T. S. Whelan, pada masa itu perkhidmatan pajak gadai berada di bawah kawalan golongan sami Buddha.

Di Tanah Melayu amalan pajak gadai telah diperkenalkan oleh pedagang-pedagang dari China pada awal abad ke-15 ketika Zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kegiatan ini terus berkembang akibat kepesatan perkembangan industri perlombongan bijih timah di Larut pada abad ke-19.

Kesan perkembangan ini, institusi pajak gadai di Tanah Melayu banyak didominasi oleh pengusaha-pengusaha Cina. Sistem pajak gadai ini lebih bersifat konvensional yang mementingkan keuntungan daripada kadar bunga atau faedah yang dikenakan kepada penggadai.

Institusi pajak gadai konvensional mengamalkan riba dalam transaksi gadaian mereka dengan mengenakan kadar faedah yang tinggi dan sekiranya barang yang digadai tidak dapat ditebus mengikut tempoh yang dipersetujui oleh mereka. Sistem konvensional ini dilihat lebih bermotifkan keuntungan daripada membantu mereka yang terpaksa meminjam akibat desakan hidup. Prinsip gadaian konvensional yang mengenakan kadar faedah terhadap pinjaman yang diberikan ini adalah bertentangan dengan prinsip Islam yang mengharamkan riba dan penindasan.

Bagi menjaga syariat Islam daripada terlibat dalam transaksi yang berunsurkan riba, maka institusi ar-Rahnu iaitu skim pajak gadai Islam telah diperkenalkan. Skim ini diperkenalkan pada awal tahun 1990-an oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada 23 Januari 1992 yang berkonsepkan *ar-Rahn* dan *al-Qard al-Hasan* iaitu Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT). Seterusnya diikuti oleh Permodalan Kelantan Berhad, menubuhkan Kedai Ar Rahnu yang memperkenalkan konsep upah simpan dalam pajak gadai Islam pada 12 Mac 1992. Pada 27 Oktober 1993, Bank Rakyat dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) telah memperkenalkan skim Ar-Rahnu.

Kini institusi kewangan Malaysia mempunyai beberapa penyedia perkhidmatan ar-Rahnu mengikut kategori sama ada koperasi, institusi kewangan seperti bank dan syarikat. Antara institusi ar-Rahnu tersebut adalah Bank Islam, Bank Rakyat, Agro Bank, Pos Malaysia Berhad, Koperasi YPEIM Berhad dan lain-lain. Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 menjadi garis panduan perjalanan sistem ar-Rahnu di Malaysia dengan pengubahsuaian dilakukan terhadap beberapa seksyen yang mengandungi transaksi berteraskan bunga atau faedah. Transaksi berteraskan riba ini diatasi melalui Garis Panduan Perlaksanaan Perniagaan Pajak Gadai Secara Islam dalam skim ar-Rahnu.

Konsep Ar-Rahnu

Di Malaysia kontrak yang digunakan oleh institusi-institusi ar-Rahnu adalah gabungan beberapa mekanisme kontrak muamalat iaitu *al-Qard al-Hassan* (pinjaman tanpa faedah), *al-Wadiah yad Dhamanah* (simpanan dengan jaminan), *al-Rahn* (cagaran) dan *al-Ujrah* (upah simpan). Namun begitu, menurut keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) kali ke 194 dan ke 195 pada 31 Julai 2019 telah memutuskan



bahawa produk ar-Rahnu yang mengandungi kontrak *al-ujrah* di dalamnya adalah tidak memenuhi keperluan syariah. Hal ini kerana menurut MPS kontrak *al-Ujrah* (upah simpan) tersebut mempunyai unsur mengambil keuntungan secara langsung daripada margin gadaian yang dikenakan. Justeru bermula 1 Februari 2020 semua produk ar-Rahnu yang ditawarkan oleh institusi ar-Rahnu menggunakan mekanisme gabungan kontrak *al-Qard al-Hassan*, *al-Wadiah Yad Dhamanah* dan *Ar-Rahn*.

1. ***Al-Qard al-Hassan*** (Pinjaman tanpa faedah)

Dalam institusi ar-Rahnu pemberi gadaian (*ar-Rahin*) akan memberikan pinjaman kepada penggadai (*al-Murtahin*) tanpa mengenakan faedah ke atas pinjaman yang diberikan. Wang tunai tersebut diberikan oleh institusi ar-Rahnu sebagai satu pinjaman kebajikan.

2. ***Al-Wadiah yad Dhamanah*** (Simpanan dengan Jaminan)

Kontrak ini adalah perjanjian di antara pemberi gadaian (*ar-Rahin*) terhadap penggadai (*al-Murtahin*) terhadap jaminan keselamatan barang gadaian (*Marhun*) yang disimpan serta ganti rugi akan diberikan kepada penggadai jika berlaku kehilangan.

3. ***Ar-Rahn*** (Gadaian atau cagaran)

Kontrak antara pemberi gadaian (*ar-Rahin*) memajak sesuatu aset sebagai cagaran kepada penggadai (*al-Murtahin*) bagi menyelesaikan urusan kehidupan *al-Murtahin*.

Jadual 21: Rukun dan Syarat ar-Rahnu

<i>i - Rukun ar-Rahnu</i>		
1	<i>Ar-Rahin</i>	Penggadai/ pelanggan/ orang yang berhutang
2	<i>Al-Murtahin</i>	Penerima gadaian/ Institusi gadaian
3	<i>Sighah</i>	Kontrak/ penawaran/ penerimaan
4	<i>Marhun</i>	Aset cagaran/ barang gadaian
5	<i>Marhun bih</i>	Hutang/ nilai asset
<i>ii-Syarat-syarat Gadaian</i>		
Bil	Perkara	Syarat
1.	<i>Ar-Rahin</i>	Cukup umur, berakal, tidak membazir
2.	<i>Al-Murtahin</i>	Cukup umur, berakal, tidak membazir
3	<i>Sighah</i>	Mempunyai lafaz ijab dan qabul yang membawa maksud gadaian "Saya gadaikan barang ini kepada engkau, sebagai cagaran hutang saya...." dan "saya terima....."
4	<i>Marhun</i>	1. Barang gadaian hendaklah milik penggadai. 2. Barang gadaian adalah berbentuk benda bukan manfaat. 3. Barang gadaian bukan terdiri daripada benda yang cepat rosak. 4. Barang gadaian adalah bukan terdiri daripada najis.

		5. Barang gadaian adalah aset yang bernilai dan ada manfaat ekonomi. 6. Barang gadaian perlu jelas jenis, kadar dan sifatnya kepada penggadai dan pemberi gadai
5	<i>Marhun bih</i>	Hutang adalah jelas kadar dan sifatnya. Contoh jelas nilai tanah atau rumah yang digadai.

3.4 INSTITUSI PENDIDIKAN

Institusi pendidikan merupakan tempat di mana orang daripada pelbagai usia mendapat pendidikan merangkumi prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti. Maksud institusi adalah satu organisasi yang ditubuhkan untuk menjalankan tugas-tugas tertentu. Institusi pendidikan merujuk kepada semua organisasi dan badan yang ditubuhkan untuk melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan bidang penyampaian ilmu pengetahuan.

3.4.1 Institusi Masjid

Perkataan masjid telah disebut sebanyak 44 kali dalam al-Quran oleh Allah SWT. Masjid merupakan bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain (*Kamus Dewan edisi empat 2017*). Tamadun membuktikan masjid merupakan Markaz al Ummah terpenting dalam proses membina insan cemerlang. Sejarah mencatatkan, pembinaan Masjid Quba' oleh Baginda Rasulullah SAW dalam peristiwa Hijrah nabi bukan semata-mata berfokuskan untuk melaksanakan ibadah, malah ia merupakan detik permulaan perkembangan dunia pendidikan Islam sehingga melahirkan kecemerlangan tamadun. Secara konsepnya, masjid merupakan binaan yang dikhususkan kepada orang Islam untuk melaksanakan ibadah tertentu yang dibenarkan dalam agama, tertakluk kepada peraturan, hukum dan adab-adab yang telah ditetapkan (*Abdullah Mat et.al., 2003*).

Sorotan Sejarah

Sorotan sejarah daripada peristiwa penghijrahan Rasulullah SAW ke Madinah membuktikan masjid berperanan sebagai medium yang berimpak besar terhadap perkembangan pelajaran dan pendidikan serta menjadi sebuah institusi terpenting dalam masyarakat. Masjid Quba', Masjid al-Mirbad dan Masjid Nabawi telah didirikan di Madinah oleh Baginda Nabi Muhammad SAW telah dijadikan pusat pendidikan Islam, aktiviti agama dan masyarakat serta semua aktiviti yang melibatkan interaksi sosial.

Di antara masjid yang terawal seperti Masjidil Haram di Mekah, Masjid Nabawi di Madinah, Masjid Kufah di Iraq, Masjid Basrah dan Masjid Jamik al-

Mansur di Baghdad. Mengikuti sejarah, peranan masjid sebagai tempat penyebaran ilmu bermula dengan kaedah pembelajaran tidak formal dan pembinaan al-Suffah merupakan titik tolak kepada perkembangan sistem pembelajaran yang lebih sistematik dan kaedah ini merupakan warisan kepada dunia pendidikan ke arah memajukan institusi pendidikan yang formal dan lebih tersusun.

Fungsi masjid sebagai tempat penyebaran ilmu semakin berkembang ketika zaman pemerintahan Khulafah al-Rasyidin dan khalifah yang seterusnya dengan tertubuhnya al-Kuttub. Masjid al-Azhar Mesir dan Madrasah dan merupakan *role model* institusi pendidikan yang rasmi dan sistematik dalam sejarah kecemerlangan pendidikan Islam. Kini peranan masjid perlu diperkemas dan diperkukuhkan lagi sebagai 'One Stop Centre' selari dengan masyarakat Hadhari iaitu kelompok masyarakat yang amat mementingkan ilmu pengetahuan. Natiujahnya menghasilkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI), mengetahui perkara hak dan batil serta keutamaan dalam kehidupan (Amiruddin Ruskam al-Dawany, 2008).

Fungsi dan Peranan Masjid

Masjid merupakan sebuah institusi yang mendidik ummah dalam segala aspek kehidupan berilmu dan beragama. Justeru itu, fungsi dan peranan masjid perlu selari dengan perkembangan zaman supaya sentiasa relevan dengan gaya kehidupan masyarakat. Penyediaan mekanisme yang bercirikan profesional mampu menarik minat masyarakat mendekati masjid dan menjadikannya sebagai paksi dan nadi dalam kecemerlangan dan perpaduan ummah. Firman Allah SWT maksudnya:

“Sesungguhnya orang yang suka mengimarahkan masjid hanyalah orang yang beriman kepada Allah SWT dan percaya kepada hari akhirat, mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan orang yang tidak takut selain Allah SWT. Mudah-mudahan itulah orang yang akan mendapat petunjuk”. (Surah Al-Taubah, 9:18)

Di dalam ayat tersebut Allah SWT menegaskan orang-orang yang beriman dan muslim yang baik akan sentiasa mengimarahkan masjid.

Fungsi dan Peranan Masjid Zaman Rasulullah SAW

Pendidikan dan ilmu pengetahuan merupakan kunci kecemerlangan ummah. Masyarakat yang berilmu dapat menghasilkan sebuah negara yang utuh, bersatu padu, berinovasi, berketrampilan, berakhlak mulia selaras dengan kehendak Islam. Peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW memperlihatkan contoh sepanjang zaman, masjid sebagai syiar perpaduan dan ukhuwah antara Muhajirin dan Ansar, tempat mendirikan solat, pusat penyebaran ilmu, pusat kemajuan ekonomi dan aktiviti kemasyarakatan (Mohd Ismail Mustari et. al, 2017). Secara khususnya, masjid berfungsi sebagai:

- i) **Masjid sebagai Pusat Ibadah:** Baginda Nabi Muhammad SAW pernah bersabda '*Allah SWT menjadikan bumi ini sebagai masjid*'. Secara khususnya masjid dibangun untuk umat Islam menjalankan ibadah khususnya solat jemaah. Fungsi dan peranan ini menjadi keutamaan di samping peranan-peranan lain. Kehebatan dan kekuatan umat Islam terletak kepada keutuhan dan kehebatan institusi masjid itu sendiri.
- ii) **Masjid Sebagai Institusi Pendidikan:** Ini merupakan nadi dan paksi utama dalam mencapai umat Islam yang holistik iaitu seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Masjid berfungsi sebagai markaz pembentukan akhlak dan peribadi masyarakat seterusnya menjalani kehidupan muslim yang berpegang teguh dengan prinsip agama dari sudut akidah, syariah dan akhlak. Sejarah membuktikan fungsi dan peranan Masjid Nabawi sebagai pusat pendidikan Islam dan Rasulullah SAW sendiri bertindak sebagai murabbi. Penuntut dan pencinta ilmu disediakan ruangan khas di serambi masjid untuk menuntut ilmu dan melatih tenaga pengajar baru dalam kalangan sahabat seperti Abu Ubaidah bin al-Jarrah untuk kesinambungan dan warisan mengembangkan ilmu dan Pendidikan Islam.
- iii) **Masjid sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat:** Perkara utama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW di perhentian pertama sebelum masuk ke kota Madinah adalah membina Masjid Quba'. Masjid telah menjadi tempat berkumpul komuniti dan sebagai syiar perpaduan. Strategi pembinaan masjid ini menunjukkan kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam usaha menyatupadukan masyarakat khususnya kaum Muhajirin dan Ansar. Kekuatan dan kecemerlangan sesebuah negara terletak kepada kualiti rakyatnya. Menurut Aminuddin Ruskam al-Dawamy (2008), tujuh strategi Rasulullah SAW dalam membangunkan masyarakat Madani di Madinah adalah:
 1. Mendirikan masjid iaitu masjid Nabawi
 2. Mempersaudarakan antara komuniti muslim iaitu kaum ansar dan muhajirin.
 3. Membuat perjanjian dengan masyarakat bukan muslim
 4. Membangunkan sistem politik (syura)
 5. Menetapkan sistem dasar ekonomi di Madinah
 6. Membangun keteladanan pada elit masyarakat
 7. Menjadikan ajaran Islam sebagai sistem nilai dalam masyarakat

Fungsi dan Peranan Masjid Kini

Mengorak langkah di zaman era teknologi dan serba moden ini, fungsi dan peranan masjid perlu dioptimumkan seiring dengan keperluan masyarakat kini. Umat Islam kini dijangkiti penyakit '*hubbun dunya*' (cintakan dunia) yang

sangat kronik sehingga berlaku pengabaian terhadap peraturan agama. Perkara ini membawa kepada gejala keruntuhan akhlak dan pelbagai gejala sosial yang merosakkan iman. Fenomena ini sekiranya tidak dibendung akan melahirkan generasi yang rosak agamanya dan ampuh imannya. Seperti kata pepatah melayu “mencegah lebih baik daripada merawat”. Oleh itu, masjid perlu berusaha meningkatkan aktiviti-aktiviti ke arah pembangunan kerohanian umat Islam agar mampu bersaing menghadapi kesan gejala globalisasi ini (Mohd Ismail Mustari et. al, 2017). Secara khususnya, masjid berfungsi sebagai:

i) Pusat Pengajian dan Pendidikan Islam: Bertepatan dengan kecelaruan masyarakat kini yang semakin jauh daripada kehidupan bersyariat, masjid merupakan wadah terpenting dalam merawat penyakit ini. Menurut Asmak (2008) pihak masjid perlu memperbanyakkan program yang dapat menarik minat para jemaah khususnya golongan remaja. Pihak masjid boleh bekerjasama dengan institusi-institusi pengajian yang ada bagi menjalankan Kursus Jangka Pendek bagi pengajian Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah. Silibus pengajian di masjid perlu meliputi tiga elemen utama iaitu iman, Islam dan ihsan. Antara peranan dan fungsi masjid sebagai pusat imuan dalam masyarakat kontemporari adalah seperti berikut:

1. Pusat pengajian al-Quran dan al-Hadith
2. Pusat pengajian ilmu Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah
3. Pusat pengajian ilmu kotemporari
4. Kem ibadah

YouTube



Masjid
Gurfan

ii). Pusat Pemerksaan Masyarakat: Tempat penyuburan jiwa manusia supaya sentiasa mengingati Allah SWT. Masyarakat yang jiwanya terikat dengan masjid dan hidup berpaksikan keimanan akan membentuk masyarakat yang taat, kental jiwanya, baik akhlaknya dan sentiasa melakukan kebaikan serta menjauhi kemungkaran. Masjid adalah nadi masyarakat andai peranannya dioptimumkan bagi tujuan memperkasakan masyarakat. Rasulullah SAW telah bersabda:


“Barangsiapa membangun untuk Allah SWT sebuah masjid meskipun hanya sebesar sarang burung, maka Allah SWT akan membangunkan untuknya rumah di syurga”. (Hadis Riwayat Ibnu Majah: 7)

Di Malaysia, keseluruhan jumlah masjid pada akhir tahun 2020 adalah 6425 buah (Jabatan Kebajikan Islam Malaysia, JAKIM, 2020). JAKIM telah memperkenalkan Anugerah Masjid Mandiri iaitu masjid yang mampu berinovasi, berdikari dengan menganjurkan pelbagai program kemasyarakatan dalam usaha memperkasakan masyarakat, (Mohd Ismail Mustari, et al., 2017). Antara masjid pilihan di Malaysia iaitu:

1. Masjid Al-Gufan, Taman Tun Dr Ismail Kuala Lumpur.

2. Masjid Jamek, Kampung Baru Kuala Lumpur.
3. Masjid Jamek, Bandar Baru Uda Johor Bahru.
4. Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam Selangor.
5. Masjid al-Azim, Pandan Indah Ampang Selangor.

Berdasarkan Model Pemerksaan Masjid (Nor Azlina et al., 2016), menunjukkan masjid sebagai 'one stop center' dalam komuniti dan masyarakat



Rajah 10: Carta Alir Pemerksaan Peranan Masjid di Malaysia (Sumber dari Kajian Pemerksaan Masjid di Malaysia Era Kontemporari)

Masjid merupakan institusi pendidikan yang ulung dalam sejarah Islam. Sejak zaman Rasulullah SAW sehingga kini, fungsi masjid sebagai tempat ibadah, penyebaran ilmu dan segala aktiviti sosial tidak pernah diketepikan. Seiring dengan zaman globalisasi dan urbanisasi, institusi masjid perlu diperkasakan lagi demi pembangunan modal insan dan melahirkan generasi yang berkualiti.



Gambar 1: Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Masjid Al-Gufran

3.4.2 Universiti sebagai Institusi Pendidikan

Modal insan merupakan aset penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Kualiti modal insan terhasil daripada tahap pendidikan tertinggi yang diperolehi. Pencapaian pendidikan yang berbeza juga memberi impak kepada peluang pekerjaan dan jurang gaji. Universiti merupakan salah satu daripada tempat pendidikan tinggi terulung. Seiring dengan keperluan masa kini, masyarakat berasaskan pengetahuan amat penting dalam menjana ekonomi dan kemajuan negara.

Scan untuk lihat ranking
university di Malaysia



Sejarah Awal Penubuhan Universiti

Sejarah penubuhan universiti telah melalui proses yang amat panjang bermula dari kurun ke-10 bagi negara Islam dan kurun ke 12 negara Eropah. Universiti pada zaman awal sejarahnya tidak mempunyai kampus seperti sekarang dengan pengajian boleh berlaku di mana-mana sahaja, sama ada di rumah, di tempat ibadat dan di tempat-tempat lain. Universiti bukan berasal daripada kelompok ruang fizikal bangunan atau kompleks, sebaliknya ia merupakan himpunan individu yang mengerjakan aktiviti keilmuan untuk tujuan tertentu yang dipanggil *Corporation*. Dalam perkaitan ini, perlembagaan Universiti Malaya yang awal dan perkembangan universiti yang terkemudian ada menyebut perkataan *body corporate* bagi menerangkan maksud sesebuah universiti di dalam perlembagaan masing-masing. Oleh itu, di Malaysia konsep universiti sebagai sebuah *body corporate* telah wujud dari awal penubuhan universiti pertamanya lagi (Nordin Kardi, 2011). Universiti Malaya merupakan Universiti tertua di Malaysia yang ditubuhkan dengan identiti sendiri pada tahun 1962.

Fungsi dan Peranan Universiti

Di Malaysia terdapat 21 buah Universiti Awam dan 36 buah Politeknik sehingga tahun 2025. Taraf pendidikan Universiti di Malaysia antara yang terbaik di dunia. Berdasarkan kepada Laporan *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2025-2026*, terdapat 32 buah IPT Malaysia yang berjaya memasuki *ranking* universiti terbaik dunia. Justeru itu, peranan dan fungsi universiti sebagai *halaqah* ilmu yang berimpak besar dalam membentuk masyarakat berilmu, berinovasi, berketerampilan, kepimpinan, inovasi dan kreatif.



Rajah 11: Ranking Universiti Malaysia Terbaik di Dunia 2026

- i) **Pusat Menuntut Ilmu:** Universiti mendominasi sebagai pusat pendidikan komuniti pilihan dan memainkan peranan penting dalam melahirkan masyarakat berpendidikan tinggi sejajar dengan keperluan konteks ekonomi berasaskan pengetahuan pada masa kini. Keperluan tenaga mahir dan berpengetahuan tinggi bagi memenuhi *trend* ekonomi kotemporari dan ekonomi berasaskan produktiviti. Pengajian di universiti menyediakan gabungan pendidikan dan latihan yang mampu menjana modal insan yang berdaya saing di lapangan. Menurut Norain dan Nooriah (2012) pendidikan tinggi semakin menjadi fokus kerajaan kerana kejayaan proses pembangunan negara bergantung kepada keupayaan Universiti (IPT) dalam mengeluarkan tenaga terlatih dalam bidang yang diperlukan.
- ii) **Pusat Pembangunan Modal Insan:** Zaman globalisasi menuntut masyarakat melengkapkan diri dengan pengetahuan dan pelbagai kemahiran supaya kekal relevan dengan tuntutan semasa. Modal insan atau modal manusia amat penting dalam memenuhi keperluan pembangunan ekonomi dengan mengisi peluang pekerjaan mengikut kemahiran yang bersesuaian. Universiti bukan sahaja berfungsi sebagai pusat menimba ilmu semata-mata, malah kini usaha melahirkan modal insan berkualiti lebih mendapat

perhatian pihak pembuat dasar. Pendidikan telah diletakkan sebagai Bidang Keberhasilan Negara (NKRA) bagi meningkatkan prestasi pelajar supaya lebih berinovasi, berpengetahuan tinggi, kemahiran teknikal dan profesional, menguasai bidang kritikal dalam usaha melonjakkan pembangunan dan ekonomi negara (Norain Mat Lazim, Nooriah Yusof, 2012).

3.4.3 Institusi Pendidikan Pondok

Sistem sekolah pondok merujuk kepada sistem sekolah agama Islam dalam kalangan masyarakat Melayu yang berkonsep asrama. Setiap pelajar sekolah pondok akan duduk di sebuah pondok kecil dan mereka beramal dan menghafal al-Quran. Kaedah pengajaran yang digunakan ialah kaedah hafalan dan mereka yang hafaz akan dipanggil al-Hafiz. Perkataan pondok berasal daripada perkataan arab iaitu 'funduq' yang bermaksud rumah penginapan yang disediakan kepada pelajar yang datang untuk menuntut ilmu tanpa perlu berulang-alik.

Sejarah Sistem Pendidikan Pondok

Sejarah membuktikan sistem Pendidikan pondok di Malaysia bermula dari wilayah Pattani berkembang ke wilayah-wilayah pantai timur dan utara Semenanjung Malaysia seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang (Mashyurah Mohamad Rawi et.al, 2015). Sekolah pondok pertama yang dibuka adalah di Pulau Chondong daerah Machang, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1820. Pengasasnya ialah Haji Abdul Samad bin Abdullah yang dikenali sebagai Tok Pulau Chondong. Kedatangan ramai alim ulama ke Kelantan khususnya dari Pattani, menjadikan sistem pengajian pondok semakin berkembang sekitar tahun 1900M.

Antara pondok-pondok yang dibuka seperti Pondok Tok Bachok, Pondok Kubang Pasu, Pondok Tuan Padang dan Pondok Tok Semaian. Kegiatan pengajian pondok di Pattani yang telah berkembang telah melahirkan tokoh-tokoh ulama hebat di Nusantara iaitu Syeikh Abdullah Kassim Senggora Al-Fatani, Syeikh Daud Abdullah Al-Fatani dan Syeikh Muhammad Abdullah Al-Fatani. Kehebatan mereka juga dikenali di negara Arab sehingga diberi kepercayaan oleh kerajaan Arab Saudi untuk menjadi tenaga pengajar di Masjidil Haram (Dulhalim Dinaa, 2000). Sehingga Januari 2020, jumlah Sekolah Pondok yang berdaftar di Malaysia adalah sebanyak 205 buah (Bernama, Sinar Harian, 2020).

Antara institusi pondok yang tersohor di Malaysia di negeri pantai timur seperti Pondok Ad-Diniah Al-Bakriah yang terletak di Pasir Tumbuh, Pondok Lubok Tapah di Pasir Mas, Pondok Sungai Durian di Kuala Krai dan

Pondok Geting di Tumpat. Di negeri-negeri utara pula sekolah pondok beroperasi antaranya ialah Pondok Telaga Panchor di Baling, Pondok Ahmad Nahu di Sik dan Pondok Permatang Nibong di Jitra. Terdapat juga sekolah



pondok yang didirikan di negeri-negeri bahagian selatan Semenanjung seperti di Johor, Negeri Sembilan dan Melaka (Mashyurah et. al, 2015)

Gambar 3: Institusi Pendidikan Pondok

Fungsi dan Peranan Institusi pondok

Institusi pondok di Malaysia memang diiktiraf sebagai sebuah institusi pengajian yang berperanan luas dalam memberi Pendidikan Islam serta membentuk peribadi muslim yang baik dan berakhlak mulia. Para ulama memainkan peranan penting dalam melahirkan pelaja-pelajar yang cemerlang dan berjaya menanamkan semangat cintakan ilmu dan agama. Institusi pondok telah berperanan dalam memartabatkan ilmu agama yang merupakan nilai paling dominan dalam masyarakat Melayu setakat ini. Secara khususnya, institusi pondok berfungsi sebagai:

h) Institut Pengajian Islam: Kurikulum pengajian memfokuskan kepada subjek agama seperti Tauhid, Fekah, Tasawuf, Usul Fekah dan Tarekat Islam menggunakan kaedah guru membaca kitab dan memberi huraian sama seperti kaedah kuliah dan syarahan dalam sistem pendidikan moden. Pondok merupakan institusi pengajian Islam berteraskan iman dan taqwa. Walaupun jadual pengajian di institusi pondok kurang sistematik, namun pelajar tetap wajib menghadiri rutin pengajian yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan pondok (Ahmad Mohd Salleh, 2008). Justeru itu pendidikan pondok bermatlamat mengukuhkan perkara asas dalam kehidupan *aqidah* Islamiyah khususnya perkara Tauhid dan Usuluddin yang memberi jaminan kehidupan dunia dan akhirat.

- ii) **Institut Pembentukan Akhlak:** pemangkin dalam membentuk akhlak dan peribadi pelajar. Pendekatan elemen keagamaan dalam sistem pendidikan pondok membantu dalam proses pemantapan iman pelajar. Pengisian pembelajaran teras agama dan aktiviti kerohanian dapat membina spiritual yang teguh dalam diri pelajar seperti ceramah-ceramah agama, *qiyamullail*, solat berjemaah dan kelas rutin yang wajib dihadiri. Semua aktiviti ini dapat membentuk peribadi muslim yang cemerlang dan secara tidak langsung membantu masyarakat menangani masalah keruntuhan akhlak yang semakin parah. Menurut kajian, institusi pondok juga merupakan satu wadah kepada ibubapa yang berhadapan dengan anak-anak yang bermasalah dengan cara menerima mereka untuk dididik dan mengubah sikap menjadi insan yang berakhlak mengikut syariat (Noornajihan et. al, 2017).
- iii). **Melahirkan Para ilmunan:** Populariti sesebuah institusi pondok adalah bergantung kepada kemahsyuran seseorang guru yang mampu menguasai disiplin ilmu Islam. Penguasaan terhadap ilmu Tauhid, Taswauif, Fekah dan Bahasa Arab menjadikan institusi pondok dapat melahirkan ilmunan dan ulama hebat seperti Sheikh Abdul Malik Abdullah, Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Sheikh Nawawi al-Bantani dan Sheikh Daud al-Fatani. Para pelajar diterapkan dengan kaedah pembelajaran *taqlid* dan hafazan iaitu menerima ilmu yang disampaikan oleh guru tanpa perdebatan dan menghafal untuk *tasmik* sebagai bukti menguasai ilmu yang telah dipelajari. Pelajar yang dapat menguasai ilmu yang disampaikan dengan cemerlang boleh melayakkan mereka menyambung pelajaran di Mekah.


Idea penubuhan Pondok Moden Al-'Abaqirah (PMA) telah dicetuskan oleh Sahibul Samahah Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, mantan Mufti Wilayah Persekutuan untuk melahirkan cendekiawan Islam yang mahir dalam ilmu agama dan ilmu duniawi. Pondok Moden ini telah dirasmikan pada tahun 2015 dan prinsip pembelajaran *abqari* itu ialah kecerdikan yang luar biasa, pantas membuat keputusan, tekun dan teliti dalam sebarang tindakan, memahami hikmah dan *maslahat* (Laman Web Rasmi MAIWP).

3.5 INSTITUSI SIASAH

Sistem *siasah* (politik) merupakan sebahagian daripada Islam yang *syumul*, bagi menguruskan masyarakat dengan peraturan dan tadbir urus yang memberi kebaikan, kemaslahatan serta menjauhi kemudharatan. Sistem siasah yang mengikut syariah akan mewujudkan undang-undang dan pentadbiran berlandaskan agama yang akan menghilangkan segala kemudharatan dan

memenuhi segala keperluan manusia. *Siasah* bermaksud cara pentadbiran dan dasar-dasar pemerintahan sesebuah negara sama ada secara dalaman dan juga hubungan diplomatik dengan negara luar (Kamus Dewan Edisi Keempat m/s 581). Perkataan *siasah* pada sudut bahasa bermaksud mentadbir sesuatu perkara dengan baik atau pemerintah mentadbir urusan rakyat. Para *fuqaha* pula mentakrifkannya sebagai tindakan pemerintah terhadap sesuatu perkara kerana suatu kemaslahatan walaupun tindakan itu tidak mempunyai dalil pada jujuknya (Abdul Jalil Borham, 2013)

Rasulullah SAW sendiri menggunakan kata politik (siyasah) dalam sabdanya yang bermaksud: "Adalah Bani Israil, mereka diurus (siyasah) urusannya oleh para nabi (tasusuhum al-anbiya). Ketika seorang nabi wafat, nabi yang lain datang menggantinya. Tidak ada nabi setelahku, namun akan ada banyak para khalifah". (Hadis Riwayat Muslim: 3429)



Rajah 12: Carta Alir Institusi Pentadbiran dan Pemerintahan Islam

3.5.1 Khilafah

Khilafah dari sudut bahasa bermaksud penggantian, manakala dari sudut istilah pemerintah sebuah negara Islam setelah kewafatan Rasulullah SAW dengan memikul tanggungjawab dan amanah Allah SWT dengan melaksanakan pentadbiran mengikut syariat Islam. (Kamus Pelajar Edisi Keempat). Mereka yang berada dalam sistem khilafah ini digelar sebagai khalifah. Konsep *khalifah* (*leader*) merupakan elemen penting sebagai penggerak kepada pentadbiran yang baik bagi sesebuah negara bagi menjamin kedaulatan dan keberkesanan fungsi negara itu sendiri.

Seorang khalifah perlu menjalankan tanggungjawab dengan sempurna, adil dan memberi manfaat untuk semua kerana rakyat meletakkan kepercayaan kepada pemimpin dalam memelihara hak mereka. Khalifah perlu memahami lanskap tadbir urus negara dengan baik berlandaskan syariat Islam dan tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan untuk kepentingan diri kerana ia merupakan unsur kezaliman kepada hak rakyat (Nurul Hidayawatie, 2017).

3.5.2 Imamah

Khilafah dan *Imamah* merupakan istilah yang sinonim dengan sistem pentadbiran. Menurut Kamus Dewan Bahasa *Imamah* bermaksud pemimpin atau pemerintah sesebuah negara (Dewan Bahasa Edisi Keempat). Sesebuah *daulah* Islamiyyah yang cemerlang perlu dipimpin oleh seorang imam yang melaksanakan syariat Islam. Jemaah yang kuat, teguh dan utuh hasil daripada pimpinan imam yang menunaikan tuntutan syarak sepertimana kepimpinan baginda Rasulullah SAW (Engku Ahmad Zaki, 2007). *Imamah* yang dapat mengikuti metod kepimpinan Rasulullah SAW dengan sempurna, *mahabbah* Allah SWT terhadap mereka dan kepimpinan mereka juga lebih diberkati dan cemerlang (Engku Ahmad Zaki, 2007). Falsafahnya, *imamah* bertanggungjawab terhadap masyarakat dalam memastikan mereka dipimpin dengan baik dan menunaikan hak mereka ke arah keredaan Allah SWT.

3.5.3 Syura

Syura menurut Islam iaitu berkongsi pendapat bersama orang lain tentang sesuatu perkara demi kemaslahatan ummah. Konsep syura amat dituntut dalam Islam bagi pentadbiran negara dan organisasi supaya memperoleh kecekapan, kecemerlangan, keadilan dan kelancaran seperti yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan Hadis nabi. Syura merupakan badan mutlak dalam membina dan menentukan sesuatu keputusan.

Definisi Syura

Syura bermaksud mesyuarat bagi mencapai sesuatu keputusan mengikut suara majoriti (Kamus Dewan Edisi Keempat). Menurut Ibnu Manzur, *syura* adalah untuk menguji dan menganalisis sesuatu perkara untuk mendapatkan kebenaran. Menurut sarjana Islam, *syura* bukan sekadar mesyuarat, bahkan merupakan tempat untuk melontarkan pandangan keahlian mengikut bidang masing-masing, menganalisis, dianalisis dan dinilai bagi mendapat keputusan yang bertepatan dengan syarak. Terdapat beberapa dalil daripada al-Quran dan hadis berkaitan dengan kewajipan melaksanakan *syura* antaranya ialah:

- a) Al-Quran surah Ali-Imran 3: ayat 159 yang bermaksud:
“Dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal keduniaan) itu. Kemudian setelah Engkau berazam (setelah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakal Allah SWT kepada Allah SWT, sesungguhnya Allah SWT SWT mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya”.
- b) Hadis Riwayat Bukari (6328)

“Sesiapa yang membaiah seseorang lelaki tanpa melalui pemesyuaratan dalam kalangan orang-orang Islam, janganlah kamu mengikutinya, iaitu orang yang dibaiah dan orang yang member baiah. Ditakuti kedua-duanya kan dibunuh”

Syarat Menganggotai Majlis Syura

Para sarjana Islam telah mengenalpasti ahli syura berdasarkan amalan Rasulullah SAW seperti berikut:

- a) Seorang yang bersifat adil
- b) Memiliki tahap ilmu yang tinggi terhadap bidang tertentu merujuk kepada kepakaran ilmu dan bidang masing-masing.
- c) Berpengalaman luas dalam membuat sesuatu polisi atau pernah terlibat dengan kepentingan masalah ummah.
- d) Warganegara. Peruntukan ini bermatlamat untuk mengawasi musuh-musuh negara yang berniat untuk menghancurkan Islam dan umatnya.

Peranan Majlis Syura

Konsep syura adalah berperanan menentukan sesuatu keputusan dalam pemerintahan Islam. Beberapa peranan penting syura antaranya:

- a) **Pemilihan Ketua Negara:** Pemilihan ketua negara merupakan tonggak utama sesuatu pemerintahan. Sejarah membuktikan perlantikan khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW melalui kaedah syura, contohnya perlantikan Abu Bakar dan khulafa' al-Rashidin yang lain dan juga perlantikan pembesar zaman Kerajaan Abbasiyah.
- b) **Mendekatkan Rakyat dengan Pemerintah:** Syura melambangkan muafakat antara pemerintah dengan rakyat dan dapat menghindari kuasa veto pemerintah. Syura dihadiri oleh mereka yang pakar dalam pelbagai bidang seperti ahli akademik, ilmuan agama, ahli perniagaan dan sebagainya. Keputusan *musyawarah* adalah untuk kebaikan semua golongan dalam negara dan mewujudkan keharmonian hubungan pemerintah dan rakyat.
- c) **Menegakkan dan Menyebarkan Islam:** Menegakkan agama dalam menguruskan pemerintahan dan perihal keduniaan dengan konsep mesyuarat dan kesepakatan dalam menentukan sesuatu keputusan terhadap segala permasalahan baru yang timbul dalam masyarakat hasil persetujuan ahli majlis.
- d) **Sebagai Penasihat kepada Kepimpinan Islam:** Kepimpinan yang cemerlang terhasil daripada organisasi yang cemerlang. Syura berperanan dalam menasihati pemimpin bagi membuat sesuatu keputusan. Syura menjadi rujukan bagi mendapat pandangan dan perbincangan daripada ahlinya yang terdiri daripada pelbagai kepakaran dan keputusan hasil penelitian bersama.

- e) **Membentuk akhlak mulia dalam kepimpinan:** Konsep syura adalah membuka ruang perbincangan antara ahlinya dan menghormati pandangan antara satu sama lain. Kaedah ini secara tidak langsung dapat mendidik dan membentuk akhlak yang mulia di kalangan ahlinya dan melahirkan pemimpin yang berfikiran terbuka dan mampu menerima kritikan dalam pemerintahan.

3.5.4 Hisbah

Institusi *hisbah* memainkan peranan penting dalam negara Islam bagi mengawasi kemaslahatan masyarakat umum termasuk kegiatan politik, ekonomi dan sosial pada suatu ketika dulu. Sejarah membuktikan, institusi *hisbah* telah berperanan sejak zaman Rasulullah SAW lagi dan terus diamalkan ketika zaman *khulafa' al-Rasyidin*, Kerajaan Bani Umayyah, Kerajaan Abbasiyyah sehingga Kerajaan Turki Usmani. Institusi *hisbah* bertujuan untuk amar makruf dan mencegah kemungkaran yang boleh merosakkan masyarakat (Zulfaqar Mamat, 2010).

Hisbah merupakan elemen yang penting dalam pentadbiran Islam ke arah usaha mengawal individu, masyarakat dan organisasi supaya tidak berlaku pencampuran yang benar dengan yang batil. Pemerintahan dan urus takbir yang berpegang kepada prinsip *hisbah* akan berkembang dengan baik dan cemerlang kerana menjaga kepentingan umum sepertimana janji Allah SWT jaminan keberuntungan dan kejayaan terhadap mereka yang dapat menunaikan hak Allah SWT, hak manusia dan hak bersama (Zulfaqar Mamat, 2010).

Definisi Hisbah

Hisbah berasal daripada kata dasar Bahasa Arab *hasaba* yang bermaksud mengira, menghisab, menghitung, meneliti, meninjau, mencegah dan menahan manusia. Perkataan *hasaba* disebut sebanyak 109 kali dalam al-Quran termasuk kata-kata terbitannya yang membawa maksud mengira menghitung dan menilai.

Hisbah dari sudut istilah bermaksud menyuruh untuk melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Menurut Ibnu Khaldun, *hisbah* adalah perintah melakukan makruf dan mencegah kemungkaran. Konsepnya melaksanakan *hisbah* merupakan teras dalam pengurusan dan pentadbiran Islam bagi mengajak masyarakat melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran serta mendapat keredaan Allah SWT. Imam al-Ghazali mentakrifkan *hisbah* sebagai suatu ibadah dalam melaksanakan *amar makruf nahi mungkar*. Melaksanakan hisbah menjadi tanggungjawab setiap individu

muslim yang mukalaf sama ada bagi pemegang kekuasaan yang dilantik oleh kerajaan atau orang awam. Dalil hibah:

a) Al-Quran

“Dan hendaklah ada di antara satu golongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada makruf dan mencegah yang mungkar, merekalah orang-orang yang beruntung”. (Surah Ali ‘Imran 3: 104)

b) Hadis

“Siapa di antara kamu melihat kemungkaran, maka hendaklah ia merubahnya dengan tangannya (kuasa yang ada padanya). Jika ia tidak mampu (merubah dengan tangannya) maka (hendaklah merubah) dengan lidahnya. Jika tidak mampu (merubah dengan lidahnya) maka hendaklah dengan hatinya, dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman”. (Hadis Riwayat Muslim: 70)

Rukun Hisbah

Hisbah merupakan aspek penting dalam pengurusan Islam dan menjadi kayu ukur terhadap pentadbiran itu sendiri (Abdul Qahhar Ibrahim.et.al, 2017). *Hisbah* mempunyai empat rukun yang terdiri daripada *muhtasib*, *muhtasab alaih*, *muhtasab fih* dan *ihtisab*.

- a) *Muhtasab*: pegawai penguatkuasa yang menjalankan tugas hisbah sama ada dilantik secara rasmi oleh pemimpin atau tidak dilantik.
- b) *Muhtasab alaih*: golongan yang disabitkan hisbah tanpa pengecualian atas kesalahan yang dilakukan. Ini merupakan wasilah untuk menyuruh manusia berbuat kebaikan apabila nyata ia ditinggalkan dan melarang daripada kemungkaran apabila nyata perbuatan itu dilakukan.
- c) *Muhtasab fih*: perkara yang menjadi fokus kepada *hisbah* iaitu *amar makruf dan nahi mungkar*. Perkara yang disabitkan *hisbah* ke atasnya yang melibatkan hak-hak Allah SWT dan hak-hak manusia sama ada secara individu atau hak bersama.
- d) *Ihtisab*: tindakan yang dikenakan ke atas mereka yang disabitkan dengan hisbah. Hukuman adalah secara berperingkat iaitu bermula dengan yang ringan seperti memberi teguran sehingga kepada hukuman yang lebih berat seperti sebatan dan sebagainya. *Ihtisab* bertujuan sebagai pengajaran kepada pelaku dan masyarakat bahawa setiap kemungkaran yang dilakukan akan mendapat hukuman yang setimpal di dunia dan akhirat.

Institusi Hisbah
di Malaysia



Peranan dan Bidang Tugas Institusi Hisbah

Pelaksanaan prinsip-prinsip *hisbah* membawa kepada urus tadbir yang baik dalam negara dan seterusnya kerajaan akan berfungsi dengan cekap dan

amanah. Sistem pengurusan hisbah menurut Islam adalah berasaskan paradigma tauhid iaitu falsafah yang lengkap berhubung kehidupan manusia. Peranan dan bidang kuasa hisbah seperti berikut:

- a) **Perkara yang Berkait dengan Hak-hak Allah SWT:** Pengurusan Islam mestilah berpegang bahawa Allah SWT adalah pencipta dan manusia hanya sebagai khalifah yang dilantik oleh Allah SWT untuk menunaikan hak-hakNya. Pengurusan Islam bersifat *holistic* dan *universal* menggunakan pemikiran manusia yang perlu berlandaskan al-Quran dan Hadis termasuk perkara makruf merangkumi semua ibadah wajib seperti solat, puasa, zakat dan haji manakala perkara berkaitan mencegah kemungkaran terdapat tiga bahagian iaitu, mencegah dengan tangan, mencegah dengan lidah dan mencegah dengan hati. Dalam perkara yang berkaitan dengan ibadah, syariah dan akhlak seperti meninggalkan solat dan puasa dengan sengaja (ibadah), *ikhtilat* (tegahan), zina dan riba (munakahat dan muamalat). Muhtasib perlu mengawasi mereka di bawah jagaannya dengan memberi teguran, nasihat dan mengambil tindakan jika disabitkan.
- b) **Perkara yang Berkaitan dengan Hak-hak Manusia:** *Hisbah* bermatlamat untuk membentuk masyarakat yang berakhlak mulia dan mampu menjauhi kemungkaran yang mendatangkan kemurkaan Allah SWT. *Muhtasib* perlu menangani masalah awam yang berbangkit yang membawa kemudaratan kehidupan bermasyarakat. Menegakkan makruf yang terbahagi kepada dua iaitu hak umum dan hak khusus. Hak umum merujuk kepada kemaslahatan umum seperti masalah sistem perparitan bagi mengelakkan banjir dan hak khusus pula merujuk kepada masalah individu seperti hutang. Mencegah kemungkaran pula merujuk segala perkara yang membawa kesulitan kepada masyarakat perlu dicegah dan dilarang oleh *muhtasib* seperti rasuah, menipu dalam perniagaan, mencero bohi hak jiran dan culas ketika menjalankan tugas (Zulfaqar Mamat, 2010).
- c) **Perkara yang Berkaitan dengan Hak-hak Bersama:** Pelaksanaan *hisbah* penting dalam usaha mewujudkan suasana masyarakat yang harmoni dan sejahtera yang menguruskan hal ehwal Islam berkaitan kehidupan di dunia dan juga menitik beratkan balasan di akhirat kelak. Perkara makruf merujuk kepada hak bersama seperti membela kucing dan meletakkannya di dalam sangkar supaya tidak mendatangkan kesulitan kepada jiran tetangga. Mencegah kemungkaran dalam keperluan bersama pula seperti melarang tularan berita yang belum sahih kerana boleh mengundang fitnah dan mengaibkan manusia.



Gambar 4: Badan Hisbah di Malaysia

Kesimpulan



Islam adalah agama yang syumul dan universal. Segala panduan yang telah ditentukan dalam agama sekiranya dapat dilaksanakan dengan baik, akan memberi manfaat yang banyak dan dapat menyelesaikan pelbagai kemudharatan dalam masyarakat. Sikap manusia yang enggan menjadikan agama sebagai panduan dalam segala urusan dunia sama ada politik, ekonomi dan sosial, natijahnya kehidupan manusia kucar kacir dan jauh menyimpang daripada syariat sebenar. Kegemilangan dan kecemerlangan masyarakat yang berpegang teguh kepada syariat akan mendapat rahmat dan keredaan Allah SWT.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada **Ustazah Nor Wahida binti Dzalihu'zzabir** (Cuti belajar PhD Universiti Malaya) dan **Ustazah Hasani binti Ghazali** (kini bertugas di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam) atas sumbangan sebagai antara penulis Topik 3 dalam cetakan pertama buku Pengajian Islam

Rujukan



- Abdul Jalil Borhan. 2013. *Konsep Siyasaah Syar'iyah dan Pelaksanaannya dalam Konteks Malaysia*, Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
- Abdul Qahhar Ibrahim, Abdul Ghafar, Hj. Don & Muhammad Faisal Abdullah Alwi Haji Hassan. 1995. *Sistem Nilai dalam al-Imarah*. Jurnal Usuluddin Universiti Malaya, volume 2 1995, 117-129
- Abdullah Alwi Hassan. 2005. *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi di Malaysia*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ab. Mumin Ab. Ghani. 1999. *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Publications & Distributors Sdn Bhd
- Adam Drahrman dan Suhaimi Ab. Rahman. 2019. *Konsep Aplikasi Hisbah dalam Perniagaan Produk Halal*. Jurnal of Fatwa
- Ahmad Mohd Salleh. 2008. *Pengajian Agama Islam & J-QAF Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.


- Ahmad Redzuan Mohd Yunus. *Tasawwur Kepimpinan Islam*. Jurnal Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amiruddin Ruskam al-Dawany. 2008. *Falsafah dan Fungsi Masjid dalam Islam dalam "Fungsi dan peranan Masjid dalam*
- Asha'ari. 2017. *Konsep Hisbah dan Pengurusan Hal Ehwal Islam MAIS, JAIS Negeri Selangor Darul Ehsan*. Jurnal AL-ANWAN, Persatuan Bekas mahasiswa Islam Timur (PBMITT) volume 3, June 2017, 51-66
- Asmah Haji Ali, Cik Hashim Mat Said. 2008. *Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari dalam "Fungsi dan peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari"* ed. Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi, Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azrin Ibrahim. 2015. *Kepentingan Hisbah dan Amalannya di Malaysia*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Bil. 11 (Edisi Khas) 2015.
- Dinna, Dulhalim. 2000. *Kajian Bentuk Pendidikan dan Pengurusan Sistem Pondok di Daerah Chana Selatan Thailand (1918-1995)*. Tesis Master USM.
- Engku A. Zaki Engku Alwi. 2007. *Definisi Ahli al-Sunnah wal al-Jamaah: Satu Analisis*. Jurnal Usuluddin, Universiti Malaya, volume 25 2007, 125-143.
- Hashim Fauzy Yaacob. 2008. *Fungsi Masjid dalam Islam dalam Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari* ed. Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi, Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia. <https://muftiwp.gov.my/En/Artikel/Al-Afkar/898-Apa-Yang-Boleh-Dibuat-Bila-Ada-Ahli-Keluarga-Non-Muslim-Meninggal-Dunia> di akses pada 22 Jan 2021.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur. *Sistem Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., H. 105.
- Mashurah Mohammad Rawi, Harun Baharuddin, Maimun Aqsa Lubis, Siti Aisyah Romli. 2015. *Institusi Pondok dalam Sistem Pendidikan Pondok di Malaysia*, Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi. *Masyarakat Hadhari"* ed., Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Zaim Ismail, Anitha Rosland Mohammad Taquiuddin Mohamad & Nor Hanani Ahmad. 2015. Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-194 dan Ke-195 *Perbankan Islam di Malaysia: Tinjauan Strategi Pengukuhannya*. Labuan E-Journal of Muamalat and Society, Universiti Malaya.
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. 2011. Undang-undang Kewangan Malaysia Akta Takaful 1984 dalam e-Muamalat.Islam. gov.my diakses pada 24 Januari 2021
- Mohd Fadzli Yusof. 1996. *Takaful Sistem Insurans Islam Siri Pengurusan dan Perniagaan*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Mohd Ismail Mustari, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi, Ajmain @ Jimain Safar & Azhar Muhammad. 2017. *Membangun Institusi Masjid sebagai Sebuah Institusi Pendidikan Islam dan Masyarakat*. Tinta Artikulasi Membina Ummah volume 3, number 2 2017,46-58
- Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi. 2014. *An Overview on Implementation of Ar-Rahnu in Malaysia*. Skudai Johor: Universiti Teknologi Mara
- Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Kamaruddin Salleh. 2016. *Cabaran Institusi Hisbah dalam Dunia Kontemporari serta Usaha-usaha bagi Memperkasakannya*. Jurnal Ilmi Jilid 6 2016, 55-68.
- Mustofa Haji Daud. 2002. *Tamadun Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Nik Omar Nik Abdul Aziz. 2019. *Konsep Rahmah dalam Kehidupan Masyarakat Majmuk*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur. Management and Research (JFatwa) Universiti Sains Islam Malaysia, volume 18 No 1 2019
- Noor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man. 2016. *Pemeriksaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari*, Melaka: Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Noornajihan Jaafar, Zulkiple Abd Ghani, Siti Rugayah Tibek, Amir Husin Mohd Nor, Setiyawan Gunardi, Noor Azizi Ismail, Ramiaida Darmi, Saazai Mat Saad, Mohd Muzhafar Idrus, Hazlina Abdullah, Maziahtu Sima Ishak, Hayati Ismail & Adibah Sulaiman. 2017. *Cabaran Institusi Pendidikan Pondok Serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar*. Journal of Islamic, Social, Economic and Development, Universiti Sains Islam Malaysia, volume 2 issue 6, December 2017, 223-235.
- Norain Mat Lazim & Nooriah Yusof. 2012. *Universiti, Pembangunan Modal Insan dan Ruang Penumpuan Komuniti Pendidikan Tinggi di Malaysia: Suatu Ulasan Kritis*. Jurnal of Social Sciences and Humanities, Volume 7, number 2 2012, 308-327.
- Nordin Kardi. 2011. *Konsep Universiti dan Aplikasinya di Malaysia*, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nur Hayati Rasmin & Ruzian Markom. 2014. Prosiding Perkem Ke-9 (2014) 561 – 570, ISSN: 2231-962x
- Nurul Hidayawatie binti Mustaffa. 2017. *Sistem Khalifah Islamiyyah: Analisis Perbandingan antara Pemikiran Al-Mawardi dan Al-Maududi*, Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Syarifah Md. Yusof. 2005. "Pajak Gadaai Islam: Sistem yang Adil dan Telus", *Dewan Ekonomi*, Mac 2005, H. 46; Mustafa Dakian
- Zulfaqar Mamat. 2010. *Institusi Hisbah dan Peranannya dalam Mengawal Kegiatan Ekonomi Negara Islam*. Jurnal Muamalat Bil 3, 2010.

5. Apakah fungsi Bank Negara Malaysia dalam industri kewangan Islam di Malaysia?
- Menyediakan khidmat simpanan dan pelaburan kepada pelanggan.
 - Menyediakan khidmat nasihat berkaitan simpanan dan pelaburan.
 - Menyelaras dan kawal selia keseragaman pentafsiran syariah dan pentadbiran kewangan Islam.
 - Menyelaras dan kawal selia keseragaman logo korporat dan pengurusan pekerja dalam pentadbiran kewangan Islam.
6. Apakah fungsi perbankan Islam di Malaysia?
- Menyediakan khidmat perlindungan diri, keluarga dan harta kepada pelanggan.
 - Menyediakan khidmat bantuan dan nasihat dalam pengurusan harta kepada pelanggan.
 - Menyediakan khidmat deposit, pembiayaan dan pelaburan kepada pelanggan.
 - Menyediakan khidmat jaminan keuntungan yang berpanjangan dalam kewangan kepada pelanggan.
7. Manakah antara berikut merupakan syarat barang gadaian?
- Barang gadaian tidak terhad dalam milikan individu tersebut sahaja.
 - Barang gadaian adalah berbentuk manfaat.
 - Barang gadaian bebas kepada semua kategori barang samada bernilai atau tidak.
 - Barang gadaian perlu jelas jenis, kadar dan sifatnya kepada penerima gadaian.
8. Apakah masjid pertama yang dibina oleh Rasulullah SAW dalam peristiwa hijrah baginda dari kota Mekah ke kota Madinah?
- Masjid Nabawi
 - Masjid Quba'
 - Masjid al- Mirbad
 - Masjid Kufah
9. Namakan tempat pengajian yang dibina berhampiran masjid bagi kegunaan para penuntut ilmu
- Serambi
 - Anjung
 - Al- Suffah
 - Madrasah

b) Pusat pembangunan modal insan.

3. Sila jawab teka silangkata berikut:



Melintang:

4. _____ merupakan institusi pajak gadai Islam.
6. Zakat juga dapat mewujudkan _____ dan perpaduan.
7. _____ yang wajib dikeluarkan zakat ialah emas, perak, wang perniagaan, galian, buah-buahan, bijian dan binatang ternakan.
8. Zakat adalah bukti keimanan dan penyucian _____.
10. _____ adalah antara produk kewangan Islam yang berfungsi untuk memberi jaminan perlindungan dan keselamatan kepada individu atau kumpulan masyarakat yang ditimpa musibah.

Ke bawah:

1. _____ adalah aset cagaran/ barang gadaian dalam rukun ar-rahnu
2. _____ merupakan rukun Islam yang kelima.
3. Zakat juga bermatlamat untuk membina _____ yang baik dan bertimbang rasa.
5. _____ adalah kontrak/penawaran/penerimaan dalam rukun ar-rahnu.
9. Zakat dapat meningkatkan pengurusan dan pembangunan ekonomi negara

Silibus Versi: 03102023_1_Efektif: Sesi_II_2023/2024

CLO2: Pelajar dapat menghubungkan minda ingin tahu dengan Islam dan cabaran semasa di Malaysia (A4: Mengorganisasi Nilai) (CLS3F: Kemahiran Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab)

Pentaksiran: Tugas e-Folio (20 Markah)

TOPIK 4: INSTITUSI ISLAM

4.0 PENGENALAN

4.1 KERUNTUHAN AKHLAK

- 4.1.1 Gejala Keruntuhan Akhlak
- 4.1.2 Cabaran Pembinaan Akhlak Masa Kini

4.2 PEMBANGUNAN ALAM SEKITAR

- 4.2.1 Konsep Pembangunan Menurut Islam
- 4.2.2 Faktor Pembangunan dalam Islam
- 4.2.3 Panduan dalam Pembangunan
- 4.2.4 Matlamat Pembangunan dalam Islam
- 4.2.5 Konsep Alam Sekitar

4.3 SAINS, TEKNOLOGI DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

- 4.3.1 Sains dan Teknologi Menurut Islam
- 4.3.2 Definisi Teknologi
- 4.3.3 Definisi Teknologi Maklumat
- 4.3.4 Kepentingan Sains dan Teknologi
- 4.3.5 Panduan Islam tentang Sains, Teknologi dan ICT

4.4 GLOBALISASI

- 4.4.1 Konsep Globalisasi
- 4.4.2 Cabaran Globalisasi

4.5 SALAH FAHAM TERHADAP ISLAM

- 4.5.1 Sekularisme
- 4.5.2 Liberalisme
- 4.5.3 Pluralisme
- 4.5.4 Islamofobia

4.6 RADIKALISME DAN EXTREMISME DALAM BERAGAMA

- 4.6.1 Radikalisme
- 4.6.2 Extremisme
- 4.6.3 Gerakan Islam yang Ektrem dan Radikal

4.7 PENYELEWENGAN AKIDAH DAN AJARAN SESAT

- 4.7.1 Ciri-ciri Penyelewengan Akidah dan Ajaran Sesat Secara Umum
- 4.7.2 Implikasi Penyelewengan Akidah dan Ajaran Sesat
- 4.7.3 Langkah Menangani Penyelewengan Akidah dan Ajaran Sesat

Kesimpulan

Rujukan

Latihan Pengukuhan

TOPIK 4: ISLAM DAN CABARAN SEMASA

Mastura Mamat (Penulis)

Jamalizamani Jamaluddin (Penulis & Penyemak)

Muhamad Naim Abdul Halim (Penulis dan Penyemak)

Abdul Aziz Othman (Penulis dan Penyemak)

4.0 PENGENALAN

Islam tidak pernah sunyi dari cabaran sejak awal kemunculannya. Apa yang membezakan cabaran ini adalah jenis dan tahap cabaran mengikut zaman. Berada di zaman globalisasi ini kita berhadapan dengan cabaran dari pelbagai sudut. Kekuatan iman dan kewarasan akal fikiran adalah perkara yang boleh menjadi benteng penghalang untuk menangkis segala cabaran yang diterima.

4.1 KERUNTUHAN AKHLAK

Sebagaimana perbincangan dalam bab sebelum ini, akhlak merupakan hasil dari kekuatan akidah dan pelaksanaan syariat. Namun, gejala keruntuhan akhlak yang berleluasa kini membuktikan bahawa akidah dan syariat masyarakat kita sedang sakit. Oleh itu, aspek akhlak ini perlu diberi penekanan oleh manusia kerana ia sangat ditekankan dalam agama. Aspek ini dibuktikan melalui perutusan Rasulullah SAW dalam menyempurnakan akhlak yang mulia seperti sabda baginda yang bermaksud:

“Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak” (Hadis Riwayat Ahmad, 8952)

4.1.1 Gejala Keruntuhan Akhlak

Rajah di bawah, menunjukkan gejala keruntuhan akhlak yang berlaku dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2018 telah menunjukkan fenomena keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat di Malaysia mengikut kategori.



Rajah 13: Gejala Keruntuhan Akhlak

Kategori jenayah akhlak yang berlaku di Malaysia ditunjukkan secara terperinci dalam jadual di bawah yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 25 November 2021.

Jadual 21: Statistik Jenayah Tahun 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia)

Kategori	Jenis Jenayah	Jumlah Kes
Jenayah kekerasan	Bunuh	253
	Rogol	1582
	Samun	7326
	Mencederakan	4118
Jenayah harta benda	Pecah rumah	14040
	Kecurian kenderaan	21579
Jenayah kesalahan rasuah	Menerima rasuah	310
	Tuntutan palsu	107
	Memberi rasuah	240
	Salah guna kedudukan	98
	Lain-lain	102
Jenayah siber	Keseluruhan	20805

4.1.2 Cabaran Pembinaan Akhlak Masa Kini

Pembinaan akhlak pada masa kini semakin mencabar, seiring dengan perkembangan teknologi seperti penggunaan media sosial telah memberi impak yang besar terhadap masalah keruntuhan akhlak jika tidak dibendung. Hal ini berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada beberapa kajian sekitar tahun 2018 dan 2019 yang telah dilaksanakan, antaranya adalah beberapa isu seperti:

1. Jenayah berat (bunuh dan ragut)
2. Gejala rasuah
3. Mengambil barang terlarang (Penagihan dadah/ pil extacy dll)
4. Pelacuran, perzinaan dan pembuangan bayi
5. Kesopanan dan kesusilaan
6. Gejala keruntuhan akhlak di alam maya (media sosial)

Jenayah Berat

Ragut dan bunuh adalah antara jenayah berat yang semakin meningkat pada masa kini. Kedua-dua jenayah ini semakin serius kerana dapat membawa kepada kehilangan nyawa. Jenayah ini melibatkan masyarakat tanpa mengira umur. Kes rogol dan bunuh juga menunjukkan tahap peningkatan yang tinggi di Malaysia kini. Ini jelas seperti yang dipaparkan dalam statistik jenayah Malaysia 2022 berikut:



Gejala Rasuah

Gejala rasuah yang tinggi melambangkan tahap moral sesebuah masyarakat atau negara. Negara yang tinggi kadar rasuahnya dengan jelas menggambarkan betapa rendahnya moral serta jati diri negara bangsa tersebut. Bagi menilai tahap keseriusan gejala rasuah Indeks Persepsi Rasuah telah dibangunkan dalam memberi *indicator* yang sebenar terhadap gejala ini. Berdasarkan indeks tersebut bagi tahun 2021, kedudukan Malaysia berada di tangga ke-62 daripada 180 negara, berbanding tahun 2020 iaitu pada kedudukan 57.

Malaysia mencatat 4.7 mata indeks di mana 10 mata indeks menunjukkan negara yang bersih daripada rasuah dan sifar menggambarkan keadaan yang sebaliknya. Berdasarkan indeks tersebut, New Zealand mendapat tempat teratas dengan 9.5 mata indeks manakala Somalia merupakan negara di tempat terakhir 1.0 mata indeks. Apa yang menyedihkan lagi ialah tidak ada satu pun negara Islam yang tersenarai untuk sepuluh tempat teratas. Kedudukan terbaik dalam kalangan negara Islam diperolehi Qatar dengan kedudukan keseluruhan pada tangga 22 dengan 7.2 mata indeks.



Mengambil Barang Terlarang (Penagihan dadah/ pil extacy dan sebagainya)

Pengambilan dadah merupakan satu kesalahan yang besar dalam agama. Kesan daripada pengambilan dadah ini membawa kepada keruntuhan dalam keluarga, organisasi dan sebagainya. Menurut laporan pada tahun 2018, terdapat seramai 17,474 orang penagih baru dikesan, bagi tahun sebelumnya 2017 ialah seramai 18,440 orang. Data ini menunjukkan penurunan sebanyak 5%. Walaupun berlaku penurunan dalam peratusan namun bilangan penagih

dadah masih berada pada tahap yang amat membimbangkan. Statistik menunjukkan bahawa masalah ini perlu ditangani secara berterusan. Bilangan penagih yang tinggi ini menunjukkan bahawa penghayatan agama perlu ditekankan dalam kehidupan masyarakat pada hari ni.



Perzinaan dan Pelacuran

Zina adalah satu perkara yang dilarang oleh Islam. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah Al-Isra' ayat 32 bermaksud:

"Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk".

Normalisasi zina dan perkara yang membawa kepada zina adalah satu dosa besar dan memberi kesan yang buruk terhadap masyarakat. Zina boleh membawa implikasi kepada wujudnya anak-anak tidak sah taraf, isu pembuangan bayi dan merebaknya pelbagai penyakit merbahaya seperti HIV/AIDS. Tidak syak lagi, apabila zina telah berleluasa, maka institusi kekeluargaan Islam akan turut hancur. Allah SWT telah menjelaskan implikasi zina dalam dalil sebagaimana Sabda Rasulullah SAW daripada Maimunah RA: maksudnya:

"Umatku (ini) akan terus berada dalam kebaikan selama tidak tersebar luas anak zina di kalangan mereka. Apabila anak zina tersebar luas di kalangan mereka, maka hampir sahaja Allah SWT 'Azza wajalla akan menurunkan azab siksa kepada mereka seluruhnya".

Masalah pembuangan bayi bukanlah satu perkara baru berlaku. Zina turut menyumbang kepada gejala pembuangan bayi. Desakan hawa nafsu manusia yang terlibat dalam aktiviti perzinaan kesan pergaulan bebas yang berleluasa pada masa kini. Implikasi daripada masalah ini kerajaan telah meminda beberapa akta termasuk Kanun Keseksaan yang membawa kepada hukuman mati mandatori terhadap pesalah yang menyebabkan kematian bayi yang dibuang. Statistik pembuangan bayi di Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara pada tahun 2019



menunjukkan sebanyak 500,000 sivil kelahiran didaftarkan sebagai 'anak tidak sah taraf'.

Terhakis Nilai Kesopanan dan Kesusilaan


Dalam Islam kesopanan dan kesusilaan merupakan prinsip yang sangat ditekankan oleh agama kerana dapat membentuk akhlak yang baik. Oleh itu, dalam sesebuah institusi keluarga, prinsip kesopanan dan kesusilaan telah dimulakan sejak anak-anak itu masih kecil melalui peranan ibu bapa. Contohnya dari segi adab dengan orang tua, adab ketika makan, adab ketika tidur dan sebagainya.

Dalam masyarakat tradisional, hubungan antara ahli masyarakatnya adalah begitu erat. Dalam sesebuah kampung misalnya, setiap orang di kampung itu saling kenal-mengenal. Sikap tolong-menolong, saling mengambil berat antara satu sama lain. Perhubungan sebegini erat secara tidak langsung menjadi satu bentuk kawalan sosial yang dapat memelihara tingkah laku ahli masyarakatnya. Suatu perbuatan yang melanggar norma dan nilai masyarakat kampung tersebut akan cuba dielakkan kerana perbuatan ini, akan mencemarkan nama diri sendiri malah nama baik keluarga.

Kini, dalam persekitaran hidup yang telah mengalami proses urbanisasi dan kesan globalisasi, perkara-perkara yang disebut di atas amat sukar ditemui. Kehidupan bermasyarakat sudah menjadi janggal, hilang rasa malunya, anak gadis keluar rumah bersama teman lelaki sudah menjadi perkara biasa, rumah jagaan orang tua tumbuh bagaikan cendawan kerana anak-anak menyisihkan mereka. Jika dulu guru dihormati dan disanjung, kini guru takut untuk melaksanakan denda biarpun pelajar tersebut sememangnya bersalah.

Gejala Keruntuhan Akhlak di Alam Maya (Media Sosial)

Kerancakkan perkembangan media sosial masa ini, dengan wujudnya pelbagai aplikasi yang menjadi trend masyarakat kini menyumbang kepada keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat. Penyalahgunaan media sosial telah membawa peningkatan isu-isu keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat. Sebagai contoh, penyebaran fitnah, aksi mencolok mata, berita palsu dan lain-lain yang boleh mengelirukan masyarakat. Istilah *Keyboard Warrior* yang wujud dalam media sosial telah berselindung di sebalik identiti palsu dalam mengelirukan pandangan umum. Selain itu, aksi kaum wanita yang



mempamerkan tingkah laku yang bertentangan yang bertentangan dengan syariat seperti mendedahkan aurat dan tarian yang melampaui batas dalam medium aplikasi sosial terkini seperti *TikTok*, *Instagram*, *Twitter* dan sebagainya. Keghairahan masyarakat menggunakan aplikasi terkini yang sedang berkembang pesat telah mengakibatkan mereka lupa keutamaan memelihara akhlak seperti yang di perintahkan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan baginda Rasulullah SAW melalui hadis.

4.2 PEMBANGUNAN ALAM SEKITAR

4.2.1 Konsep Pembangunan Menurut Islam

Pembangunan dalam Islam bermaksud membuat perubahan dan peningkatan terhadap taraf hidup, pengabdian, perilaku, fikiran dan daya intelek. Pembangunan perlu menggabungkan aspek fizikal dan kerohanian untuk menghasilkan kesejahteraan dan kemakmuran kepada manusia secara seimbang. Kesejahteraan dapat dicapai melalui kepatuhan dan penghayatan agama, manakala kemakmuran dapat dicapai melalui kegigihan dalam menjalani pelbagai aktiviti ekonomi. Tugas manusia sebagai khalifah Allah SWT di atas muka bumi ini merupakan satu amanah yang dipertanggungjawabkan iaitu untuk memelihara dan memakmurkan alam.

4.2.2 Faktor Pembangunan dalam Islam

Pembangunan merupakan satu perkara yang lumrah dan tetap berlaku disebabkan keperluan dan kehendak manusia. Lumrah atau fitrah tidak bertentangan dengan Islam kerana ia merupakan agama yang memenuhi fitrah manusia. Berikut adalah faktor keperluan dan kehendak manusia:


Jadual 22: Faktor Pembangunan dalam Islam

FAKTOR KEPERLUAN DAN KEHENDAK MANUSIA
Keperluan hidup bersama (kolektif) di sesuatu kawasan. Dengan kehidupan terfokus di satu kawasan atau daerah. Pembangunan wujud untuk memenuhi keperluan-keperluan asas. Daripada kehidupan kekampungan, ia berpindah kepada kehidupan perbandaran seperti yang berlaku dalam sejarah Islam dan dunia hari ini.
Keperluan lokasi untuk segala aktiviti bersama seperti pentadbiran, pendidikan dan ekonomi memerlukan lokasi untuk beroperasi. Keperluan lokasi yang terbatas dan operasi yang tidak terbatas menyebabkan pembangunan wujud untuk memenuhi aktiviti tersebut.
Pertambahan populasi penduduk dan kekurangan sumber untuk kelangsungan hidup. Pertambahan populasi penduduk negara dan dunia menyebabkan kekurangan sumber makanan dan beberapa keperluan lain. Hal ini menyebabkan kerajaan

memikirkan teknik baru ekonomi tentang penggunaan tanah, hutan, air dan sebagainya sebagai contoh teknik pengairan moden, empangan, penanaman dua kali setahun dan lain-lain.
Kemajuan terhadap pendidikan dan pemikiran memberikan kesan terhadap pembangunan. Sistem perbandaran, pos dan seni bina seperti terdapat pada awal sejarah Islam dan dunia semasa melambangkan perubahan tahap pendidikan dan pemikiran sesebuah bangsa atau masyarakat.
Kemajuan sains dan teknologi banyak membantu menyelesaikan pelbagai permasalahan manusia dan untuk memenuhi tuntutanNya. Allah SWT mencipta alam ini dengan pelbagai bahan seperti bahan galian emas, tembaga, perak dan juga mencipta satu sistem alam atau ekosistem untuk memenuhi keperluan sains dan teknologi. Contohnya, sains tentang udara dan air menjayakan teknologi perkapalan dan penerbangan.
Keperluan kemudahan komunikasi yang lancar penting dalam kehidupan manusia. Antara hasil pembangunan daripada komunikasi adalah pembinaan jalan raya, penyediaan pengangkutan awam dan lain-lain.
Globalisasi dan persaingan menyebabkan dunia menjadi satu perkampungan besar dan menjadikan setiap negara bersaing antara satu sama lain untuk meningkatkan keupayaan ekonomi masing-masing.

4.2.3 Panduan dalam Pembangunan

Konsep pembangunan dalam Islam bersifat komprehensif, iaitu meliputi aspek akhlak, kerohanian dan kebendaan. Penekanan pembangunan akan digerakkan untuk mengoptimalkan kesejahteraan manusia dengan tidak meninggalkan mana-mana dimensi berikut sama ada akhlak, kebendaan, kerohanian, fizikal, ekonomi dan sosial. Batas pembangunan fizikal terletak pada keperluan atau kehendak manusia namun perlu menepati acuan Islam supaya menghasilkan pembangunan yang memberi manfaat kepada seluruh masyarakat. Pembangunan fizikal dalam Islam boleh dipelbagaikan atau dikategorikan seperti berikut:



Rajah 14: Panduan Pembangunan'

Pembangunan fizikal perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam syariat Islam. Pembangunan fizikal perlu berteraskan keutamaan yang digariskan dalam Islam iaitu:

1. Memelihara atau menjaga *dharuriat* atau keperluan kritikal dan perlu diutamakan. *Dharuriat* boleh melibatkan lima perkara iaitu:
 - a) **Agama:** Pembangunan fizikal perlu seiring dan tidak menjejaskan kesucian Islam.
 - b) **Tanah air:** Pembangunan fizikal menjejaskan ekonomi serta keselamatan negara sebagai tanda kedaulatan negara.
 - c) **Nyawa:** Pembangunan fizikal tidak memudaratkan nyawa individu atau orang awam.
 - d) **Akal:** Pembangunan fizikal tidak menjejaskan kewarasan akal. Penggunaan pil ectasi, penyalahgunaan dadah serta pembudayaan minuman keras menggugat kesejahteraan akal.
 - e) **Keturunan:** Pembangunan fizikal tidak mengundang perzinaan dan kelahiran bayi luar nikah.
2. *Hawa'ij* atau keperluan untuk kelangsungan hidup. Selepas keutamaan *dharuriat*, pembangunan fizikal perlu memberikan ruang terhadap orang awam untuk meneruskan kelangsungan hidup dengan wujudnya pelbagai peluang pekerjaan.
3. *Tahsiniat* atau keperluan kepada kemudahan-kemudahan dan sebagainya. Pembangunan fizikal tidak statik tetapi perlu bersifat dinamik untuk memenuhi keperluan dan kemudahan manusia dalam aspek-aspek seperti komunikasi dan sebagainya.

4.2.4 Matlamat Pembangunan dalam Islam

Dalam Islam, pembangunan bermatlamat untuk membawa manusia ka arah satu tamadun yang lengkap, aman dan damai, manifestasi daripada ajaran Islam itu sendiri. Matlamat pembangunan dalam Islam adalah seperti berikut:

1. **Pembangunan peribadi dan keupayaan manusia.** Dapat menyumbang tenaga serta buah fikiran yang bersih dan mantap ke arah pembangunan.
2. **Menghasilkan keluaran yang bermanfaat.** Keluaran bermanfaat termasuklah makanan dan benda asasi mesti mampu dibeli oleh orang miskin dan berpendapatan rendah.
3. **Meningkatkan kualiti kehidupan.** Boleh dicapai dengan tiga cara iaitu:
 - a) Mewujudkan peluang pekerjaan mengikut pengubahsuaian institusi, teknologi, pelaburan dan pendidikan.
 - b) Melaksanakan jaminan sosial secara meluas khususnya kepada golongan yang tidak/ kurang upaya contohnya melalui zakat.

- c) Pengagihan pendapatan dan harta wajib dilakukan secara adil supaya dapat merapatkan jurang ketidaksamaan yang berlaku dalam kalangan masyarakat.
4. **Mencapai pembangunan yang seimbang.** Pembangunan tanpa sempadan (desa atau bandar), taraf hidup (miskin atau kaya) dan lain-lain untuk mengelakkan ekonomi dualisme dan dapat mengeratkan perpaduan.
 5. **Membangunkan teknologi yang sesuai.** Teknologi mestilah sesuai dengan persekitaran tempatan, iaitu sesuai dengan keperluan atau aspirasi negara Islam.
 6. **Mengurangkan pergantungan dengan negara luar.** Supaya dapat mengelakkan kerugian negara. Sejarah membuktikan sistem Kapitalisme dan barat telah meruntuhkan sistem ekonomi Islam, politik dan sosial.
 7. **Mengintegrasikan pembangunan moral, kerohanian dan agama dengan pembangunan kebendaan.** Pembangunan Islam mengamalkan *Hasanah fiddunya, hasanah fil akhirah* atau bermaksud kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat serta keseimbangan dalam segala perkara termasuklah dalam konsep pembangunan yang bertunjangkan aspek pembangunan rohani dan jasmani.

4.2.5 Konsep Alam Sekitar


Alam sekitar merujuk semua fenomena yang berlaku di sekeliling alam yang memberi impak kepada semua manusia dan makhluk lain yang mendiami alam ini. Alam sekitar ialah muka bumi yang manusia berkongsi ruang persekitaran (dalam penggunaan udara, air dan tanah) dengan kehidupan lain seperti organisma mikro, haiwan dan tumbuhan. Jika satu daripada kehidupan ini terhapus/ terganggu, sedikit sebanyak sistem ekologi alam sekitar secara keseluruhannya akan terjejas. Kemusnahan alam sekitar akan menyebabkan kemusnahan kehidupan tertentu, seterusnya membawa padah kepada kehidupan manusia.

Alam sekitar juga terdiri daripada dua komponen, pertama unsur-unsur hidupan (haiwan dan tumbuh-tumbuhan) dan kedua unsur-unsur bukan hidup (udara dan tanah). Kedua-dua komponen ini sering berinteraksi antara satu sama lain seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan memerlukan udara dan air manakala tanah memerlukan nutrien daripada haiwan dan tumbuh-tumbuhan terurai. Gangguan terhadap mana-mana unsur dalam komponen ini akan mengakibatkan ketidakseimbangan alam sekitar. Kejadian alam semula jadi dan persekitarannya merupakan tanda-tanda kebesaran Allah SWT untuk dimanfaatkan oleh umat manusia dan untuk manusia memikirkan kurniaan dan keagungan penciptaan Allah SWT.

4.2.6 Penjagaan Alam Sekitar menurut Islam

Kita selalu mendengar ungkapan yang mendakwa bahawa dunia yang kita diami ini mengalami “krisis alam sekitar”. Ekosistem bumi ini mengalami perubahan yang besar sejak proses perindustrian menjadi semakin pesat. Sumber asli semakin kurang, peristiwa keracunan semakin banyak, pelbagai spesies biologi menjadi pupus, serta sungai, tasik dan lautan menjadi kotor.

Alam sekitar kini berhadapan senario yang membimbangkan, antaranya atmosfera bumi sedang berubah, lapisan ozon yang menipis menyumbang kepada peningkatan suhu akibat peningkatan masyarakat perindustrian yang mengeluarkan gas karbon dioksida yang banyak yang mengakibatkan kesan peningkatan suhu yang kemudiannya banjir di tepi pantai dan sungai, kemarau di pedalaman, penghijrahan penduduk beramai-ramai dan kebuluran berlaku.



The Carbo Circle

 YouTube



Manusia bergantung kepada alam sekitar untuk hidup. Malangnya manusia sekarang telah menjadi perosak dan pemusnah utama terhadap alam sekitar. Ini mengakibatkan krisis alam sekitar dan juga krisis hidup manusia yang amat serius. Oleh itu, disarankan beberapa langkah penting dalam penjagaan alam sekitar antaranya:

Menjaga bukit bukau dan dasar laut kerana bukit berfungsi menjadi pasak bumi dan dasar laut tempat terumbu karang yang menjadi tempat pembiakkan ikan.

Tidak menggunakan teknologi yang tidak mesra alam, contoh menuba ikan dengan kaedah elektrik yang akan mematikan semua ikan kecil atau besar

Mewujudkan sistem pelupusan dan kitaran yang cekap (kitar semula) mengguna semula bahan-bahan tertentu untuk menjimatkan sumber asal seperti kertas yang berasal dari pokok-pokok

Asingkan kawasan perusahaan, perkilangan, penternakan dan sebagainya dari kawasan perumahan supaya kehidupan sihat dapat diwujudkan.

Rajah 15: Penjagaan Alam Sekitar

4.2.7 Kesan Pengabaian terhadap Pembangunan Alam Sekitar

Kepupusan hidupan liar, sumber bahan asli seperti petroleum semakin berkurangan dan sungai, laut dan tasik tercemar teruk adalah antara kesan kemajuan perindustrian. Ekosistem dunia telah mengalami banyak perubahan kesan daripada perkembangan industri. Tiga jenis kegiatan utama manusia adalah dikenalpasti sebagai menjadi penyumbang utama ke atas alam sekitar. Jadual 23 menunjukkan kesan-kesan kegiatan manusia terhadap alam sekitar.

Jadual 23: Kesan-kesan Kegiatan Manusia ke Atas Alam Sekitar

Kegiatan Manusia	Kesan-kesan
1. Penebangan pokok	<ul style="list-style-type: none">● Hakisan tanah● Habitat musnah● Flora dan fauna pupus
2. Pertanian	<ul style="list-style-type: none">● Hakisan tanah● Hutan musnah● Ekosistem terganggu
3. Perindustrian	<ul style="list-style-type: none">● Pencemaran udara● Pencemaran air

1. Terdapat aktiviti pertanian melakukan pembakaran terbuka menyumbang pembebasan gas karbon dioksida yang menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan ekosistem dan perubahan cuaca terutamanya contohnya peningkatan kadar suhu dunia. Aktiviti ini juga turut mengancam kehidupan haiwan contohnya habitat orang hutan makin kurang dan hampir pupus di Borneo semakin terancam akibat pembukaan kawasan ladang sawit.
2. Pencemaran air disebabkan oleh pembuangan sisa-sisa toksik dan sampah ke dalam sungai dan lautan dari kilang-kilang memproses makanan, ubat-ubatan, minyak, getah dan sebagainya memberi kesanyang amat buruk kerana manusia bergantung kepada air untuk hidup dan mengganggu hidupan laut merupakan sumber makanan (khususnya protein) yang utama kepada manusia.
3. Pencemaran udara disebabkan oleh pembakaran sampah-sampah secara terbuka, asap daripada kilang-kilang, dan stesen janakuasa elektrik dan gas eksos pelbagai jenis kenderaan di jalan raya. Selain itu, bahan pencemar udara termasuk juga debu-debu, gas-gas hidrogen sulfida, karbon monoksida, sulfur dioksida dan oksida-oksida nitrogen, bahan kimia dan zarah-zarah baja, sisa racun serangga, zarah-zarah logam berat dan sinaran radioaktif. Pencemaran ini menjejaskan kesihatan manusia seperti penyakit

paru-paru, kesihatan mata dan mengurangkan keupayaan untuk berfikir dengan baik.

Pencemaran
sungai di Kedah



Langkah-langkah Menangani Isu Alam Sekitar

Semakin wujud pembangunan, semakin merosot pemeliharaan alam sekitar. Oleh itu disarankan beberapa langkah penting dalam penjagaan alam sekitar. Antara langkah tersebut adalah:

Pembangunan fizikal tidak boleh dilakukan sepanjang tahun. Ia perlu musim rehat atau waktu berhenti operasi sementara untuk mengurangkan impak terhadap alam sekitar.	Wujudkan konsep satu bandar, kampung atau kawasan yang diasaskan pada industri tertentu supaya tidak wujud kesesakan dalam sesuatu kawasan atau perbandaran	Kesedaran tentang kesan-kesan pencemaran air hendaklah ditimbulkan melalui penerbitan risalah-risalah, kursus-kursus formal dan tidak formal serta kempen melalui media sosial, radio dan televisyen
Unit penguatkuasa perlu bertindak tegas terhadap pihak-pihak yang kurang bertanggungjawab atau enggan memberikan kerjasama untuk mencegah pencemaran air	Tempat pembuangan kotoran hendaklah disediakan agar pembuangan sampah sarap dapat dikawal supaya tidak menjejaskan kesihatan umum.	Menggunakan alat penapis udara yang boleh di pasang pada kenderaan untuk mengawal penghasilan sisa gas petrol dan diesel. Kurangkan plumbum dalam petroleum berplumbum dan digalakkan pemilik kenderaan menggunakan petrol tanpa plumbum.

Rajah 16: Menangani Isu Alam Sekitar

4.3 SAINS, TEKNOLOGI DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Memahami tentang Sains, Teknologi dan Teknologi Maklumat dan komunikasi merupakan ilmu yang sangat penting dalam kehidupan masa kini. Ketiga-tiga bidang ini membentuk teras dan dasar yang memastikan kelangsungan hidup manusia. Umat Islam perlu menguasai ketiga-tiga bidang ini supaya seiring dengan arus pemodenan dan pada masa yang sama mempertahankan nilai agama dalam kehidupan, menguasai teknologi merupakan satu tuntutan dalam Islam.

4.3.1 Sains dan Teknologi Menurut Islam

Sains berasal dari perkataan Inggeris *science* dan perkataan Inggeris ini dipinjam daripada Latin *scientia* yang bermaksud ilmu dalam bahasa Melayu. Sains juga boleh ditakrifkan sebagai “Suatu cabang ilmu yang mengkaji sekumpulan pernyataan yang terbukti atau melalui fakta-fakta yang ditinjau serta dicerapi dan disusun secara sistematik dan dikumpul dalam bentuk hukum-hukum umum”.

Dari penakrifan umum tersebut dapatlah dirumuskan bahawa sains merupakan satu proses untuk mencari dan menemui suatu kebenaran melalui pengetahuan, memahami tabii’ untuk menerangkan Hukum Alam, Hukum Sains (*Laws of Nature*) bagi menerangkan undang-undang tabii (*Natural Laws*). Sains dalam Islam mempunyai persamaan dengan pentakrifan ayat Allah SWT atau tanda-tanda kebesaran Allah SWT. Tanda-tanda kebesaran ini berkait dengan penciptaan manusia, alam sekitar, cakerawala dan pelbagai makhluk lain yang sama ada dijelaskan secara langsung atau tidak langsung dalam al-Quran.

4.3.2 Definisi Teknologi

Teknologi berasal daripada perkataan *Tekne* yang bermakna kemahiran atau kraf, kemahiran bermaksud pengetahuan, kebolehan dan pencapaian sementara kraf bererti kekuatan atau tenaga, sama dengan keupayaan untuk merancang atau membentuk. Kraf juga bermaksud kemahiran manusia yang diperoleh melalui pengetahuan dan kelaziman. Secara ringkasnya teknologi adalah “cara- cara yang digunakan oleh manusia dalam mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai atau memenuhi matlamat dan tujuan tertentu”.

4.3.3 Definisi Teknologi Maklumat

Teknologi maklumat merujuk kepada teknologi yang membantu untuk menghasilkan, memanipulasikan, menyimpan, berkomunikasi dan menyebarkan maklumat. Ruang lingkup teknologi maklumat sangat luas bukan sahaja komputer, mesin cetak, elektronik, telekomunikasi, digital, televisyen dan radio malah melibatkan jaringan internet, telefon pintar dan lain-lain teknologi yang menjadi agen -agen penyebar maklumat.

4.3.4 Kepentingan Sains dan Teknologi

Mempelajari ilmu Sains dan Teknologi sehingga dimanfaatkan oleh orang lain merupakan Fardhu Kifayah bagi semua umat Islam. Antara sebab umat Islam mesti memberikan perhatian berat terhadap sains dan teknologi adalah kerana:

1. Memerhati, mengkaji, merenung fenomena alam dan kejadian manusia dengan keupayaan intelek individu Islam dapat meningkatkan keimanan kepada keesaan dan kekuasaan Allah SWT sebagai pencipta.
2. Permasalahan dalam Syariah yang kritikal dapat diselesaikan seperti kemahiran ilmu matematik dalam penentuan dan pembahagian pusaka.
3. Kemahiran ilmu Falak pula sangat diperlukan dalam penentuan masa atau hari beribadat seperti solat lima waktu, berpuasa, ibadah haji dan penentuan hari raya.
4. Negara yang memiliki kekuatan dalam bidang ini adalah negara yang paling berkuasa dan berpengaruh pada era ini. Penguasaan ilmu-ilmu dalam kalangan umat Islam memungkinkan usaha penyebaran dakwah Islamiah dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

4.3.5 Panduan Islam tentang Sains, Teknologi dan ICT

Jadual 24: Panduan Islam tentang Sains, Teknologi dan ICT

Sains Islam menitikberatkan aspek menunaikan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah SWT di bumi
Corak dan gaya sains Islam berbeza dengan amalan sains hari ini
Menghasilkan penemuan sains yang memberi manfaat kepada kesejahteraan manusia
Menggunakan sains dan teknologi yang memberi nilai tambah kepada peningkatan kualiti
Penghasilan dan penggunaan teknologi untuk tujuan rawatan
Melakukan eksperimen dengan bijaksana tanpa niat jahat
Menghubungkan semua kegiatan dengan alam metafizik

Ilmu merupakan hak dan milik Allah SWT, dikurniakan sebahagiannya kepada manusia bagi membolehkan melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT di atas muka bumi. Ilmu yang sebenar ialah ilmu yang dapat membawa manusia untuk mengenali KhaliqNya. Ilmu perlu digunakan secara betul dan menepati kehendak tuntutan syariah dan tidak diselewengkan kegunaannya ke jalan yang menyebabkan *mudharat*.

Kesan Penyalahgunaan dan Penyelewengan Sains dan Teknologi


1. **Pertahanan:** membawa kepada kemusnahan dunia termasuk alam sekitar dan nyawa terkorban, menyebabkan berlaku rusuhan dan berlaku perebutan kuasa.
2. **Bio-teknologi:** sumber genetik yang digunakan untuk mengubah suai makanan mengandungi bahan yang dilarang dalam syarak dan GMF (*Genetically Modified Food*) memberi kesan terhadap kesihatan manusia kerana mengandungi bendasing yang tidak diketahui kesan buruknya.
3. **Perubatan (*stem cell*):** penggunaan *embryonic stem cell* bakal disalahgunakan untuk kegunaan pengklonan manusia.
4. **Teknologi laser:** penyelewengan penggunaan akan berlaku dan ia mudah diubahsuai oleh golongan yang mahir dan pakar.

Soal jawab
Sains dan Islam

YouTube



Kesan Penyalahgunaan dan Penyelewengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi:



Rajah 17: Kesan Penyalahgunaan

Kebebasan maklumat membantu mendatangkan manfaat ke atas pengembangan potensi manusia kerana sifat yang terbuka, bebas serta berkeupayaan memasuki mana-mana laman web yang pelbagai latar belakang sama ada dalam negara mahupun dari luar negara. Namun, harus kita sedari kebebasan itu akan menjadi alat kemusnahan masyarakat jika disalahgunakan.

4.4 GLOBALISASI

4.4.1 Konsep Globalisasi

Globalisasi merupakan penjajahan moden oleh pihak Barat dalam bentuk perluasan idea dan pengaruh Barat dalam bentuk penguasaan ekonomi dan sistem sosial dan politik. Ia juga adalah satu usaha menjadikan seluruh dunia seperti sebuah kampung dengan sempadan negara-negara di dunia yang lebih terbuka. Berikut kaedah pelaksanaan globalisasi:



Kaedah Pelaksanaan Globalisasi Hari Ini [Globalisasi itu apa?](#)

a) **Penubuhan Organisasi Dunia:** mencorak arus globalisasi dalam pelbagai bentuk antaranya organisasi politik, perbankan, permodalan, kerjasama ekonomi seperti berikut:

- i. Organisasi Perdagangan Dunia atau *World Trade Organisation* (WTO)
- ii. Tabung Wang Antarabangsa atau *International Monetary Fund* (IMF)
- iii. Bank Dunia
- Iv. Organisasi Kerjasama ekonomi dan pembangunan atau *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD).
- v. Forum Ekonomi Dunia atau *World Economic Forum* (WEF).

b) **Globalisasi dan Kehadiran Konglomerat Dunia:** datang dalam pelbagai jenama produk makanan, minuman, pakaian dan lain-lain. Penguasaan Barat terhadap ekonomi global termasuk dalam pasaran modal, perdagangan dua hala dan perluasan empayar dagangan dalam bentuk francais seperti berikut:

- i. Institusi perbankan seperti Citibank, Southernbank dan Hongkong Bank
- ii. Francais makanan seperti KFC, Mc Donald, Pizza Hut dan sebagainya.
- iii. Perluasan perindustrian Barat dalam bidang pengangkutan kereta, kapal terbang dan sebagainya.

c) **Globalisasi dan Media Massa Antarabangsa:** yang dikuasai oleh Barat seperti *Times*, *Newsweek* dan *Asiaweek* dan media elektronik seperti BBC dan CNN berperanan menyebarkan mesej globalisasi. Antara fungsinya boleh dilihat dari sudut berikut:

- i. Memusatkan dan membekalkan maklumat dan berita untuk disebarkan kepada agensi media lain. Ini disebabkan liputan media massa Barat tersebut luas hingga ke medan perang yang tidak dapat di akses oleh semua agensi media.
- ii. Menggambarkan keupayaan, keharmonian dan kemakmuran sesuatu ekonomi dan sistem pemerintahan dan juga memburukkannya.

4.4.2 Cabaran Globalisasi

a) Globalisasi dan cabaran ekonomi: Kesan positif dan negatif terhadap dunia Islam. Antaranya adalah:

Positif	Negatif
Semangat berdaya saing pada dunia Islam untuk melihat jauh ke hadapan dan berusaha membina kekuatan ekonomi dalam bidang perindustrian dan teknologi maklumat & komunikasi.	Negara Islam dan membangun terpaksa menghadapi lambakan produk negara maju berbanding produk tempatan yang kurang kompetitif.
Membuka peluang untuk produk keluaran negara Islam seperti produk makanan halal ke dalam pasaran global.	Jurang dagangan dirasai negara yang sedang membangun seperti dengan mengimport produk yang dieksportnya ke negara maju. Akibatnya, negara sedang membangun sentiasa menanggung lebihan dagangan dan menanggung hutang luar negara.
Persaingan menjadikan harga produk menjadi lebih murah dan mudah diperolehi pengguna.	Nilai mata wang negara sedang membangun sentiasa kecil berbanding nilai mata wang negara maju kesan lebihan dagangan yang tidak memihak kepada negara sedang membangun.
Menyatukan dunia Islam supaya kerjasama pada peringkat global dengan penggunaan mata wang dinar sebagai ganti mata wang AS.	Pendapatan perkapita negara Islam yang sedang membangun mungkin bertambah tetapi taraf hidup mungkin meningkat akibat daripada kecairan pendapatan negara luar ke negara berlaku dan meningkat. Keadaan sebaliknya berlaku pada negara maju yang menguasai arus globalisasi.

b) Globalisasi dan Ancaman Kapitalisme: Dalam bentuk sebarang aktiviti ekonomi tertumpu kepada penghasilan keuntungan kapitalis atau pelabur. Ancaman kapitalis ini boleh dilihat dari sudut:

Ancaman Kapitalisme	Kadar pengangguran yang disebabkan oleh keinginan kapitalis untuk menjimatkan kos, penggunaan tenaga manusia terpaksa
----------------------------	---

	dikurangkan dan ia diambil alih oleh teknologi.
	Keutamaan produk dan keabadian kebajikan pengguna. Dalam sistem kapitalis, pengeluaran dan kelajuan jualan produk diutamakan melebihi kebajikan pengguna. Malahan, keperluan atau hajat pengguna dieksplotasi sepenuhnya untuk dikaitkan dengan produk barangan atau perkhidmatan.
	Mekanisme ekonomi dikuasai oleh kapitalis. Dalam ekonomi Amerika Syarikat, golongan capital atau pelabor menguasai sektor ekonomi. Oleh itu, kempen dan hala tuju politik ditentukan oleh golongan pelabur.
	Kapitalisme membawa kepada materialisme menyebabkan setiap individu dalam masyarakat bergerak pantas mengejar kekayaan dan materialistik.

c) Globalisasi dan Cabaran Kebudayaan: Menyebabkan jurang kebudayaan antara Timur dan Barat semakin sempit disebabkan media massa, filem, hiburan didominasi oleh Barat Muzik Barat menguasai arena hiburan di serata dunia termasuk dunia Islam dan sekaligus menjadi ancaman terhadap jati diri kebudayaan Timur dan Islam. Globalisasi meninggalkan kesan dalam aspek kehidupan berikut:

Cabaran Kepada Kebudayaan Masyarakat Islam	Globalisasi memberi anjakan terhadap nilai kebebasan individu. Sebelum era globalisasi, nilai kebebasan individu diikat dengan peraturan dan adat resam atau tradisi yang diwarisi.
	Nilai kehidupan sosial berubah, tidak lagi berasaskan konsep kekitaan tetapi lebih tertumpu kepada individualistik disebabkan desakan sosio ekonomi dan taraf kehidupan di kota.
	Nilai hiburan berubah dari ketimuran yang mengutamakan sopan santun dalam penampilan, percakapan dan pergaulan kepada kebaratan samada dalam nyanyian dan perfileman.
	Tekanan pendidikan negara berubah disebabkan tekanan globalisasi. Tumpuan diberikan kepada penghasilan produk tenaga kerja langsung dalam sektor ekonomi.

d) Globalisasi dan Cabaran Permasalahan Sosial: Mengundang permasalahan sosial disebabkan kerakusan oleh pihak yang mengeksploitasi permasalahan sosial dan juga individu yang terbabit dalam masalah tersebut. Antara cabaran permasalahan sosial yang sedang dihadapi sekarang adalah:

Permasalahan Sosial	Kewujudan laman sesawang lucah.
	Penyebaran fahaman salah faham tentang Islam.
	Penjualan produk-produk perubatan dan kesihatan yang belum dipastikan kualitasnya.
	Kegiatan jenayah melalui laman sesawang atau ICT.
	Kegiatan penagihan dan pengedaran dadah.
Kegiatan pelacuran antarabangsa.	

4.4.3 Peranan Umat Islam Mendepani Cabaran Globalisasi

1. Penguasaan dan Ekonomi Islam

Umat Islam perlu bersedia menghadapi pelbagai perubahan yang berlaku dalam kehidupan seperti globalisasi. Persediaan yang perlu ada dalam diri setiap individu adalah:

2. Memperkemas Institusi Sosial

Dalam menghadapi arus globalisasi, institusi sosial seperti kekeluargaan, rukun tetangga, rakan masjid, rakan muda dan sebagainya perlu diperkembangkan supaya dapat membendung setiap jenayah dan gejala sosial. Antara langkah yang boleh diambil adalah:

- i. Meningkatkan kefahaman dan kemahiran keibubapaan sesuai dengan arus globalisasi.
- ii. Mempelbagai dan mengaktifkan aktiviti sosial.
- iii. Menjana sosioekonomi supaya dapat menampung pihak kerajaan dalam menyediakan peluang pekerjaan.
- iv. Mengadakan atau menganjurkan sesuatu motivasi, bengkel dan seminar untuk keperluan akademik dan pekerjaan setiap ahli.
- vi. Menjalinkan hubungan dengan pelbagai badan NGO supaya lebih peka dengan perkembangan dan keperluan semasa.

3. Menguasai Ilmu Pengetahuan

Umat Islam perlu mengambil peluang globalisasi dari aspek yang positif dengan menguasai pengetahuan pelbagai bidang sains, teknologi dan teknologi maklumat & komunikasi untuk menambah nilai.

4. Menggunakan Sepenuhnya Kemajuan dan Kemudahan Teknologi

Menjadi kewajipan ke atas masyarakat Islam untuk memanfaatkan bahan cetak, komputer, radio, televisyen, saluran satelit dan sebagainya dalam usaha menyampaikan dakwah Islam dan memberikan kesedaran tentang agama. Penggunaan media sosial untuk menyampaikan dakwah dapat memberikan impak yang lebih baik, khususnya terhadap golongan muda.


4.5 SALAH FAHAM TERHADAP ISLAM

Salah faham terhadap Islam merupakan satu persepsi atau pemikiran yang silap terhadap Islam. Salah faham ini boleh berlaku di kalangan orang bukan bahkan ianya juga berlaku di kalangan orang Islam itu sendiri. Tanpa sedar kehidupan umat Islam disulami fahaman yang telah menjauhkan umat Islam dari kebenaran Islam yang sebenar dan orang bukan Islam melihat Islam dalam dimensi yang kurang tepat.

Salah faham terhadap Islam di kalangan orang bukan Islam dapat dilihat dari Beberapa peristiwa besar dunia seperti peristiwa serangan *World*

Trade Center pada tahun 2001 telah mengubah persepsi masyarakat dunia berkaitan Islam dengan mengaitkan Islam sebagai agama keganasan dan ekstrem dan melahirkan pelbagai sentimen negatif seperti Islamophobia, Islam Ekstrimis dan sebagainya.

Manakala salah faham terhadap Islam di kalangan umat Islam pula melibatkan menyerapan fahaman yang akhirnya membawa mereka kepada gejala pemesanan akidah sama ada secara sedar atau tidak. Sebagai contoh fahaman Sekularisme, Liberal dan plural. Dalam topik ini juga akan membincangkan ajaran sesat yang merupakan salah faham umat Islam terhadap Islam secara nyata. Berikut merupakan antara fahaman-fahaman yang membawa masyarakat kepada sentimen salah faham terhadap agama Islam. Antaranya adalah:



4.5.1 Sekularisme

Sekularisme adalah fahaman yang memisahkan agama dari urusan kehidupan termasuk urusan ekonomi, pendidikan, pentadbiran negara, sukan dan lain-lain. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, Sekularisme merupakan fahaman/doktrin yang menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia. Seseorang yang berfahaman sekular tidak lagi melihat agama sebagai panduan dan sumber rujukan dalam menentukan benar dan salah, baik dan buruk. Hakikatnya, *Sekularisme* merupakan suatu program falsafah yang memberi kesan bukan hanya pada aspek politik dan kenegaraan tetapi juga kepada pemikiran dan moraliti masyarakat, dan lebih penting lagi ianya mengubah akidah dan pandangan alam (*world view*) seorang Muslim.

Sejarah Kemunculan Fahaman Sekular di Dunia

Sekularisme mula bertapak di negara Eropah pada pertengahan abad 17 Masihi iaitu pada zaman kegelapan. Sejarah permulaan ini adalah hasil dari penentangan golongan cerdik pandai dan golongan saintis Eropah kepada golongan gereja yang menindas masyarakat. Golongan cerdik pandai ini berpendapat bahawa ketaatan kepada agama dan gereja telah menyebabkan masyarakat Eropah ketinggalan dan mundur. Selain itu fahaman sekularisme ini berkembang pesat dengan kemunculan teori Charles Darwin, iaitu percaya bahawa manusia adalah berasal dari monyet. Hasil dari doktrin dasar Darwinisme yang percaya bahawa makhluk hidup terjadi secara semulajadi


dan tiada kaitan dengan ketuhanan menyebabkan semaraknya fahaman sekular di Eropah dan bertukar kepada falsafah.

Sejarah Kemunculan di Malaysia dan Negara Islam

Negara Islam menerima fahaman sekular ini melalui penjajah Eropah yang menjajah negara Islam. Malaysia, menerima sistem pemerintahan dari British dan pada awal kemerdekaan negara menggunakan pakai sistem British dalam semua aspek pengurusan termasuklah sistem persekolahan, perundangan dan juga pentadbiran negara. Berbeza di Turki, fahaman ini mula menapak di bawah pemerintahan Kamal Attartuk yang telah menukar sistem pemerintahan Islam kepada sistem sekular secara keseluruhan. Atas nama pemodenan Turki, Kamal Attartuk telah merangka satu set perlembagaan Turki yang mana antara kandungannya ialah tidak mengiktiraf agama rasmi ataupun mempromosi mana-mana agama termasuk Islam walaupun 95% penduduk Turki beragama Islam.

Prinsip-prinsip Sekularisme:

1. Sumber utama untuk mencapai kesejahteraan hidup adalah akal dan fikiran.
2. Setiap insan yang ingin memperbaiki hidup adalah dengan cara kebendaan sahaja.
3. Kebenaran keduniaan adalah terbatas daripada ajaran wahyu dan kenabian.
4. Mencampur aduk urusan agama dalam pemerintahan akan menghalang kemajuan.
5. Manusia perlu merencana dan menyusun dasar hidup sendiri dan melaksanakannya tanpa mengaitkan dengan tuhan.
6. Urusan agama hanya dari sudut ibadah sahaja.



Kesan Fahaman Sekular terhadap Pemikiran Umat Islam

Dari sudut Pendidikan, fahaman ini telah melahirkan masyarakat Islam yang cenderung kepada pemikiran saintifik, kuantitatif dan logik. Golongan ini sangat mengukur kejayaan dari segi kedudukan dan harta benda. Ijazah dari luar negara, berkereta mewah, tinggal di banglo mewah adalah ukuran penting yang menentukan martabat dan kejayaan seseorang. Masyarakat Islam perlu keluar dari fahaman ini dan kembali kepada falsafah Islam yang sebenarnya. Negara akan kerugian besar kerana dengan fahaman ini rakyat hanya maju dari segi ekonomi dan teknologi tetapi rapuh dari sudut keperibadian. Rakyat akan tewas dengan pangkat, kuasa dan harta, maka berleluasa isu-isu moral, rasuah yang boleh



menjatuhkan negara sendiri. contohnya hakim boleh dibeli keadilannya, penjenayah dibebaskan dengan wang sogokan. Maka berlaku kebocoran di mana-mana. Kita maju, tetapi bukan dalam erti kemajuan sebenar.

4.5.2 Liberalisme

Liberalisme adalah nama baharu dan merupakan kesinambungan kepada sekularisme. Liberalisme memiliki peringkat baharu, dan menumpukan kepada idea kemerdekaan manusia dan kebebasan daripada segala bentuk aturan dan batasan. Liberalisme berusaha melengkapkan lagi usaha sekularisasi dengan asas sekularisme.

Menurut kamus Dewan edisi keempat (2005), liberalisme bermaksud fahaman yang liberal, fahaman atau pendirian yang mahukan demokrasi serta kebebasan dalam kegiatan ekonomi. Fahaman ini bermula di barat sebagai falsafah politik pada peringkat awalnya, kemudian berkembang dalam aspek lain seperti ekonomi, agama, sosial dan politik. Pemahaman liberal mula masuk dan mempengaruhi penganut Islam melalui cendiakiawan Islam di Timur Tengah bermula abad ke-20 sebagai usaha memodernisasi Islam dalam pendidikan. Pemikiran liberal mula berkembang dalam kalangan segelintir pemikir Islam dan berkembang sejajar dengan perkembangan globalisasi dan mengarus perdanakan fahaman liberalism. Istilah Islam Liberal digunakan secara meluas apabila buku "*Liberal Islam: A Source Book*" diterbitkan pada tahun 1998 oleh Charles Kuzman.

Golongan Islam Liberal menyakini untuk maju umat Islam perlu mengubah corak kehidupan seperti Barat. Selain itu cara berfikiran umat Islam juga perlu diubah. Golongan ini tidak menzahirkan diri mereka sebagai seorang yang menolak agama, tetapi atas nama kemajuan mereka berselindung di sebalik slogan mengkaji semula agama, mentafsir semula Al-Quran, menilai semula syariat dan hukum-hukum Fekah. Menurut mereka agama hendaklah disesuaikan kepada realiti semasa. Jika terdapat hukum yang tidak menepati zaman, kemodenan, hak asasi manusia dan tamadun global, maka hukum itu hendaklah ditakwilkan atau sebolehnya digugurkan. Antara ciri-ciri pemikiran Islam liberal ialah:

1. Rasionalisme dan Sekularisme
2. Penolakan terhadap perundangan Islam
3. Kebebasan hak-hak asasi
4. Pluralisme agama
5. Mempromosikan nilai-nilai barat
6. Penolakan terhadap autoriti agama
7. Kebebasan mentafsirkan teks-teks agama Islam
8. Tiada dakwaan kebenaran (faham relativisme)

Di Malaysia sehingga 2021, Gerakan liberal masih bergerak aktif namun Gerakan ini tidak menggunakan nama Islam Liberal. Perjuangan mereka dengan agenda yang berbeza, sebagai contoh gerakan yang memperjuangkan hak penukaran jantina, persamaan hak wanita dan lelaki (*feminism*) serta pengiktirafan kepada golongan LGBT (*Lesbian, Gay, Bioseksual & Trasgender*). Memandangkan kita berada di negara Islam, pertubuhan yang berasaskan ideologi ini tidak dibenarkan seperti mana pertubuhan *Sister in Islam* telah difatwakan oleh Majlis Agama Islam Selangor sebagai sesat. Dengan fatwa tersebut, pertubuhan tersebut tidak bergerak dengan bebas dan dapat menghalang masyarakat Islam di Malaysia dari terdedah dengan ideologi ini secara meluas. Namun berbeza di negara jiran kita Indonesia, terdapat gerakan yang bergerak atas nama Islam liberal iaitu Jaringan Islam Liberal (JIL)

Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa, ideologi Islam Liberal sangat berbahaya kepada akidah umat Islam, bukan sahaja menyalahi prinsip-prinsip Islam dari sudut akidah, ianya juga menyalahi syariah dan akhlak Islam. Pemikiran Islam Liberal menular dalam kalangan golongan berpendidikan tinggi dengan menggunakan logik akal dan atas nama hak asasi manusia.

4.5.3 Pluralisme

Pluralisme adalah satu ideologi yang menyamaratakan semua agama. Fahaman ini adalah antara perjuangan yang didokong oleh penganut 'Islam Liberal'. Penyebaran pluralism agama di Malaysia banyak dipengaruhi dan dibawa masuk dari Indonesia. Samada melalui penerbitan buku atau melalui media massa yang menjadikan penyebaran ideologi ini dengan lebih cepat. Terdapat dua pendapat tokoh berkenaan dengan maksud Pluralisme iaitu pendapat Muhammad Uthman El-Muhammady (2012), Pluralisme agama bermaksud kepelbagaian agama dan menolak fahaman menyamaratakan semua agama. Manakala menurut Khalif Muammar (2015) Pluralisme bermaksud satu kefahaman yang memandang semua agama adalah sama dan menuju kepada Tuhan yang sama.



 YouTube

Kenapa Pluralisme di
haramkan


Dalam erti kata lain fahaman Pluralisme menyatakan bahawa semua agama adalah sama. Ia adalah satu bentuk toleransi agama di mana semua agama dalam pandangan fahaman ini hanyalah merupakan jalan yang berbeza untuk menuju titik kebenaran yang sama (*different way of the same truth*). Oleh itu, fahaman ini menyangkal 'dakwaan kebenaran' (*claim of truth*) dari mana-mana agama, dan juga tidak boleh ada dakwaan bahawa keselamatan sebenar (*true salvation*) dari seksa neraka hanya diperoleh apabila memeluk agama tertentu sahaja. Fahaman ini nyata dan jelas bertentangan dengan prinsip Islam, iaitu hanya Islam agama yang diredei Allah SWT.

Ciri-ciri Fahaman Pluralisme adalah:

1. Tiada satu pun agama yang tunggal dan eksklusif untuk menjadi sumber kebenaran, atau setidak-tidaknya terdapat kebenaran dan nilai yang benar dalam agama lain.
2. Mengakui wujudnya kebenaran dalam agama lain dan menerima kebenaran tersebut beserta penekanan aspek-aspek yang diterima oleh agama tersebut.
3. Sangat mengalakkan sesi dialog dan kerjasama agama dalam hal-hal yang berbeza dari sudut agama masing-masing.
4. Digunakan sebagai istilah untuk merujuk kepada keadaan hidup bersama secara harmoni di antara penganut agama yang berbeza.

Isu-isu Pluralisme di Malaysia

1. Perancangan penubuhan Suruhanjaya antara Agama (*Inter Faith Commission-IFC*)
2. Isu kebebasan beragama, penubuhan kumpulan murtad, dan isu tuntutan COMANGO
3. Kalimah Allah SWT, tuntutan penggunaan kalimah Allah SWT oleh masyarakat bukan Islam
4. Perkongsian perayaan dengan perayaan keagamaan lain seperti Depavali.
5. Isu pengharaman yoga. Jawatankuasa fatwa kebangsaan melarang masyarakat Islam mengamalkan yoga yang mempunyai unsur-unsur agama hindu.



Kesan Fahaman Pluralisme

Pluralisme Agama jika dibiarkan berleluasa akan menghakis kemurnian akidah umat Islam. Apa yang lebih penting ianya adalah jalan-jalan kepada kesyirikan dan kekufuran. Fahaman ini meraikan kebebasan beragama dengan membenarkan perkahwinan yang berbeza agama tanpa perlu keluar dari agama asal masing-masing. Selain itu juga mereka membenarkan anak-anak untuk memilih agama yang disenangi untuk dianuti. Perkara ini berlaku secara berleluasa di Indonesia dan juga di India kerana fahaman ini telah lama bertapak di sana.

4.5.4 Islamofobia

Islamifobia (sentimen anti-Islam) adalah istilah yang digunakan untuk merujuk kepada kebimbangan atau ketakutan kepada Islam oleh orang bukan Islam. Selain itu ia juga boleh merujuk kepada perasaan takut dan benci kepada Islam dan menyebabkan takut dan tidak suka kepada orang Islam. Islamifobia mula muncul pada tahun 1980-an. Namun semakin popular selepas peristiwa runtuhnya WTC di New York pada 11 September 2001. Barat telah mencanangkan peristiwa tersebut merupakan rencana satu pertubuhan Islam yang bernama al-Qaeda di bawah pimpinan Usama Laden.

Rentetan dari peristiwa itu, Barat telah menjaja dan menimbulkan rasa takut terhadap Islam dalam semua aspek, bukan sahaja dari sudut ajaran malah kepada penganutnya dan juga kepada budayanya. Islamofobia adalah salah faham Islam dalam kalangan orang bukan Islam. Penting bagi seorang muslim menyedari bahawa orang bukan Islam beranggapan bahawa agama Islam adalah satu agama yang radikal, ajaran dan peraturan agama Islam mendorong kepada keganasan.

Antara peristiwa tembakan kejam di dalam masjid di Chistchurch, New Zealand adalah antara kemuncak tindak balas masyarakat Barat akibat dari gejala Islamofobia. Tidak ketinggalan usaha-usaha di media untuk menghangatkan Islamifobia antaranya penerbitan filem barat iaitu *Innocence of Muslims* pada tahun 2012 oleh Sam Bacile Tidak berakhir di situ, tindak balas di atas fahaman Islamophobia, pada tahun 2020 Presiden Perancis Emmanuel Macron telah secara terbuka menghina agama Islam sebagai satu agama yang radikal, susulan pembunuhan seorang guru sekolah Perancis yang telah menunjukkan kartun yang didakwa Nabi Muhammad SAW di dalam sesi kelas sejarah.

Islamofobia di
negara barat



4.6 RADIKALISME DAN EXTREMISME DALAM BERAGAMA

Semenjak kejatuhan Khalifah Uthmaniyah pada tahun 1926 perpecahan dan kemunduran berlaku di seluruh dunia Islam. Serangan sekularisme yang di sebarkan di negara jajahan Eropah serta penindasan terhadap umat Islam menjadikan situasi semakin kritikal. Sebagai contoh negara Turki, Mesir dan India. Berikutan dari kepincangan ilmu, kejahilan dan perpecahan yang melanda, umat Islam dibelenggu pelbagai salah faham agama. Tekanan dan kegelapan dunia Islam membawa kepada kelahiran beberapa gerakan yang bangkit memperjuangkan islah dan tajdid yang berhasrat bagi memperjuang Islam serta mengembalikan kegemilangan dunia Islam.

Menurut Prof Dr. Kamaruzaman (UTM), evolusi radikal Islam melalui tempoh yang panjang dengan desakan permasalahan umat semasa dan menjadi lebih signifikan kerana situasi global hari ini yang kompleks. Pada dasarnya, kewujudan kumpulan-kumpulan ini adalah bertujuan untuk bangkit memperjuangkan Islam dan ingin melihat Islam kembali gah dan tidak dipandang serong oleh masyarakat dunia. Namun pendekatan dan ideologi perjuangan tidak sejajar dengan kehendak syariat Islam. Setengah kumpulan terlampau ekstrem dan menjadi radikal demi mencapai impian. Selain itu, mereka yang memilih untuk menjadi radikal apabila ia hanya menerima satu sudut pandang tertentu yang diyakininya benar terhadap kelompok lain yang dimusuhi berdasarkan kepada prejudis dan kebencian.

4.6.1 Radikalisme

Merujuk definisi yang diberikan oleh Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), Radikal adalah fahaman (kepercayaan) yang radikal dalam politik. Selain itu radikal juga memberi maksud fahaman (aliran) yang menginginkan perubahan yang mendadak dalam arena politik dan sosial. Semenjak abad ke 18 telah muncul Gerakan Islam yang menggunakan pendekatan keras atau radikal dalam menyampaikan dakwah.

4.6.2 Extremisme

Ektremisme ialah kefahaman yang sangat kuat terhadap suatu pandangan yang melampau batas kewajaran dan bertentangan dengan hukum yang ditetapkan. Ekstremisme mempunyai dua bentuk, iaitu yang pertama: ekstremis kanan radikal, yang melampau keras dalam beragama dan yang kedua: ekstremis kiri, liberal yang melampau longgar dalam beragama. Kedua-duanya dikecam dan dilarang dalam Islam.

Sejarah Kemunculan Golongan Radikal dan Ekstrem Golongan Khawarij

Khawarij adalah berfahaman radikal dengan sangat berani dalam bertindak dan tetap dengan pendirian mereka. Antara pemimpin golongan Khawarij yang popular ialah Abdullah bin Wahhab ar-Rasyidi. Fahaman ini adalah golongan yang keluar dari golongan yang menyokong khalifah Ali. Mereka berfahaman orang Islam yang berdosa besar adalah kafir dan darah mereka adalah halal sebagaimana darah orang kafir. Sesiapa yang menentang atau tidak sependapat dengan mereka dianggap kafir dan boleh dibunuh. Para ulama melabelkan kumpulan penganas yang membunuh orang tidak berdosa secara membabi buta sebagai golongan khawarij baru.

Salafi Jihadi dan Salafi Takfiri

Di peringkat global wujud dua kelompok besar iaitu Salafi Jihadi dan Salafi Takfiri. Fahaman Salafi Takfiri digerakkan oleh kumpulan Daesh yang memperjuangkan penubuhan negara Islam di Iraq dan Syria dengan menggunakan sistem Khalifah. Golongan radikal mempunyai naratif tersendiri dalam mengemudi perjuangan. Golongan ini berpendapat, kuasa politik adalah segala-galanya. Mendirikan negara Islam atau khilafah Islamiyyah adalah matlamat tertinggi perjuangan, dengan tertegaknya khilafah ini maka kebangkitan umat Islam akan benar-benar berlaku. Satu-satunya jalan merealisasikan impian untuk menguasai politik adalah dengan mengangkat senjata yang disinonimkan dengan jihad.

4.6.3 Gerakan Islam yang Ektrem dan Radikal

Terdapat pelbagai Gerakan Islam ekstrem yang kebanyakannya mula berkembang dari timur tengah, namun telah mempunyai pengikut di negara Islam yang lain termasuk Malaysia. Suatu bentuk kefahaman yang sangat kuat terhadap suatu pegangan yang melampaui batas kewajaran dan bertentangan dengan ketetapan asal agama. Antara gerakan tersebut adalah:

1. Daesh
2. Kumpulan Militan Negara Islam
3. Hizbur Tahrir
4. Al-Qaeda
5. Gerakan Tarbiyyah
6. Al-Maunah
7. Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM)
8. ISIS

Tanpa kita sedari idea ekstrem dan radikalisme berkembang dengan pantas dan kita terdedah sejajar dengan perkembangan teknologi media serta

globalisasi tanpa batasan. Umat Islam perlu sadar dan berusaha memberi penerangan kepada masyarakat supaya fahaman dapat dibendung kerana ianya akan merugikan umat Islam malah akan memberi perspektif negatif kepada masyarakat bukan Islam kepada Islam.

4.7 PENYELEWENGAN AKIDAH DAN AJARAN SESAT

Pengenalan

Kemunculan ajaran sesat merentasi masa, tempat dan keadaan. Bermula dari zaman awal peradaban Islam hingga kini. Ajaran sesat ialah sesuatu ajaran, fahaman atau amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam tetapi sebenarnya ianya bukan dari ajaran Islam. Bahkan bertentangan dengan ajaran Islam Ahli Sunnah wal-Jamaah. Amalan itu termasuk mengajar ilmu tasawuf dan tarekat bercorak kebatinan, mengamalkan wirid bercorak kebatinan dalam persilatan, amalan khurafat dan perbomohan serta memperkenalkan aliran pemikiran lama dan baru.

Hakikatnya, sebarang ajaran yang didukung oleh orang Islam/ bukan Islam dengan dakwaan bahawa ajaran tersebut adalah berlandaskan ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran tersebut bertentangan dengan sumber utama Islam iaitu al-Quran, as-Sunnah, Ijma' dan Qias serta bercanggah dengan pegangan/ pandangan Ahli Sunnah wal Jamaah dari sudut akidah, syariat dan akhlak adalah menyeleweng dan sesat. Contohnya mengamalkan solat fardhu lebih/ kurang dari 5 waktu (sesat dari sudut syariat).

Memandangkan isu ajaran sesat melibatkan maruah Islam dan umatnya, maka memahami, menghindari dan menyusun atur langkah proaktif dalam membendung penularannya merupakan satu perkara yang sangat penting. Hal ini penting bagi mempertahankan kesucian Islam agar terus dipelihara untuk selama-lamanya. Langkah awal sebagai orang Islam, perlu faham tentang ciri-ciri ajaran sesat supaya tidak mudah terpedaya.

Masyarakat hari ini harus sadar bahawa media cetak dan media elektronik juga turut dipergunakan sebagai medium penyebaran ajaran sesat atau menyeleweng. Seiring dengan perkembangan masa, gerakan-gerakan ini juga bergerak di laman sosial. Kebanyakan gerakan ini bergerak secara tertutup dan secara rahsia. Pengikut-pengikut ajaran sesat kebanyakannya adalah terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai asas ilmu agama Islam yang kukuh dan pada masa yang sama mereka ghairah mencari ketenangan jiwa untuk mendekati diri dengan Allah SWT.

Nama-nama Kumpulan Ajaran Sesat di Malaysia.

Terdapat kumpulan yang tidak aktif dan ada kumpulan yang masih aktif hingga sekarang, antaranya (3 terawal yang tersenarai diberikan contoh kesesatan):

1. Syiah: Akidahnya menyekutukan Allah SWT, memegang konsep Ismah, teori ar-Raj'ah, menolak ajaran sekarang (percaya al-Quran telah diubah), menghina nabi dan para sahabat dll
2. Ayah Pin: Mengaku sebagai tuhan, mempunyai kuasa menyembuh, Kaabah dan Mekah miliknya, boleh menukar manusia menjadi batu dan menolak hari kiamat.
3. Al-Arqam/ Rufaqa': Mendakwa Ashaari Muhammad adalah mujaddid dan pembantu Imam Mahdi, Mendakwa Rasulullah SAW berjumpa, berkomunikasi dan membawa berita Ashaari Muhammad adalah putera Bani Tamim, Mendakwa Syeikh Suhaimi adalah Imam Mahdi, Menyamatarafkan Syeikh Suhaimi dengan Nabi Isa AS, Mendakwa Ashaari menerima wahyu dll
4. Ajaran Ahmadiyah Qadiani
5. Bahai
6. Ajaran Matahari/ Taslim/ Haji Ahmad
7. Liberalisme
8. Pluralisme
9. Golongan Anti Hadis
10. Hasan Anak Rimau
11. Millah Abraham
12. Nasrul Haq
13. Wali Sembilan
14. Ajaran Tapediri 65 atau Ba Tha Mim 114
15. Tarikat Samaniah
16. Aurat Islamiah Mahmud Haji Abdul Rahman
17. Azhar bin Wahab (al-Mansur)
18. Hizbut Tahrir
19. Ajaran Zikir Alunan Zat Cinta/ Hikmah Al-Fatihah
20. Amalan Perbomohan Ibrahim Mat Zin

4.7.1 Ciri-ciri Penyelewengan Akidah dan Ajaran Sesat Secara Umum

Antara ciri-cirinya adalah:

1. Mengingkari Rukun Iman dan Rukun Islam
2. Meyakini atau mengakui akidah yang bercanggah dengan syarak
3. Meyakini turunnya wahyu setelah al-Quran
4. Mengingkari kandungan atau kebenaran al-Quran

5. Melakukan pentafsiran al-Quran tanpa kaedah yang betul
6. Mengingkari kedudukan Hadis Nabi SAW sebagai sumber ajaran Islam
7. Merendahkan para Nabi dan Rasul
8. Mengingkari Nabi Muhammad SAW sebagai Nabi dan Rasul terakhir.
9. Mengubah asas-asas ibadah yang telah ditetapkan syarak seperti mengurangkan ibadah puasa kepada 19 hari dan solat hanya dengan niat.
10. Mengkafirkan sesama Muslim tanpa dalil syarie
11. Fanatik kepada ketua atau pemimpin dan beranggapan bahawa gurunya memegang kunci pintu syurga.
12. Mendakwa bahawa pengikut-pengikut ajaran atau kumpulannya sahaja yang dijamin masuk syurga.
13. Percaya bahawa gurunya boleh menebus dosa dengan wang.
14. Mencerca para ulama dan tokoh-tokoh muslim terdahulu, contohnya para sahabat RA, antaranya Abu Bakar al-Siddiq dan Umar al-Khattab RA.
15. Berhubungan dengan kuasa jin, syaitan dan iblis.
16. Mengaitkan unsur-unsur tarekat, mitos, persilatan dan perbomohan.
17. Pentafsiran semula nas-nas agama, menggalakkan ijthid baharu bersifat tertutup dan banyak berahsia.

4.7.2 Implikasi Penyelewengan Akidah dan Ajaran Sesat

Ajaran dan dan isu pencemaran akidah di Malaysia hendaklah diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak. Ini termasuk penambahbaikan peruntukan undang-undang sedia ada dan langkah-langkah pencegahan yang sepatutnya dilaksanakan. Sesungguhnya setiap individu muslim dan institusi-institusi Islam mempunyai tanggungjawab untuk menjaga akidah umat Islam.

Allah swt berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 127 yang bermaksud:

“Mereka bertanya kepadamu (Nabi Muhammad) tentang berperang pada bulan haram. Katakanlah, “Berperang dalam bulan itu adalah (dosa) besar. Namun, menghalangi (orang) dari jalan Allah, ingkar kepada-Nya, (menghalangi orang masuk) Masjidilharam, dan mengusir penduduk dari sekitarnya, lebih besar (dosanya) dalam pandangan Allah. Fitnah (pemusyrikan dan penindasan) lebih kejam daripada pembunuhan.” Mereka tidak akan berhenti memerangi kamu sampai kamu murtad (keluar) dari agamamu jika mereka sanggup. Siapa di antara kamu yang murtad dari agamanya lalu dia mati dalam kekafiran, sia-sialah amal mereka di dunia dan akhirat. Mereka itulah penghuni neraka. Mereka kekal di dalamnya”.

Terdapat banyak implikasi negatif yang akan berlaku atas penyelewengan akidah dan ajaran sesat, antaranya:

- i. Menyebabkan syirik, kufur dan murtad contoh fahaman Pluralisme menormalisasikan hukum murtad dan dakwah mengajak kepada Islam jadi sia-sia.
- ii. Mewujudkan perpecahan dalam masyarakat. Melalui ajaran yang dianuti, mereka memupuk persefahaman hidup dan jika dapat, cuba mewujudkan kumpulan atau masyarakat mereka sendiri contohnya Rufaqa/ Arqam/ Aurad Muhammadiyah yang hidup dalam kelompok tersendiri dan mempunyai pegangan yang bercanggah dengan Ahli Sunnah wal Jamaah iaitu Abuya berkomunikasi dengan Rasulullah, bakal menjadi orang kanan Imam Mahdi dan sebagainya.
- iii. Menimbulkan berbagai-bagai bentuk keganasan dalam masyarakat yang timbul bukan sahaja sekadar mencederakan dan membunuh orang lain, malah boleh membunuh diri mereka sendiri.
- iv. Membuatkan manusia sesat dalam beragama dan cenderung melaksanakan sesuatu amalan atau doktrin ajaran yang nyata bertentangan dengan Islam contoh fahaman Liberalisme yang menghalalkan yang haram (LGBT).
- v. Mengancam keselamatan negara. Hubungan langsung antara kelompok ajaran sesat dengan gerakan subversif dan antinasional yang cuba menimbulkan huru-hara dalam negara
- vi. Pandangan ulamak silam diremehkan sedangkan ijtihad dan pandangan mereka merupakan sumber perbahasan agama antara yang awal dan tepat contohnya G25.
- vii. Mewujudkan kebergantungan kepada manusia dalam beribadat, contohnya guru murshid sebagai jambatan menghubungkan (tawassul/ nur) seseorang kepada Allah SWT dengan mengaitkan surah an-Nur ayat 35 (Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya)

4.7.3 Langkah Menangani Penyelewengan Akidah dan Ajaran Sesat

Benteng kukuh perlu ada bagi mendepani cabaran ini adalah pertahanan ilmu yang diperkuatkan dengan benteng akidah. Justeru, umat Islam wajib mendalami ilmu berkaitan asas-asas agama ditambah dengan ilmu yang memperkenalkan syubhah-syubhah musuh Islam agar tidak akan mudah dimomokkan dengan ideologi-ideologi sesat yang boleh menghakis keimanan dan merosakkan akidah. Antara Langkah lain yang boleh diambil adalah:

- i. Melalui Pendidikan dan Kesedaran:
 - Memberikan pendidikan akidah yang sahih dari peringkat awal.
 - Mewujudkan program kesedaran melalui forum, ceramah, bengkel dan bahan penerbitan.
 - Memperkukuh pengajaran ilmu tauhid di sekolah, IPT, masjid dan surau.

- ii. Melalui Penguatkuasaan Undang-undang:
 - Enakmen Jenayah Syariah Negeri yang melarang penyebaran ajaran sesat.
 - Kerjasama agensi seperti JAKIM, Jabatan Agama Negeri, PDRM dan SKMM.
 - Pemantauan aktiviti ajaran sesat secara fizikal dan dalam talian.
- iii. Pemantapan Akidah dan Kerohanian:
 - Menyediakan kelas agama dan pengajian akidah secara berterusan.
 - Menyediakan bahan rujukan akidah yang sahih dan mudah difahami.
 - Menggalakkan amalan kerohanian yang betul seperti solat, zikir dan bacaan al-Quran.
- iv. Penglibatan Keluarga dan Masyarakat:
 - Ibu bapa perlu menjadi contoh dan mendidik anak dengan akidah yang betul.
 - Jiran dan ahli masyarakat harus cakna dan melaporkan kegiatan mencurigakan.
 - Menjalin hubungan erat antara ahli komuniti bagi mengelak pengasingan dan pengaruh luar.

Sabda Rasulullah SAW:

“Para Ulama adalah pewaris Nabi. Para nabi tidak mewariskan dinar dan dirham, sebaliknya hanya mewariskan ilmu. Sesiapa yang mengambilnya, maka dia telah mengambil bahagian yang lengkap (daripada harta pusaka para nabi)”
(HR: Abu Daud)

Kesimpulan



Umat Islam sedang berhadapan dengan cabaran yang sangat hebat dari dalaman dan luaran. Kejahilan umat Islam terhadap ajaran Islam yang menyeluruh menyumbang kepada kemunduran umat Islam di seluruh dunia. Peluang ini telah membuka ruang luas kepada musuh Islam untuk menyerang dan melemahkan umat Islam. Sekularisme, Liberalisme dan Pluralisme menjadikan pemikiran umat Islam jauh dari al-Quran dan agenda globalisasi di seluruh dunia menjadikan penaklukan dan pencerobohan kepada pemikiran masyarakat semakin rancak. Namun begitu Islam telah meletakkan kaedah tertentu dalam menghadapi cabaran tersebut.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada **Ustazah Mastura binti Mamat** yang kini bertugas di Politeknik Port Dickson atas sumbangan sebagai antara penulis Topik 4 dalam cetakan pertama buku Pengajian Islam



Rujukan

- Ahmad Redzuan Mohamad, Samsu Adabi Mamat, & Mohd Azmi Mohd Razif. 2017. *Interfaith Commission Malaysia: Analisis ke Atas Penubuhannya dalam Merealisasikan Keharmonian Agama di Malaysia*, Volume 11, Oktober 2017, 77-93.
- Asmahan Mokhtar & Nurshahiza Mohamad Isa. 2015. *Pengurusan dalam Islam Siri Politeknik*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Md. Aroff. 1999. *Pendidikan Moral, Teori Etika dan Amalan Moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Fauzi Morad & Ahmad Tarmizi Talib. 1997. *Tamadun Islam*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh & Nur Farhana Abdul Rahman. 2018. *Perkembangan Awal Pluralisme Agama di Malaysia*, 3rd International Seminar on Islamic Thought.
- Ezad Azraai Jamsari, Roziah Sidik, Nasrudin Yunos, & Zulkarnain Mohammad. 2006. *Pengajian Islam*. Selangor: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Eow Boon Hin. 2002. *Pendidikan Moral*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Khalif Muammar A. Harris. 2018. *Islam dan Liberalisme: antara Masalah dan Mafsadah*. Centre for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (CASIS). Universiti Teknologi Malaysia. Vol. 20 Issue 2 (2018): 1-52
- Mohd Azli Adnan, Asnuurien Najma Ahmad & Azman Ab Rahman. 2015. *Sains Teknologi & Kejuruteraan dalam Islam*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Muthualagan, Afi Roshezry Abu Bakar 2009. *Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Norhafezah Yusof, Mohd Haniff Imran Ghazali, Rosna Awang Hashim, Mohd Azizuddin Mohd Sani, Syarizan Dalib, Romlah Ramli, Amrita Kaur. 2017. Ekstremisme Agama dalam Gerakan Islamic State of Iraq dan Syria (ISIS): Satu Analisis terhadap Akhbar the Star. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* Jilid 33(4) 2017: 119-141.
- Nor Azlina Mohd Noor, Ahmad Shamsul Abd Aziz, & Rusniah Ahmad. 2020. Penyalahgunaan Media Sosial: Kerangka Institusi & Undang-undang di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication* Volume 5, Mac 2020, 57-67.
- Roziah Sidek, Zulkarnain Mohamed & Nasruddin Yunos. 2011. *Pengajian Islam*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

- Sohana Abdul Hamid. 2016. Pengaruh Media Massa terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities* Volume 1, Oktober 2016, 214-226
- Wan Norina Wan Hamat, Norhaslina Sulaiman, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Ammar Badruddin Romli. 2019. *Pengajian Islam (Siri Politeknik)* Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Latihan Pengukuhan Topik 4

Nama: _____

No Matrik: _____ Kelas: _____

Bahagian A: Soalan Objektif

1. Ciri-ciri ajaran sesat yang terdapat di Malaysia adalah seperti berikut, kecuali...
 - A. Mencerca para ulama dan tokoh-tokoh Muslim terdahulu.
 - B. Mendewa-dewakan pemimpin.
 - C. Mengakui bahawa hanya Allah SWT yang layak disembah.
 - D. Percaya bahawa gurunya boleh menebus dosa dengan wang.
2. Berikut merupakan takrif yang merujuk kepada ajaran sesat?
 - A. Ajaran yang di asaskan oleh para ulama.
 - B. Ajaran yang disebarkan untuk mengajak umat Islam Kembali kepada Islam yang sebenar.
 - C. Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam yang sebenar tetapi sebenarnya ianya bukan dari ajaran Islam.
 - D. Ajaran yang mengajar ilmu kebatinan, perbomohan serta aliran pemikiran.
3. Cabaran pembinaan akhlak solehah dalam kalangan anggota masyarakat seringkali mendapat halangan dan rintangan yang berpunca daripada...
 - A. Pergaulan bebas dan bersekedudukan
 - B. Hedonism dan Vandalism
 - C. Samseng jalanan dan buli
 - D. Semua di atas
4. Apakah tindakan utama media massa dalam menangani fahaman ekstremis?
 - A. Menyiarkan semua pendapat tanpa batasan
 - B. Menyebarkan fakta sahih dan berita yang benar
 - C. Mengelakkan laporan isu keselamatan
 - D. Memberi ruang kepada semua fahaman termasuk ekstrem
5. Prinsip yang menyatakan bahawa pemerintahan atau identiti lain perlu dipisahkan dari agama untuk mengecapi kemajuan adalah merujuk kepada fahaman?
 - A. Hedonism
 - B. Pluralism
 - C. Liberalism
 - D. Sekularisme


6. Fahaman liberal adalah kesinambungan kepada fahaman Sekularisme, apakah ciri-ciri pemikiran Islam liberal adalah berikut.
- i. Rasionalisme
 - ii. Penolakan terhadap autoriti agama
 - iii. Kebebasan hak-hak asasi
 - iv. Penolakan terhadap perundangan Islam
- A. I dan ii
 - B. Ii dan iii
 - C. I, ii dan iii
 - D. Semua di atas.
7. Fahaman Pluralisme beranggapan bahawa semua agama adalah sama dan menuju tuhan yang sama. berikut adalah ciri-ciri fahaman Pluralisme **kecuali...**
- A. Tiada satu pun agama yang tunggal dan eksklusif untuk menjadi sumber kebenaran.
 - B. Mengalakkan kerjasama dan dialog antara agama-agama yang berbeza bagi meningkatkan persefahaman.
 - C. Digunakan sebagai istilah untuk merujuk kepada keadaan hidup bersama secara harmoni di antara penganut agama yang berbeza.
 - D. Bible dalam Bahasa Malaysia sepatutnya dibenarkan untuk diedarkan kepada umum.
8. Berikut adalah cabaran utama globalisasi dalam bidang ekonomi **kecuali?**
- A. Persaingan sihat antara pelabur asing dengan tempatan.
 - B. Ekonomi negara dikuasai golongan kapitalis.
 - C. Nilai mata wang negara membangun meningkat.
 - D. Kadar pengangguran yang tinggi.
9. Apakah kesan penyalahgunaan dan penyelewengan teknologi maklumat dan komunikasi.
- A. Penyebaran budaya luar ke dalam negara.
 - B. Kanak-kanak terdedah lebih awal dengan perkembangan semasa.
 - C. Rakyat mendapat hak menyuarakan pendapat
 - D. Penyalinan program atau mengguna produk perisian tanpa keizinan.
10. "Lelaki boleh memiliki 4 orang isteri, makan wanita juga berhak memiliki 4 orang suami". Pernyataan berikut diperjuangkan oleh sister In Islam. Mereka adalah golongan?
- A. Sekularisme
 - B. Liberalisme

- C. Sosialis
- D. Pluralisme

11. Berikut manakah kesan fahaman Sekular kepada ekonomi?
- A. Melahirkan sistem kapitalis
 - B. Urus niaga yang mengandungi unsur judi
 - C. Bermatlamat kekayaan membantu kebajikan masyarakat
 - D. Riba dalam urusanniaga menindas golongan pembeli dan peminjam

BAHAGIAN B: PERBINCANGAN (Sediakan kertas kosong)

1. Bacakan contoh perkahwinan campur yang berlaku di masyarakat yang pengiktiraf fahaman Pluralisme
2. Senaraikan bahaya fahaman liberal kepada masyarakat Islam.
3. Sila jawab teka silangkata berikut:



Melintang:

2. Antara ciri-ciri golongan liberal adalah membuat penolakan terhadap _____ agama
3. Ajaran _____ iaitu sesuatu fahaman atau amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam tetapi sebenarnya bukan dari ajaran Islam
4. Antara ciri-ciri golongan liberal adalah menuntut _____ gender
7. _____ adalah satu ideologi yang menyamaratakan semua agama

8. _____ adalah fahaman yang memisahkan agama dari urusan kehidupan termasuk urusan ekonomi, pendidikan, pentadbiran negara, sukan dan lain-lain.
9. _____ adalah istilah yang digunakan untuk merujuk kepada kebimbangan atau ketakutan kepada Islam oleh orang bukan Islam.
10. _____ ialah kefahaman yang sangat kuat terhadap pandangan yang melampaui batas kewajaran dan bertentangan dengan hukum yang ditetapkan.

Ke bawah:

1. Menurut Kamus Dewan _____ bermaksud fahaman yang liberal, pendirian yang mahukan demokrasi serta kebebasan dalam kegiatan ekonomi.
5. Salah faham terhadap Islam merupakan satu _____ atau pemikiran yang silap terhadap Islam.
6. _____ merujuk definisi yang diberikan oleh Kamus Dewan adalah fahaman yang radikal dalam politik

PN. HJH. ROSMAWATI BINTI RAZAK (PENULIS & PENYEMAK)



- Ijazah Sarjana Pengajian Islam (Pengajian Dakwah & Kepimpinan), UKM
- Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, UM
- Pensyarah Kanan Unit Pendidikan Islam
- Pernah bertugas di PIS, PSP, PTSS dan sekarang di Politeknik Nilai

DR. HJH. NOR HAYATI FATMI BINTI TALIB (PENULIS, PENYEMAK & PEMBACA PRUF)



- Ijazah Doktor Falsafah Pengukuran dan Penilaian, UKM
- Ijazah Sarjana Pengukuran dan Penilaian, UKM
- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah), Al-Azhar Universiti, Kaherah
- Pensyarah Utama Unit Pendidikan Islam
- Pernah bertugas di: SMK Benut Pontian, SMK Renek Besut, SMB St. Mary Kuching, SMKDZ Slim River, PSAS, PSA, PBS dan sekarang di Politeknik Nilai

EN. YUSRI BIN YUSOFF (PENULIS)



- Ijazah Sarjana Muda Syariah, UKM
- Pensyarah Kanan
- Pernah bertugas di Sekolah Rendah dan Menengah dan sekarang bertugas di Kolej Komuniti Kok Lanas

PN. NOR WAHIDA BINTI DZALIHU'ZZABIR (PENULIS)



- Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam), UM
- Pensyarah Kanan
- Pernah bertugas di Politeknik Port Dickson dan Politeknik Nilai dan sekarang sedang menyambung pengajian peringkat Doktor Falsafah

PN. HASANI BINTI GHAZALI (PENULIS)



- Ijazah Sarjana Usuluddin, Dakwah dan Kepimpinan, UM
- Pensyarah Utama Unit Pendidikan Islam
- Pernah bertugas di beberapa politeknik termasuk politeknik Nilai dan sekarang bertugas di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

DR. MAHNESSA BINTI A. KADIR (PENULIS DAN PENYEMAK)



- Ijazah Doktor Falasafah (Pengurusan Dakwah & Kepimpinan), UKM
- Ijazah Sarjana Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling), UKM
- Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Akidah & Falsafah), Universiti Islam Negeri Padang
- Pensyarah Utama Unit Pendidikan Islam
- Pernah bertugas di: PIS, PMM dan sekarang bertugas di Politeknik Nilai

EN. MUHAMMAD SHIBLI BIN JOHARI (PENYEMAK)



- Ijazah Sarjana Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling), UPM
- Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Islam Negeri Medan
- Pensyarah Unit Pendidikan Islam
- Pernah bertugas di: PSIS dan sekarang di Politeknik Nilai

EN. ZAINORHISYAM BIN MOHAMAD NOR (PENULIS DAN PENYEMAK)



- Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam, USIM
- Pensyarah Kanan Unit Pendidikan Islam
- Ketua Kursus Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am
- Pernah bertugas di: PPD, PMJ, PKK, JPT dan sekarang di Politeknik Nilai



PN. NORIAH BINTI NAWI (PENULIS DAN PENYEMAK)

- Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu, UIAM
- Pensyarah Kanan Unit Pendidikan Islam
- Pernah bertugas di: PUO, PSP dan sekarang bertugas di Politeknik Nilai



EN. JAMALIZAMANI BIN JAMALUDDIN (PENULIS DAN PENYEMAK)

- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin & Falsafah), UKM
- Pensyarah Utama Unit Pendidikan Islam
- Pernah bertugas di: KK Kuching, PSMZA dan sekarang bertugas di Politeknik Nilai



EN. MUHAMAD NAIM BIN ABDUL HALIM (PENULIS DAN PENYEMAK)

- Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Dakwah), Universiti Islam Negeri Riau
- Pensyarah Kanan Unit Pendidikan Islam (16 tahun)
- Pernah bertugas di: PMU, JPP dan sekarang bertugas di Politeknik Nilai.



EN. ABDUL AZIZ BIN OTHMAN (PENULIS DAN PENYEMAK)

- Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat, UIS
- Pensyarah Unit Pendidikan Islam (1 tahun)
- Sekarang bertugas di Politeknik Nilai



EN. MUHAMMAD ASYRAF BIN ABDUL GHANI (EDITOR REKABENTUK)

- Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian TESL
- Pensyarah Unit Bahasa Inggeris
- Pernah bertugas di: KK Lipis dan sekarang di Politeknik Nilai

UNIT PENDIDIKAN ISLAM, POLITEKNIK NILAI

e ISBN 978-967-2742-53-1



9 789672 742531 >